

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 43	Khamis	4 Oktober 2012
----------------	---------------	-----------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2013	(Halaman 22)
USUL-USUL: Usul Anggaran Pembangunan 2013	(Halaman 22)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Khamis, 4 Oktober 2012
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan:-

- (a) apakah tindakan tegas yang diambil ke atas *bloggers* dan lain-lain media massa yang menggunakan media berkenaan untuk menghina negara dan mencetuskan keresahan di kalangan rakyat; dan
- (b) apakah rancangan kerajaan untuk memupuk rasa kecintaan rakyat kepada negara.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Arau pada 11 Oktober 2012, Yang Berhormat Maran pada 17 Oktober 2012 dan Yang Berhormat Sepang pada 27 November 2012 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu usaha menyampaikan dasar kerajaan dan rasa kecintaan rakyat terhadap negara.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Langkawi dan semua yang bertanya atas pertanyaan yang dikemukakan. Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) memperkasakan program-program yang berteraskan semangat patriotisme dengan memberikan fokus kepada generasi muda dan belia daripada berbilang kaum. Pendekatan utama adalah melalui tiga saluran umum iaitu komunikasi bersemuka, media baru dan bahan bercetak bagi menjelaskan dasar kerajaan termasuk usaha menyemai dan meningkatkan semangat patriotisme dan cintakan negara serta perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Berhubung tindakan terhadap penyalahgunaan media massa, kesemua jenis kandungan rangkaian atau *network content* termasuk kandungan rangkaian sosial di internet adalah tertakluk kepada undang-undang negara seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan Akta Fitnah 1957, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, termasuk Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Pihak yang difitnah atau dimalukan boleh mengambil tindakan sivil di mahkamah secara persendirian dengan memfailkan saman malu ke atas mereka yang didakwa menabur fitnah melalui rangkaian

sosial tersebut. Sehingga kini, seramai tujuh orang pesalah siber telah dihadapkan ke mahkamah dan kebanyakannya adalah kes kesalahan yang melibatkan penghinaan terhadap institusi beraja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini. SKMM juga telah menubuhkan Biro Aduan merupakan pusat untuk menerima semua jenis aduan termasuk aduan mengenai penyalahgunaan internet. SKMM akan menjalankan siasatan termasuk mengenal pasti mereka yang bertanggungjawab terhadap penyediaan atau penyebaran kandungan tersebut. Sekiranya identiti mereka dapat dikenal pasti, maka tindakan undang-undang yang sewajarnya akan diambil. Terima kasih.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya nampak sekarang ini sebahagian besar orang Malaysia lebih cenderung menghina negara sendiri dan mengagung-agungkan negara lain. Ada pula yang sanggup menjadi alat atau diperalatkan oleh orang-orang tertentu di dalam dan di luar negara. Mengapakah tidak, lagu *Negaraku* dipersendakan, bendera Malaysia dimomok-momokkan sebegitu rupa sehingga membawa pada kebencian terhadap pemerintah dan pucuk pimpinan negara. Kemudiannya berleluasa di media selepas ini dan selepas itu memohon maaf. Kita terima pula maaf depa. Inikah budaya yang kita hendak jadikan. Orang kata, buat cakap dahulu. Selepas itu kita minta maaf. Ini semua budaya. Jagalah, sebelah sana baik, di sini baik, supaya memberi penjelasan, janganlah memainkan perasaan kecintaan kita kepada negara. Saya hendak tahu, berapa lagi yang perlu diambil kira oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia oleh kementerian terhadap mereka yang tersebut itu. Terima kasih. Yang ada tujuh dulu tidak cukup, saya ingat banyak lagi. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan ramai penduduk Malaysia tidak kira kedudukan, fahaman politik, pegangan agama atau keturunan yang kadang-kala menyalahgunakan media sosial ini.

■1010

Akan tetapi apa yang diseru oleh kementerian dan saya berharap semua yang cintakan negara ini iaitu tanpa mengira di mana kita berada, apa fahaman politik kita, keturunan dan pegangan agama kita semua mesti cintakan negara kita dahulu. Walaupun kita berkemungkinan tidak sefahaman dalam pegangan politik iaitu perkara yang lain dan kita mesti cintakan negara seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Langkawi, kementerian ini memang secara berterusan menyemai serta mengambil kaedah yang difikirkan perlu untuk menanam cintakan negara kepada semua rakyat Malaysia.

Berkenaan dengan berapakah lagi tindakan dan berapa orang lagi yang akan diambil tindakan disebabkan penyebaran yang tidak berasas itu, iaitu Yang Berhormat ini adalah perkara yang berterusan dan kita tidak boleh katakan setakat ini berapa banyak lagi yang hendak kita

hendak ambil tindakan. Akan tetapi seperti mana yang telah saya katakan di dalam jawapan awal saya tadi iaitu di negara ini kita mempunyai berbagai-bagai undang-undang dan berbagai-bagai tindakan yang boleh diambil kepada individu yang menyalahgunakannya dan tidak bertanggungjawab ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang kuat untuk kebaikan ada juga kuat untuk keburukan. Apakah SKMM mempunyai strategi yang ketat untuk mengawal masalah kesalahan siber ini dan apakah pendapat kementerian mengenai apa yang disiarkan dan dibaca oleh para pelajar di sekolah-sekolah, kerana kita mempunyai jumlah hampir 8,000 sekolah? Apakah dasarnya - 8,000...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Apa..., ya? Oh, 10,000 sekolah, 8,000 sekolah rendah. Jumlah 10,000, apakah strategi agar pelajar-pelajar tidak tersekat, terperangkap di dalam kesalahan siber ini?

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Kepong kerana berfikiran yang sama dengan kita di sebelah sini. Tuan Yang di-Pertua, SKMM – beberapa tindakan boleh diambil oleh SKMM tetapi tidak kesemuanya boleh diambil tindakan. Misalnya domain itu di luar negara, rangkaian yang digunakan berpangkalan di luar negara maka SKMM memerlukan persetujuan, kerjasama pentadbir rangkaian tersebut untuk mengambil tindakan kepada sesuatu yang hendak dilakukan misalnya *profile* di dalam domain itu. Akan tetapi untuk menyekat domain itu tidaklah sukar tetapi kita mesti ingat bahawa *freedom of internet* di Malaysia ini adalah terjamin dan kita tidak akan mengambil tindakan dengan sewenang-wenangnya sekiranya tidak ada aduan berkenaan dengan penyalahgunaan rangkaian tersebut ataupun dari segi akaun ataupun misalnya media sosial yang berkenaan.

Berkenaan dengan strategi kementerian iaitu bagaimana kita menyekat, bukan menyekat sebenarnya Yang Berhormat tetapi memilih apa yang patut disebar dan yang tidak patut disebar lebih-lebih lagi kepada penuntut-penuntut di sekolah rendah. Murid-murid kita di sekolah rendah kerana sekarang mereka mudah mengakses semua maklumat tersebut. Ini adalah kerjasama di antara kementerian dengan Kementerian Pelajaran dan sebagaimana yang kita telah dengar dan dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran sekarang sedang dalam proses menyediakan akses kepada kesemua sekolah negara ini. Apa yang berlaku sekarang akan lebih ketara lagi apabila semua sekolah ini termasuk di dalam rangkaian internet nanti, dan ini bukannya semata-mata tanggungjawab kementerian ini tetapi juga tanggungjawab kesemua termasuk juga ibu bapa. Terima kasih.

2. **Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, apakah yang dimaksudkan dengan “caj kumpulan wang tenaga boleh baharu” yang tertera di dalam bil elektrik setiap bulan yang perlu dibayar oleh pengguna.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato’ Sri Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam jawapan ini telah ditubuhkan di bawah seksyen 23, Akta Tenaga Boleh Baharu 2011. Bagi membolehkan mekanisme *feed-in tariff* (FiT) dengan izin, dilaksanakan, mekanisme ini membenarkan pemaju-pemaju Tenaga Boleh Baharu (TBB) termasuk pemilik rumah persendirian untuk menjual tenaga elektrik dari sumber boleh baharu kepada pemegang lesen pengagihan seperti Tenaga Nasional dan juga di Sabah *Electricity*.

Mekanisme ini juga membolehkan tenaga elektrik tersebut dijual pada tarif premium untuk menggalakkan pembangunan TBB di negara kita. Selaras dengan dasar kerajaan untuk mempelbagaikan sumber penjanaan elektrik negara ini. Peningkatan dalam penjanaan tenaga elektrik dari sumber TBB akan dapat mengurangkan penggunaan sumber tenaga fosil yang memberi kesan negatif kepada alam sekitar. Caj kumpulan wang tenaga boleh baharu adalah kutipan sebanyak 1% daripada bil pengguna elektrik untuk dimasukkan ke dalam kumpulan wang TBB.

Kumpulan wang TBB ini akan digunakan untuk membayar tarif premium kepada pemaju TBB yang telah mendapat kelulusan *feed-in approval*, dengan izin, daripada pihak berkuasa pembangunan tenaga lestari iaitu *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) Malaysia, kutipan tersebut telah dibuat melalui 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan 2011.

■1020

Kutipan ini dikenakan kepada semua pengguna kecuali pengguna domestik dengan penggunaan tenaga elektrik 300 kilowatt-jam dan kurang atau RM77 sebulan dan kurang daripadanya. Sekian.

Puan Fuziah Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tenaga baharu yang boleh diperbaharui ataupun dengan izin *renewable energy* ini, saya sokong. Ia merupakan suatu inisiatif yang memang mesra kepada alam sekitar berbanding dengan tenaga baru nuklear dan ini seharusnya kita bersama-sama untuk membantu pengembangan dan *research* atau pembangunan tenaga boleh baharu ini.

Saya difahamkan sejumlah lebih kurang RM300 juta yang dikumpulkan daripada caj 1% kepada pengguna-pengguna melebihi 300 kilowatt-jam dan juga seperti Yang Berhormat Menteri katakan tadi bahawa Akta *Renewable Energy* 2011 seksyen 23 membenarkan pemaju termasuk pemilik rumah menjual tenaga kepada TNB, tenaga boleh baharu. Akan tetapi saya difahamkan bahawa seluruh kuota sudah pun diagihkan dan tidak ada lagi peluang dan ruang kepada pemilik rumah ataupun industri pengilang dan industri kecil untuk menjual tenaga boleh baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua saya juga dimaklumkan dan mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa seluruh kuota sebanyak 49 megawatt sudah pun diagihkan kepada syarikat-syarikat sebelum pun habis tempoh untuk membuka tender terbuka ataupun ruang kepada orang ramai. Saya juga dapat maklum bahawa 30% daripada kuota tersebut diberikan kepada 12 syarikat milik anak menantu bekas Ketua Setiausaha Negara.

Jadi di sini masalah yang saya ingin tahu ialah proses, orang ramai pengguna membayar dan bagaimana pula proses mengagihkan, siapa yang dapat projek tersebut? Adakah ini projek untuk kroni? Siapa yang mengurus, berapa peratus *profit* margin, berapa banyak akses kapasiti? Kita tahu bahawa IPP, akses kapasiti 40% sedangkan *international standard* adalah 20% hingga 25%. Kita benarkan, sekarang kita bagi lagi kepada kroni, rakyat bayar, pengguna bayar. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan satu jawapan yang cukup jelaslah kepada Yang Berhormat. Terutamanya Yang Berhormat, saya rasa apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi sebagai walaupun patutnya sebagai soalan, nampaknya penuh dengan dakwaan-dakwaan yang saya rasa tidak tepat dari asasnya. Tuan Yang di-Pertua, inilah hakikat yang kita hari ini menghadapi di mana banyak *spinning* dengan izin, yang dibuat di luar ini tetapi tidak diambil kira fakta-fakta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai RM300 juta ini, ini satu sumbangan dari pihak kerajaan ke kumpulan wang ini iaitu sebanyak RM300 juta untuk *seed money* dengan izin, supaya cara ini atau FiT ini boleh dilaksanakan dengan baik serta cukup wang. Ini kerana kita perlu mengutip wang ini daripada pihak pengguna, jadi RM300 juta ini adalah untuk menstabilkan kumpulan wang ini supaya kita tidak menghadapi masalah kekurangan kutipan, itu satu. Ini bukan untuk membayar kronikah, apakah?

Tuan Yang di-Pertua, keduanya mengenai kuota ini. Memang betul kita perlu ada menghadkan jumlah lesen yang boleh kita keluarkan daripada FiT ini kerana kita tidak boleh tidak ada had. Kalau tidak ada had Tuan Yang di-Pertua, kita kena kutip lebih banyak 1% daripada pengguna sebab kita hanya kutip 1%. Ini bermakna jumlah yang kita boleh kutip adalah terhad kepada 1%. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita perlulah mengagihkan kuota-kuota ini yang selaras dengan jumlah yang kita boleh kutip. Kalau kita membenarkan kuota-kuota yang besar, akhirnya kita tidak mampu bayar daripada kumpulan wang ini. Itu pun satu kesalahan daripada pihak berkuasa iaitu SEDA. Jadi oleh sebab itu kita perlu ada kuota.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, kuota ini kita bukan hendak agihkan sewenang-wenangnya, kuota ini kita agihkan melalui satu proses di mana pihak yang ingin mencampuri atau ingin menyertai penjanaan TBB ini mereka kena *bid online* atau *bidding online*, Tuan Yang di-Pertua. *This is the first time* dengan izin, yang berlaku di Malaysia di mana kita gunakan satu sistem yang cukup telus, yang cukup terbuka untuk sesiapa yang hendak menyertai skim ini iaitu mereka perlu *bid online*. Kita paparkan jumlah *on time* dalam skrin kaca komputer ini. Kita boleh

lihat dari *screen online* itu di mana *on a real time*, berapa yang tinggal kuota yang lagi, berapa sudah diagihkan. Semua ini tidak ada mekanisme di mana saya atau CEO SEDA ini campur tangan atau pengerusi SEDA ini campur tangan untuk memilih siapa yang boleh diagihkan. *So, it is hands off* bukan, kita tidak boleh campur tangan siapa yang diagihkan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jelaskan juga serta maklumkan kepada Dewan banyak juga tulis surat kepada saya, jumpa saya di *office*, mereka hendak ceburi dalam bidang ini dan saya katakan *sorry, you have to bid online* dengan izin kalau *you* mahu masuk dalam bidang ini. Itu yang saya hendak sebut.

Adalah salah dianggapkan semua kuota ini dihabiskan, hanya solar sebab solar ini, SPV solar ini adalah popular di antara kalangan yang ingin menjanakan TBB ini. Oleh sebab ia popular banyaklah orang bida, orang masuk dalam *bidding* proses ini dan sebab itu maka solar itu sudah, untuk solar lebih dari lima megawatt sudah habis tetapi solar untuk lima kilowatt di bawah itu iaitu untuk kegunaan domestik di rumah-rumah ini masih ada. Saya mintalah di sini kalau Yang Berhormat hendak pasang PV ini atas bumbung rumah anda bolehlah minta. Bolehlah masuk dalam laman kita, *bidlah* untuk dapat pasang PV solar itu di rumah anda.

■1030

Bagi syarikat-syarikat yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu mengenai 12 syarikat yang berjaya diiktiraf oleh SEDA apabila *bidding* sudah tutup ialah kita difahamkan *son in law* dengan izin, bekas KSN. Ini betul tetapi saya hendak *underline* ini, saya hendak tekankan perkara ini bahawa syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Encik Todd ini, dia gunakan cara-cara yang saya sebut tadi iaitu *bidding online*. Bukan dia datang jumpa saya, saya yang kasi dia, tidak ada. Dia buat *bidding online* sama dengan lain-lain syarikat dan sebab itu macam mana saya boleh salahkan dia sebab dia menantu bekas KSN? Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. *This is a fair bidding process*. Sebab ia *fair bidding process*, dia yang menang, dia yang dapat dan saya tidak campur tangan, pihak CEO SEDA pun tidak campur tangan mengenai perkara ini.

Oleh sebab itu saya haraplah jangan kita mendakwa perkara-perkara dengan fakta yang tidak betul, fakta yang tidak ada dalam tangan kita, kita hanya keluarkan dakwaan-dakwaan yang liar sebagai kroni dan sebagainya. Tidak ada kroni, Yang Berhormat. Tidak ada maksud-maksud atau benda-benda yang berkaitan dengan kroni. Ini saya boleh jelaskan kepada semua Ahli Yang Berhormat di sini. Kita tidak menggunakan apa-apa kaedah di mana saya ada kuasa meluluskan, tidak ada. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniahlah kepada pihak kementerian kerana menunjukkan KPI NKRA yang begitu tegas sekali. Apabila kementerian membuat benda-benda untuk menambahbaikkan kementerian, memang diputarbelitkan oleh pihak pembangkang. Itu memang jelas. Apa yang kita buat untuk rakyat yang baik, dia bangkang. Apa dia buat sini kita buat yang baik, dia bangkang. Semuanya dia bangkang. Itu tugas mereka Yang Berhormat Menteri. Biarlah.

Jadi soalan Yang Berhormat Menteri, saya punya soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua adalah *basic* untuk kepentingan rakyat. Kita sedar bahawa kementerian ini begitu prihatin untuk menambahbaikkan *billing system* kita. Soalan saya mengenai *billing system*. Dahulu kita ada *billing* melalui meter-meter cara mekanikal. Sekarang diubah untuk tujuan penambahbaikan kepada meter-meter elektronik. Akan tetapi masalahnya Yang Berhormat Menteri, banyak yang mengadu bahawa *billing system* yang baru ini agak meningkat kosnya.

Jadi apakah kementerian melihat aduan rakyat ini bahawa bil baru ini adalah betul dan tidak mencurigakan hati rakyat? Dan berapakah jumlahnya yang telah ditukar *billing system* terutama sekali di luar bandar yang selalu mengatakan apa sudah salah dengan bil ini yang tiba-tiba naik? *Billing system* air, *billing system* elektrik dan sebagainya. Itu soal *billing* Yang Berhormat Menteri dan saya minta berapakah jumlah kos...

Beberapa Ahli: Soalan, soalan!

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini soalanlah ini. Kos ini rakyat mahu tahu. Kos dibelanjakan oleh pihak yang tertentu untuk menggantikan semua meter ini. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Ia ada kaitan sedikit dengan soalan asal ini mengenai FIT. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak TNB atas aduan-aduan yang diterima dan juga konsultasi saya dengan banyak juga Ahli Yang Berhormat di sini mengenai masalah yang dihadapi oleh TNB mengenai *billing* yang akibat daripada pemasangan meter jenis baru iaitu jenis digital, bukan elektro mekanikal tapi jenis digital ini sebab ada banyak yang rasa tidak puas hati, saya sudah berbincang dengan TNB dan TNB pun setuju bahawa TNB akan kaji balik perkara ini. Buat sementara ini dia tidak ada lagi rancangan untuk menukarkan meter digital tetapi dia akan kaji balik macam mana sistem ini sama dari yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai *billings*nya dan dia akan buat satu keputusan kemudian. Sebab itu rancangan untuk menukar meter ini sudah diberhentikan buat masa sekarang.

3. Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan daripada transformasi ekonomi dan Model Baru Ekonomi yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pasir Salak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi dan Model Baru Ekonomi terutamanya di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi tempoh 2011 hingga 2015 telah menghasilkan beberapa kejayaan seperti mana dapat dilihat dari beberapa petunjuk sosioekonomi yang menggalakkan.

Antaranya adalah peningkatan daya tahan ekonomi Malaysia dalam persekitaran ekonomi dunia yang lemah yang mana negara berjaya mencatatkan pertumbuhan sebanyak

5.1% pada tahun 2011 dan 5.1% dalam separuh pertama tahun 2012. Pertumbuhan sebahagian besarnya telah dijana oleh perbelanjaan swasta terutamanya pelaburan swasta yang meningkat 12.2% pada tahun 2011 dan 22.4% pada separuh penggal tahun 2012. Malah, pelaburan swasta berbanding dengan awam kini menyumbang kira-kira 60% daripada jumlah pelaburan. Pelaburan langsung asing turut meningkat kepada RM36.6 bilion pada tahun 2011 berbanding sasaran sebanyak RM30 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek utama di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, penswastaan, projek-projek PFI dan juga projek-projek ETP sedang dilaksanakan mengikut jadual. Antaranya projek Kuala Lumpur Mass Rapid Transit (MRT), LRT sambungan, pembangunan tanah RRI, KLIA 2, Projek Petronas Rapid dan Tun Razak Exchange (TRX) serta Projek Perumahan 1Malaysia. Bagi menggalakkan sektor ekonomi berdaya saing tinggi, syarikat peneraju generasi muda seperti Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) dan TalentCorp telah ditubuhkan. Malah, kerajaan juga telah melancarkan laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bertujuan melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi secara keseluruhannya.

Sehingga kini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan secara keseluruhan 138 projek di bawah ETP dengan jangkaan pelaburan sebanyak RM203.1 bilion.

Justeru, saya percaya bahawa dengan kerjasama semua pihak dalam melaksanakan agenda transformasi nasional termasuk kawan-kawan saya sebelah sana serta dengan sokongan sentimen pengguna dan keyakinan pelabur yang kukuh, sasaran pertumbuhan antara 4% hingga 5% bagi tahun 2012 boleh dicapai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1040

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Angka-angka diberikan menunjukkan kejayaan yang telah diperolehi dan juga harapan masa hadapan yang baik berdasarkan projek-projek yang ada dalam *pipeline* kerajaan. Namun begitu, yang penting ialah transformasi ekonomi ini menyeluruh melibatkan rakyat keseluruhan di bandar dan luar bandar untuk menyokong program transformasi ini dan juga untuk mengambil bahagian. Sememangnya kita mahu mereka juga mendapat manfaat daripada perubahan. Di sini saya ingin menarik perhatian dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimana kita boleh mengharapkan perubahan di kalangan rakyat jelata. Apakah program yang dibuat oleh kerajaan untuk memastikan bahawa mereka ini juga bergerak dan berubah selari dengan rancangan dan sasaran yang diletakkan oleh kerajaan.

Walaupun pelbagai projek telah disebut tetapi kalau rakyat pada keseluruhannya tidak bersedia, ianya tidak akan mencapai matlamat untuk membangunkan rakyat. Perubahan dari segi nilai hidup, perubahan dari segi pandangan dan juga jati diri seseorang itu penting. Kita lihat masyarakat kita di luar bandar masih lagi kurang. Perubahannya begitu lembap sekali dengan

izin, *they are not moving with the times. The time is changing, we are changing very fast but they are not moving as fast as we are. So they will be left behind* dengan izin. Kebanyakan belia di luar bandar, masyarakat di luar bandar, saya rasa mereka pun tidak begitu faham dengan transformasi ini. Mereka juga tidak begitu menghayati gagasan transformasi ini. Dengan sebab tu pernyataan mereka juga agak meleset.

Kita hendak melihat satu gerakan rakyat di semua peringkat, di seluruh pelosok, *they are with this...* apa hendak dikata, perubahan gerakan yang berlaku ini, *they are participant in the transformation program, they are not passengers* dengan izin. *We don't want them to be passengers. We don't want them to be rent-seekers, we don't want them to be ali baba, we don't want them to be* macam-macam lagi masih ada yang wujud. So, minta Tuan Yang di-Pertua izinkan saya memperjelaskan soalan saya ini. *Change ourselves*, perubahan dalam diri setiap orang daripada rakyat itu penting. Apabila dia berubah, fikirannya berubah, sikapnya berubah dan menerima gerakan dan wawasan yang kita bawa itu, dia akan menjadi turut serta untuk mengangkat menjayakan program itu. Kalau tidak dia akan melihat dan *wait and see attitude, not participating. You get launch for example ETP macam-macam projek, but are we participating, are they participating? Are they part of the process? This is important.* Kalau tidak nanti yang menjadi *participant*, yang menjadi *beneficiaries, I'm not the people, not our people*, bukan rakyat kita yang menjadi *beneficiary*. Faham apa *beneficiaries*? Faham?

Beberapa ahli pembangkang: Soalan, soalan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Soalan saya, apa dia program kerajaan...

Seorang Ahli: Berapa kali hendak cakap?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kena ulaslah sedikit. Apa dia program kerajaan untuk memastikan perubahan yang diharapkan melalui transformasi ini turut disokong dan didukung dan disertai oleh rakyat Malaysia keseluruhannya supaya ianya benar-benar berjaya mengubah negara kita ini kepada satu negara yang maju. Bukan tidak berjaya. Kalau saya hendak pusing sedikit saya hendak kata apa tindakan kerajaan untuk mengubah sikap pihak pembangkang ini?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ubah kerajaan, ubah kerajaan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mereka juga tidak menjadi *participant. We are changing. We want to change whether they want to change.* Pembangkang *don't want to change. [Disampuk]*

Seorang Ahli: *We change you.*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sebelum Yang Berhormat jawab, duduk. Dua hari yang lalu Yang Berhormat Ipoh Barat mengatakan bahawa dia rasa terkilan oleh kerana soalan dia nombor lapan tidak dapat dijawab memandangkan bahawa pertanyaan-

pertanyaan daripada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat terlampau panjang sangat dan begitu juga jawapan Menteri. Ahli Yang Berhormat, saya berpandangan bahawa bukan Ahli Yang Berhormat tidak faham peraturan mesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat faham. Jadi tidak elok bagi saya dan timbalan-timbalan saya sering kali mengingatkan itu. Apabila kami berbuat demikian, kadang-kadang ia tidak diterima dengan baik dan dada yang lapang. Jadi, beginilah. Terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat fikir bahawa sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan ini penting, lebih banyak soalan dapat dijawab, lebih elok. Terpulang kepada Ahli Yang Berhormat *discipline yourself*.

Mulai dari sekarang saya ambil peranan bahawa biar Ahli Yang Berhormat sendiri yang tegur kepada teman-teman itu pula. Saya sudah cukup bersabar, kadang-kadang saya hilang kesabaran. Kadang-kadang tidak elok bagi saya. Kalau saya tengok malam, apabila siaran persidangan Parlimen dikeluarkan dalam *news*, saya tidak rasa sedap. Kadang-kadang sampai dua tiga hari saya fikir, *so it effects my health*. Jadi mulai daripada sekarang terpulang kepada Yang Berhormat, *discipline yourself*, tegur kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat tegur. Kalau tidak sesi persoalan jawab lisan tidak dibuat tidak ada perbahasan bagi saya tidak apa. Kerana saya nampak terlampau banyak yang sengaja. Sila Yang Berhormat Menteri jawab. Kalau panjang pun sampai habis 11.30 tidak apa. Bagi saya tidak apa.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jangan buang masa lagi, saya terus jawab. Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengakui kepada apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi. Memang ada satu perancangan yang begitu laju, dinamisme transformasi. Begitu pantas sekali tetapi modal insan kita perlu dipersiapkan untuk tuntutan-tuntutan pembangunan yang telah dijuruterakan oleh kerajaan. Maka saya rasa fokusnya modal insan dan transformasi pendidikan yang baru-baru ini dilancarkan perlu dicerna sedalam-dalamnya dan *capacity building* di peringkat bawah dalam sektor ekonomi, sektor pertanian perlu diperkasakan. Saya minta supaya semua pihak termasuk yang dikatakan tadi oleh di hadapan itu, *I think we have got a good model. Let's work together*. Itu sahaja yang dipinta Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil perhatian mengenai apa yang Tuan Yang di-Pertua sebutkan lebih awal dan akan cuba untuk meminta supaya Timbalan Menteri ini yang selalu juga menjawab soalan-soalan seperti ini bagi mewakili Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Nampak beliau sedang menggilap segala keterampilan untuk menjawab soalan-soalan seperti ini. Cumanya saya merujuk kepada satu laporan Asian Development Bank yang mutakhir April 2012 yang sementara saya boleh memahami apa yang Timbalan Menteri cuba huraikan sebentar tadi tentang beberapa peningkatan tentang khususnya pelaburan atau pun *private investment* yang saya akui memang ada beberapa peringatan yang agak ketara.

■1050

Persoalannya adalah, berpandukan kajian yang dibuat oleh *Asian Development Bank* ini yang *authomya* adalah Jayana Semenon menyebutkan tentang, dengan izin, "*The fall in private investment rightly causes...*", beliau dengan nyata menyebutkan bahawa, saya ambil hanya dua faktor besar yang dikatakan sebagai keperluan kepada anjakan, "*...the old approach versus the new approach.*" Dalam perkara inilah letaknya *bottle neck* dalam menjayakan perkara yang Timbalan Menteri sebutkan tadi.

Pertamanya, pelaburan yang terlalu banyak, dengan izin, *growth pump primarily through capital accumulation*, berbeza dengan *growth through productivity*. Di sini letaknya *bottle neck* kita dalam negara ini di mana kita terperangkap dengan *human capital*.

Keduanya, saya minta kalau Timbalan Menteri sedia untuk menerima hakikat bahawa apa yang disebutkan anjakan yang perlu dilakukan adalah *dominant state participation in the economy*. Dengan kata lain, *overcrowding GLC's* yang akan menyesakkan keterlibatan *private enterprises* dalam *private sector*. Dua perkara ini menjadi *bottle neck* yang diakui oleh kajian ADB ini. Minta Timbalan Menteri jawab dengan segala ikhlasnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Selangor selalunya menggunakan kaedah begini, kerana indikator ekonomi bukan ditentukan dari satu komen oleh seorang Yang Berhormat. So persepsi yang...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *It's a group studies.*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya jawab, saya jawab. Yang Berhormat, dengan izin, *you cannot use that one indicator as an overall perceptions, you are giving a wrong message to the Dewan yang mulia, yang murni ini. Okey, I go back to your question on overcrowding and capital injection... [Disampuk]* Tidak apa, saya habiskan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Capital accumulate*, bukan *capital injection*, perbezaan produktiviti.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey, *let me answer Sir.*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Faham soalan betul-betul Timbalan Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *Sir, you must be patience.* Sebagai seorang akademik, intelektual, *you must be patience to listen. When you only listen, you can understand.*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *I want to make sure you understand the question, okey?*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Baik Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sedikit ruang kerana ini adalah satu *accusation* yang mendalam. Pertama, bila Majlis Penasihat Ekonomi Negara bersidang untuk menggubal *new economic model*, maka fokusnya adalah kualiti hidup, tiga sahaja fokusnya. Pertama pendapatan tinggi, kemapanan - *sustainability* dan juga keterangkuman - *inclusiveness, very clear*. Kemudian ada lapan IPS, Inisiatif Pembaharuan Strategik atau *Strategic Reform Initiative*.

Pertama, penyuburan kembali sektor swasta. Tengok *global indicator, I don't have to go through the details with you, you know and understand why we need domestic private investment, right now in this climate*, dengan izin.

Kedua, *human capital* yang berkualiti, kalau tidak *we cannot compete*.

Ketiga adalah, *domestic economy* yang lebih berdaya saing.

Dan seterusnya pengukuhan sektor awam untuk *deliberate*. Sektor awam menjadi pemudah cara. So ada lapan macam itu yang kita buat... *[Disampuk]* Saya tidak ada masa. Saya tidak ada masa, kerana Tuan Yang di-Pertua sudah tegur.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Jawab satu sahaja, TPF dulu, jawab TPF dulu.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *Let me finish, then you speak, let me finish. Don't disturb my floor; don't distract my flow of thoughts. Please* lah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Jawab TPF sahaja Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Setakat ini sepuluh pengumuman sudah dibuat oleh Perdana Menteri. Perdana Menteri *has made 138 EPE, EPP entry point projects with RM203.1 billion investments. We are doing well, you don't deny truth, don't deny truth please.* Yang Berhormat, *don't use you intellectualism to deny truth. It is happening, it's going on.*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya minta TPF, *total productivity factor*, itu sahaja jawab. Yang lain saya boleh terima Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Kalau Yang Berhormat seorang yang degil, apakah saya terdaya?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: TPF sahaja saya hendak dengar jawapan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak mahu dengar, saya duduk sahajalah Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bila kita mahu cerita kebenaran, dia tidak mahu dengar, *he is so degil, how can? I'm telling the truth here, I'm giving you facts and figures which are truth and you are telling that this is wrong.* Yang Berhormat, *I respect you but you cannot argue on emotional man, on facts.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Timbalan Menteri, saya boleh terima *your argument* cuma saya minta *total productivity factor*. Satu sahaja saya minta.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *You are not listening to what I'm telling you, you are not listening to what I'm telling you. You deny facts.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bukan kasihan kepada apa, saya kasihan kepada tukul ini... *[Menunjuk kepada alat penukul yang ada di atas meja]* Yang ini daripada dulu dibuat sebagai perhiasan, sekarang banyak sudah yang... *[Ketawa]* Jadi saya kasihan dengan yang ini, itu sebab saya kasi biar Yang Berhormat... *[Ketawa]* Tak apa lah.

4. **Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kes saman serta jumlah hasil sejak pelaksanaan AES atau *Automated Enforcement System*.

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, *Automated Enforcement System* atau AES telah mula beroperasi secara *live* untuk fasa pertama *roll out* pada 23 September 2012. Pelaksanaan AES di peringkat ini melibatkan 14 lokasi dengan pengoperasian sepuluh kamera tetap dan empat kamera mudah alih. Sehingga 30 September 2012, sebanyak 63,558 imej kesalahan telah dirakam. Imej-imej ini sedang dalam proses semakan dan pengesahan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sebelum saman dikeluarkan kepada pesalah lalu lintas. Memandangkan saman masih belum dikeluarkan di bawah pelaksanaan AES ini yang baru beroperasi pada 23 September 2012, maka tiada sebarang hasil yang telah dikutip setakat ini. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan tersebut. Seperti sedia maklum, kita tahu sistem penguatkuasaan automatik ini berkuat kuasa selepas Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) yang dibuat pada tahun ini. Kita juga tahu rang undang-undang ini pernah dibentang kali pertama pada tahun 2010 dan ditarik balik. Walaupun ini dalam peringkat fasa pertama, tetapi apabila semua kamera dipasang, kita jangka mengikut..., semasa perbahasan sebelum ini, kita tahu sebanyak seribu kamera akan dipasang di seluruh Malaysia dengan memberi kontrak ini kepada syarikat-syarikat yang kendalikan kamera tersebut. Ini merupakan satu *business* yang agak lumayan.

Kita juga tahu dua syarikat yang diberikan kontrak tersebut ialah ATES Sdn. Bhd. dan Litar Tegap Sdn. Bhd., di mana ATES memang antara pengarahnya ialah Chi Chu Cheong dan seorang yang berkait melalui Ethos Consulting, berkait dengan seorang yang bernama Omar Mustapha bekas pegawai khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Soalan saya, sekiranya tiga ribu kamera yang dipasang di seluruh negara dan dijangka mungkin antara enam hingga sepuluh juta saman yang dikeluarkan, apakah anggaran pendapatan untuk syarikat-syarikat tersebut dan untuk kerajaan. Sekian.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Gopeng, sebenarnya Yang Berhormat ini cuba untuk mewujudkan persepsi dalam soal ini tetapi kebenarannya apabila kita melaksanakan AES ini, ianya bertujuan murni iaitu untuk mewujudkan *perception of being caught* kepada pemandu-pemandu kita. Kita percaya dengan pelaksanaan yang berkesan, ianya akan dapat mengurangkan kemalangan di jalan raya dengan mengambil kira peningkatan kenderaan yang sentiasa bertambah di dalam negara ini dalam lingkungan satu juta setahun. Kita sudah mempunyai kenderaan berdaftar hampir 22 juta dan sekiranya tidak ada langkah-langkah yang diambil untuk khususnya mewujudkan penguatkuasaan yang berkesan, maka sudah tentulah kemalangan akan bertambah.

■1100

Itulah niat murni kerajaan melaksanakan AES ini dan apabila kita melaksanakan, kita telah menimbang pelbagai model dan *outsourcing* ini adalah merupakan satu model yang diharap dapat memberikan kebaikan kepada kerajaan iaitu melalui *build, operate and transfer* di mana kerajaan tidak mengeluarkan apa-apa modal bagi melaksanakannya. Apa yang kita peroleh ialah kita hanya membayar atau fi kepada pengendali-pengendali syarikat yang telah dikenal pasti yang dilakukan secara *open tender* di mana ada sembilan syarikat yang menawarkan diri untuk memberikan perkhidmatan tetapi tujuh yang telah datang untuk diuji dan daripada tujuh tersebut, melalui beberapa saringan tertentu, *live demonstration* dan juga beberapa kajian terhadap 'kebolehmampuan' syarikat-syarikat ini maka akhirnya kita memilih syarikat ATES dan juga Beta Tegap ini.

Jadi ingin saya jelaskan di sini bahawa niat kerajaan yang asas sekali ialah untuk meningkatkan *perception of being caught* iaitu ingin menimbulkan pemandu-pemandu yang berhemah dan berdisiplin di jalan raya supaya kita dapat menyelesaikan masalah. Itulah niat kerajaan. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tan Sri, tak jawab soalan itu. Tak jawab soalan itu, Tan Sri. Anggaran kalau 10,000 saman berapa banyak.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak apa, tidak apa. Nanti jawapan bertulislah. Terima kasih Yang Berhormat, saya terus kepada soalan. [*Dewan riu*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, sudah-sudah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri, kalau nanti jawab Yang Berhormat Kinabatangan, dalam jawapan itu nanti masukkan Yang Berhormat Gopeng punya jawapan. Kalau boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, masukkan. Kita dimaklumkan bahawa lebih kurang 560 sistem baru AES ini ataupun *Automatic Enforcement System* dan 256 kawasan lampu isyarat telah dipasang. Soalan tambahan, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyatakan apakah kesalahan yang selalu dilakukan oleh pengguna jalan raya yang dapat dikesan oleh sistem baru ini dan apakah mereka yang melakukan kesalahan ini boleh melihat kamera tersebut, rakaman kesalahan mereka sebab rasa saya, mereka juga mempunyai hak untuk melihat kesalahan-kesalahan yang telah mereka lakukan. Ringkas sahaja Tan Sri, tapi padat dan tepat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat dua kesalahan yang dapat dikesan melalui sistem ini iaitu kesalahan yang pertama ialah kesalahan memandu laju iaitu kita menggunakan kamera untuk merakam perlakuan-perlakuan pemandu-pemandu yang memandu laju. Yang kedua ialah perlakuan pemandu-pemandu yang *beat traffic light* ataupun yang melanggar lampu isyarat dan

ini adalah merupakan dua kesalahan yang setakat ini yang kita boleh rakamkan. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa apabila kita merakamkan, ini kita juga memberikan amaran-amaran. Seperti mana yang saya telah jelaskan berkali-kali di Dewan yang mulia ini bahawa rakaman ini sebelum sesuatu kamera itu merakamkan, kita memberikan amaran-amaran atau *signage* dalam dua atau tiga kilometer sebelum itu.

Oleh sebab itu, *signage* ini akan memberikan peluang kepada pemandu-pemandu untuk memandu dengan perlahan dan mematuhi peraturan kerana kawasan-kawasan yang kita pasang kamera ini adalah kawasan *accident prone area* yang telah dikaji oleh PDRM, yang telah dikaji oleh MIROS merupakan *accident prone area*. Jadi itulah niat kita supaya melindungi pengguna, bukan Yang Berhormat pembangkang selalu kata kita ini ada niat-niat yang lain.

Selain daripada itu, rakaman ini juga adalah rakaman statik iaitu rakaman bergambar dan juga rakaman visual. Jadi kalau tidak puas hati, boleh tengok sendiri sebab selepas gambar ini diambil, ianya akan dihantar kepada JPJ. JPJ akan membuat pengesanan dahulu. Dia tidak sebarang-sebarang bagi saman berdasarkan kepada gambar. Kita harus melihat sama ada benar-benar ada berlaku kesalahan barulah kita boleh menyampaikan saman kepada pihak pemandu dan itu adalah tanggungjawab JPJ untuk memastikan bahawa kesalahan sememangnya dilakukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah bangkit dan saya telah pun menjawab berkali-kali di Dewan yang mulia ini bahawa apa yang kita telah lakukan, apabila kita memberikan konsesi ini kepada syarikat, kita juga telah memikirkan daripada pelbagai sudut. Yang pertama ialah daripada segi *rate of return* yang kita berikan kepada syarikat ini. Kita telah *cap 17% rate of return* kepada syarikat ini walaupun kita mengambil kira bahawa banyak risiko yang berlaku. Pelaburan awal yang begitu besar yang melibatkan berbilion ringgit khususnya bagi tempoh lima tahun dan kita juga mengambil kira tentang *decay rate* yang akan berlaku iaitu apabila semua pemandu-pemandu berhemah, majoriti berhemah, sudah tentulah syarikat ini akan mengalami kerugian.

Ada tanda-tanda bahawa memang sistem ini telah pun berkesan. Misalnya dalam perkhidmatan bergambar di kawasan kilometer 26 Jalan Ipoh-Kuala Kangsar-Sungai Siput, *first three days* terdapat 50 rakaman imej yang kita dapat. Selepas itu, sekarang ini kosong bagi kawasan ini. Bagi kilometer 85 Jalan Ipoh-Kuala Lumpur-Tapah, 700 bagi *first three days* tapi sekarang tinggal 300. Jadi ini risiko yang akan diambil.

Sebenarnya baru-baru ini pun *public* pun memberikan respons yang baik. Misalnya dalam laporan yang dibuat oleh *China Press* pada 2 Oktober 2012 baru-baru ini melaporkan bahawa ramai pengguna jalan raya memuji tindakan kerajaan memasang AES khususnya di trafik Jalan Klang Lama yang di mana kita telah dapat melihat penurunan dalam *accident*. Jadi inilah matlamat kerajaan. Kerajaan berhak dan bertanggungjawab untuk melindungi rakyat bukan seperti pembangkang, untuk menidakkan apa juga usaha baik kerajaan. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tan Sri, soalan saya tadi tak dijawab. Soalan spesifik tak dijawab. Saya mohon jawapan bertulis kalau boleh.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tan Sri, saya mohon soalan ketiga ya. Hari ini saya ada soalan yang Tan Sri, soalan AES juga, Batu Gajah sini. Soalan saya nombor 40 soalan AES juga, boleh mohon soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya benarkan Yang Berhormat Batu Gajah memandangkan ramai penuntut perempuan di atas galeri. Jadi saya mahu mereka lihat Yang Berhormat Batu Gajah beraksi tapi jangan melampau ya. Sila.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, orang ramai mempersoalkan apakah benar-benar niat kementerian melaksanakan AES ini adalah untuk mengubah sikap pemanduan serta orang ramai akan mematuhi lalu lintas kerana *perception of being caught* akan ditanam di dalam sikap pemandu tersebut kerana pengendalian AES ini diswastakan dan diberi kepada dua buah syarikat dan ini menjadikan motifnya akan lebih kepada untuk mengaut keuntungan daripada untuk mendidik orang ramai. Jadi saya ingin tanya, tadi Yang Berhormat kata sejak pelaksanaan di 14 lokasi, ada 63,000 tangkapan telah dibuat.

Apakah kementerian ada meletakkan satu sasaran mungkin dalam tiga bulan dengan pelaksanaan ini, berapakah jumlah penurunan kadar pelanggaran lalu lintas iaitu had laju dan lampu isyarat. Apakah ada ditetapkan.

Perkara kedua ialah sebaik selepas lampu bertukar kuning, pemandu hanya mempunyai dua saat sebelum bertukar merah di mana kamera ini akan menangkap bagi kesalahan di lampu isyarat. Orang ramai sangat marah Tan Sri, mereka kata *window* ini dua saat terlalu pendek dan sebaliknya mungkin akan menimbulkan lebih banyak masalah langgar belakang kenderaan di lampu isyarat. Saya mohon agar kementerian boleh mempertimbangkan panjangkan masa tersebut dan kedua, adakan kaunter *counter* di lampu isyarat sebelum bertukar menjadi merah. Terima kasih.

■1110

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Banyak soalan yang dikemukakan berkaitan isu ini. Akan tetapi yang saya ingin nyatakan di sini bahawa sebenarnya seperti mana yang saya telah nyatakan sebelum ini bahawa keputusan kerajaan untuk menswastakan khususnya *outsourcing* bagi pengambilan kamera ini ialah kerana ada rasional di belakangnya iaitu kerana kerajaan:-

- (i) tidak mahu melabur kerana benda ini boleh dilakukan oleh *private sector*. Oleh sebab itu kerajaan tidak perlu mengeluarkan wang;
- (ii) yang kita juga harus fikir bahawa ada juga isu-isu lain berkaitan dengan vandalisme bahawa yang menjadi masalah dalam pemasangan peralatan seperti ini yang sering berlaku ialah masalah vandalisme dan sekiranya kerajaan yang akan mengendalikannya sudah tentulah ia akan

menimbulkan masalah untuk mendapatkan peruntukan bagi *maintenance* untuk perkara ini.

Selain daripada itu, Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkaitan dengan masalah *amber lights*. Apa yang saya ingin katakan di sini bahawa apabila sesuatu kesalahan dilakukan yang dirakamkan oleh pihak pengendali operasi, ia akan dianalisa semula oleh pihak JPJ sebelum sesuatu saman dikeluarkan untuk memastikan bahawa ia benar-benar melakukan kesalahan. Sesuatu kesalahan telah dilakukan dan sebab itulah kita juga mengambil kira *human element* dalam soal ini.

Dalam soal pemberian saman ini bukanlah dilakukan oleh pihak syarikat tetapi adalah dilakukan oleh pihak JPJ setelah menganalisis kesalahan tersebut sebenarnya benar-benar berlaku dan ini adalah merupakan keputusan yang dibuat oleh JPJ sendiri. Oleh sebab itu tidak timbul bahawa ia adalah merupakan tindakan syarikat dan saya juga menyatakan di sini bahawa apabila kita memberikan *outsourcing* ini, kita juga telah mengambil kira bahawa pembayaran terhadap syarikat ini adalah berasaskan kepada kutipan hasil. Seperti saya nyatakan tadi bahawa ia adalah berdasarkan kepada IRR 17% iaitu berdasarkan kepada bayaran perkhidmatan yang berdasarkan formula tiga langkah iaitu:-

- (i) bagi saman yang telah sah, syarikat pelaksana akan dibayar RM16 bagi setiap saman tersebut terhad kepada lima juta saman;
- (ii) setiap syarikat pelaksana akan dibayar 50% daripada baki hasil bayaran saman yang telah dikutip selepas ditolak bayaran di bawah langkah pertama terhad kepada RM270 juta setahun dan kerajaan akan mendapat jumlah yang sama dalam langkah ini; dan
- (iii) syarikat pelaksana akan dibayar 7.5% daripada baki kutipan saman selepas ditolak bayaran di bawah langkah pertama dan kedua dan baki sebanyak 92.5% dalam langkah ini adalah merupakan milik kerajaan.

Pembayaran ini dan formula ini juga adalah mengambil kira penurunan bilangan saman akibat perubahan tingkah laku pengguna jalan raya atau *decay rate* dan risiko vandalisme perkakasan dan kecurian kamera. Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pertanyaan sasaran penurunan selepas pemasangannya.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat, sebab soalan terlampau banyak tadi, saya tidak ingat tetapi sasarannya apa yang kita harapkan di sini ialah kita dapat meningkatkan *perception of being caught*. Seperti mana yang saya katakan tadi, bahawa *perception of being caught* pada ketika ini adalah di tahap 25% hingga 45%. Kita berharap dapat meningkatkannya kepada 75% hingga 90% kerana apabila berlaku perubahan dalam tingkah laku pengguna di jalan raya, sudah tentulah kita akan dapat meningkatkan kemalangan yang berkurangan.

Kalau kita lihat, misalnya kemalangan di jalan raya ini adalah melibatkan pelbagai sebab. Bukan sahaja soal kelajuan, bukan sahaja soal *beating the traffic lights* tetapi juga ada kesalahan-kesalahan yang lain. Oleh sebab itu, kalau kita lihat kajian antarabangsa menunjukkan bahawa pelaksanaan penguatkuasaan secara elektronik dapat mengurangkan kematian akibat kemalangan jalan raya di antara 17% sehingga 71% dan menurunkan kadar kemalangan jalan raya sebanyak 40%. Kita berharap dapat sekurang-kurangnya menepati kadar antarabangsa yang telah saya tunjukkan tadi. Terima kasih.

5. Datuk Raime Unggi [Tenom] minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah kutipan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi tahun 2008 hingga 2012; dan
- (b) apakah usaha-usaha (LHDN) dalam membuat perubahan atau transformasi untuk memastikan peningkatan kutipan bagi pendapatan negara.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai langsung oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dari tahun 2008 hingga tahun 2011 adalah sebanyak RM342 bilion manakala bagi tahun 2012 kutipan cukai langsung oleh LHDN adalah disasarkan sebanyak RM117 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan soalan (b), antara langkah yang diambil oleh LHDN dalam meningkatkan kutipan hasil cukai langsung adalah seperti berikut:-

- (i) memberi tumpuan pengauditan kepada syarikat-syarikat yang berisiko tinggi dan terdedah kepada pengelakan cukai;
- (ii) memberi tumpuan penyiasatan kepada pihak yang dikenal pasti tidak melaporkan jumlah pendapatan sebenar;
- (iii) pemantapan Bahagian Petroleum LHDN dengan menghantar pegawai-pegawai di Bahagian Petroleum LHDN mengikut kursus-kursus yang berkaitan dengan industri petroleum dan pindahan harga (*transfer pricing*) selain menggunakan bantuan makmal forensik dalam menjalankan aktiviti pengauditan;
- (iv) pemantapan Bahagian Forensik LHDN dengan mewujudkan Bahagian Forensik mengikut zon-zon di seluruh Malaysia. Langkah ini dapat membantu memperkemas, memantapkan dan menggunakan maklumat-maklumat yang diperoleh hasil daripada aktiviti-aktiviti auditan dan siasatan yang dijalankan;

- (v) pemantapan Unit Pengesanan LHDN bagi membolehkan unit ini mengesan dan menaksir pembayar-pembayar cukai tegar yang tidak membayar dalam tempoh masa yang sepatutnya atau gagal melaporkan cukai pendapatan masing-masing dengan betul dan tepat;
- (vi) meningkatkan tumpuan terhadap aktiviti pungutan, duti setem dan cukai keuntungan harta tanah (CKHT) dengan meningkatkan aktiviti-aktiviti audit duti setem dan menjalankan pemeriksaan ke atas pembayar-pembayar cukai yang mempunyai nilai CKHD yang tinggi.

Sekian.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tidak nafikan bahawa peranan untuk negara kita mengutip cukai yang diperoleh adalah sebenarnya untuk pendapatan negara. Kita melihat dalam bajet pada baru-baru ini, banyak pengecualian cukai yang telah ditawarkan oleh pihak kerajaan kepada rakyat kita. Kita melihat kerajaan kita begitu prihatin ke atas masalah-masalah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, terdapat sedikit kekeliruan kepada pembayar-pembayar cukai individu yang mana dalam pembentangan bajet baru-baru ini, saya mendapat *feedback* daripada individu yang keliru tentang pengecualian cukai ke atas pendapatan sama ada RM3,000 ataupun RM5,000.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahulah berapa ramaikah yang pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengenakan tindakan mahkamah ke atas mana-mana individu yang lewat menyerahkan borang cukai sedangkan sebelum ini telah diambil tindakan sivil dan juga telah dikenakan penalti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Tenom yang telah mengatakan kita kutip hasil ini supaya kita boleh tambah rizab kita untuk menjalankan program-program kita seperti pembangunan, infrastruktur dan lain-lain. Memang ini adalah hasrat kita supaya – kita hendak semua rakyat tahu kita mesti bayar cukai, kita mesti dapat hasil supaya *revenue* kita cukup membelanjakan yang kita patut belanja.

Yang Berhormat tadi ada bertanya soalan mengenai isu yang kita bentang di Parlimen baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Saya ingin ulang di sini iaitu untuk makluman Yang Berhormat, kadar cukai pendapatan diturunkan satu mata peratusan bagi kumpulan berpendapatan bercukai tahunan iaitu lebih daripada RM2,500 hingga RM500,000. Maknanya sesiapa yang sampai ke tahap itu akan kurang satu mata, *1% decrease for this category*. Soalan Yang Berhormat mengenai kes-kes yang kita ada ambil tindakan, untuk makluman Yang Berhormat, saya hanya ada angka untuk tahun 2010. Jumlah kes ada 54, LHDN menang sebanyak sebelas dan kita kalah lima. Yang lain belum selesai. Sekian.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar bahawa sesiapa yang tidak membayar cukai pendapatan akan dipenjarakan? Ini amat zalim dan tidak berperikemanusiaan. Bolehkah Yang Berhormat beri lebih terperinci tentang orang yang tidak membayar cukai akan dipenjarakan? Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Yang Berhormat, saya ingin memberi sedikit maklumat kepada Dewan yang mulia ini. Dalam data yang kita ada, jumlah yang berdaftar di LHDN bagi individu adalah sebanyak 7.1 juta dan untuk syarikat ada sebanyak 478 syarikat. Mereka yang ada bayar *tax* atau bayar cukai, untuk individu hanya seramai 1,768,239 orang dan untuk syarikat hanya 130,719 buah syarikat. Kutipannya lebih kurang sebanyak RM60 bilion lebih.

Soalan dari Yang Berhormat tadi, apa tindakan yang kita ambil kepada mereka yang enggan membayar cukai adalah seperti berikut.

- (i) mengenakan penalti lewat bayar cukai;
- (ii) mengeluarkan arahan sekatan perjalanan ke luar negara;
- (iii) tindakan saman ke atas pembayar cukai di mahkamah bagi menuntut amaun cukai yang belum diterima;
- (iv) tindakan penyitaan dan penjualan aset; dan
- (v) tindakan prosiding kebangkrapan.

Ini adalah tindakan yang kita akan ambil.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada penjara?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tiada penjara.

6. Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah serbuan atau tindakan ke atas pusat-pusat hiburan termasuk rumah urut, spa dan sebagainya. Dari jumlah yang ditahan pihak berkuasa, berapa peratus dari pekerja di pusat-pusat ini yang mempunyai permit kerja dan berapa pula yang dikategorikan sebagai PATI atau yang menyalahgunakan visa atau permit kerja.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Jabatan Imigresen Malaysia tidak mengeluarkan sebarang pas pekerjaan kepada pekerja di pusat-pusat hiburan termasuk rumah urut melainkan untuk kategori spa sahaja. Mengikut rekod, Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, Kementerian Dalam Negeri, mulai Januari sehingga Ogos 2012, sebanyak 148 pas lawatan kerja sementara atau PLKS yang sah telah dikeluarkan untuk kategori spa kepada pekerja asing yang melibatkan 12 majikan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan jumlah serbuan yang dibuat ke atas pusat-pusat hiburan ini, sebanyak 287 serbuan telah dijalankan yang melibatkan tangkapan seramai

1,427 orang atas kesalahan menyalahgunakan pas. Bagi tahun 2012 iaitu dari Januari hingga Jun, sebanyak 191 serbuan telah dijalankan, yang mana melibatkan tangkapan seramai 1,150 orang atas kesalahan yang sama. Tuan Yang di-Pertua, kategori kesalahan penyalahgunaan pas adalah melibatkan pertamanya menyalahgunakan pas lawatan sosial. Sebanyak 1,324 kes bagi tahun 2011, 1,038 kes bagi tahun 2012. Keduanya, menyalahgunakan pas lawatan sosial bagi jangka panjang yang diberi kepada suami atau isteri warganegara. Ini terdapat sebanyak 75 kes bagi tahun 2011 dan 48 kes bagi tahun 2012. Seterusnya berkaitan dengan penyalahgunaan pas pelajar yang melibatkan 28 kes bagi tahun 2011 dan 64 kes bagi tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga membuat operasi bagi tujuan memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan dan juga bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang dilakukan dalam pusat-pusat hiburan termasuk rumah urut, spa dan sebagainya bersih daripada kegiatan yang melanggar undang-undang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jelas bahawa di sini ramai di kalangan mereka yang terlibat di dalam aktiviti tidak bermoral ini adalah mereka-mereka yang masuk ke dalam negara kita secara sah yang akhirnya mereka bekerja untuk menyambung hidup di sini dengan melakukan kerja-kerja sebegini. Malaysia menjadi satu tempat yang dikatakan sebagai salah satu destinasi untuk pemerdagangan manusia ataupun pemerdagangan orang. Jadi, saya ingin bertanya sama ada setakat sekarang ini dakwaan-dakwaan ke atas pedagang-pedagang. Tidak mustahil bahawa majikan-majikan yang mengambil mereka-mereka ini bekerja di pusat-pusat seperti ini adalah mereka-mereka yang terlibat di dalam sindiket pemerdagangan manusia ataupun pemerdagangan orang.

Jadi sejauh manakah dakwaan-dakwaan berkesan ataupun banyak mana peratus pendakwaan berkesan ke atas mereka-mereka ataupun *traffickers* ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan tindakan-tindakan berkaitan dengan memperdagangkan orang terutamanya berkaitan dengan penglibatan pelacuran.

■1130

Ini banyak operasi telah dilakukan oleh pihak polis di atas pelacur-pelacur ini. Daripada segi tangkapan yang dibuat yang dibuat terhadap pelacur-pelacur bagi tahun 2010 yang melibatkan warga asing sebanyak 12,631. Bagi 2011 - 11,832. Bagi 2012 - 6,262. Jadi, ini tangkapan-tangkapan yang dibuat dan sehubungan dengan pendakwaan yang dibuat saya tidak ada maklumat di sini yang mana akan saya dapatkan lebih terperinci berkaitan dengan mereka yang didakwa di mahkamah berkaitan dengan kes itu.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak *clarify*. Saya hendak tangkapan ke atas mereka yang menjadi pedagang. Bukan ke atas pelacur-pelacur ini kerana mereka adalah mangsa kepada pemerdagangan manusia.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta ATIP bahawa pelacur ini adalah merupakan bukan kesemuanya orang yang menjadi mangsa tetapi mereka merupakan orang yang telah diperdagangkan yang termasuk di bawah takrifan, di bawah Akta ATIP.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2013

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”, dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh sembilan bilion tujuh ratus empat puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM49,749,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2013, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2012, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut. ***[3 Oktober 2012]***

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Sungai Petani.

11.33 pg.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, sekarang masih setengah jam lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memang setengah jam Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Masih lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Peraturan mesyuarat. Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Peraturan Mesyuarat 41(f), "*Ahli-ahli lelaki hendaklah memakaikan sama ada pakaian kebangsaan atau long suit*". Selempang tidak dibenarkan. Yang Berhormat Shah Alam pakai selempang.

Tuan Yang di-Pertua: 41(f) apa dia Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Pakaian, pakaian, tentang pakaian.

Tuan Yang di-Pertua: Pakaian? Mana pakaian Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Shah Alam pakai selempang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia macam pergi stadium Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang ini Tuan Yang di-Pertua tidak betulkah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak betul.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini selendang royalti. Rakyat Kelantan datang menuntut royalti untuk negeri Kelantan. Tidak boleh pakaikah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia selendang R. R itu rosak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pembangkang ini Tuan Yang di-Pertua dia fikir Parlimen ini ikut suka hati dia Tuan Yang di-Pertua. Parlimen ada peraturan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak masuk akal.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ada pakai *bow tie*, pakai...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Suka hati dia sahaja.

Seorang Ahli: Itu bukan pakaian.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sudah hendak habis penggal, tidak tahu peraturan lagi.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Janganlah terdesak tidak ada isu.

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Bukannya terdesak, hendak betulkan orang yang tidak reti.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Isunya pakaian bukan pasal royalti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam, saya minta dengan itu. Nanti hantar itu di pejabat saya. *[Ketawa]* Jangan Yang Berhormat Shah Alam yang pakai, kalau Yang Berhormat Shah Alam pakai banyak bantahan. Sila Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2013 bagi saya amat *significant* dalam sejarah politik ke Malaysia. Nampaknya kedua-dua belah pihak sudah mula matang dalam politiknya. Pakatan bincang dan kritik bajet kerajaan dan nampaknya ada wakil-wakil dari BN bincang dan kritik bajet Pakatan. Nampaknya masing-masing pihak, kerajaan dan Pakatan saling buka membuka rahsia musuhnyanya dan pertahankan bajet masing-masing. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua rakyat yang akan menjadi hakim, mereka yang akan membuat keputusan dalam pilihan raya yang akan datang.

Begitu juga sistem dua parti juga telah mula kelihatan muncul Tuan Yang di-Pertua. Rakyat mempunyai pilihan yang makin jelas siapa yang akan mereka mahu untuk menjadi pemerintah di negara ini. Dalam pilihan raya yang ke-13, rakyat boleh memilih Pakatan Rakyat. Akan tetapi jika Pakatan Rakyat gagal mereka juga boleh balik kepada Barisan Nasional. Keuntungan kepada rakyat. Ini Tuan Yang di-Pertua adalah kejayaan kita sebagai Ahli-ahli Parlimen dan ini saya kira jasa kita kepada rakyat.

Belanjawan yang dibentangkan yang menelan belanja RM251 bilion oleh Menteri Kewangan saya umpamakan sebagai bajet mi segera Tuan Yang di-Pertua. Bajet yang memberi jawapan kepada masalah rakyat secara jangka pendek seperti kita beri ikan kepada keluarga yang miskin pada hari ini tetapi gagal untuk menyelesaikan masalah kehidupan keluarga tersebut untuk suatu masa yang berterusan.

Rakyat kurang duit, kita beri BR1M, *one-off*. Bujang kurang duit, kita beri wang tunai. Ini semua menggembirakan mereka untuk seketika kerana hakikat sebenar 40% rakyat di luar menggelupur kerana keadaan amat menekan. Isu penting dan utama yang menghantui rakyat ialah pendapatan merangkak berkembang tetapi harga barang melambung naik seperti roket. Bukan sahaja pembeli menggelupur tetapi penjual dan pengusaha juga mengeluh.

Tuan Yang di-Pertua, kendalikan ekonomi negara sepertilah kita kendalikan kehidupan sebuah keluarga. Kita semua ada pengalaman, kita ada keluarga. Kita tahu berapa khazanah dan harta yang ditinggalkan oleh ibu bapa kita. Dalam konteks ini, bagaimana minyak telah pun dianugerahkan oleh Allah pada negara kita dan kita tahu minyak juga mempunyai jangka hayatnya. Seperti dalam keluarga kita ada anak-anak dan kita ada isteri atau isteri-isteri yang

perlu diberi pelajaran, perlindungan dan keselamatan serta keselesaan. Pokoknya Tuan Yang di-Pertua kita tidak boleh habiskan harta tanpa kawalan tetapi mesti mencari jalan berbelanja secara berhemah. Naikkan pendapatan keluarga secara berterusan, beri ilmu dan pendidikan kepada anak-anak agar mereka tidak terus bergantung kepada *family* dan yang paling penting Tuan Yang di-Pertua, mesti kawal gaya hidup isteri supaya tidak boros.

Sebelum saya teruskan Tuan Yang di-Pertua saya hendak ucapkan juga selamat datang kepada rombongan dari DUN Johol, Parlimen Kuala Pilah, diucapkan selamat datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti berjimat, kita mesti urus harta dengan baik. Kita mesti kawal gaya hidup kita dan mesti kawal agar isteri dan anak-anak kita tidak merempat dan papa kedana di hari muka. Untuk itu saya hendak sentuh beberapa perkara.

Yang pertama di Parlimen ini sendiri Tuan Yang di-Pertua. Saya kira sistem yang kita amalkan harus kita lihat dan harus ada tindakan untuk buat perubahan. Sistem yang ada sekarang agak longgar dan nampaknya eksekutif mempunyai kuasa yang amat luas dan menteri-menteri terlalu bebas. Kini bila kita ada rang undang-undang Tuan Yang di-Pertua, kita kemukakan atau pun bajet yang kita kemukakan dan dibentangkan selepas perbahasan dasar semua ahli dalam Dewan ini akan terlibat dalam perbahasan di peringkat jawatankuasa. Masa terlalu pendek untuk perbahasan dan kita tidak begitu mencengkam isu-isu yang dikemukakan. Ini kerana tidak wujudnya jawatankuasa khas yang dipertanggungjawabkan untuk melihat satu-satu daerah-daerah yang kita bincangkan. Apabila kita luluskan rang undang-undang dan ianya menjadi undang-undang atau pun akta, kadang-kadang masalah timbul kemudiannya.

■1140

Sebab itu kita harus ikut contoh beberapa negara lain jika sistem itu memberikan manfaat kepada kita. Sistem jawatankuasa sekali gus memberikan pemerintah bagaimana dan boleh mengawal kementerian dan akhirnya rakyatlah yang akan mendapat manfaat darinya. Begitu juga dengan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bagaimana kerajaan telah pun meluluskan peruntukan untuk menaik taraf Parlimen kita sendiri. Kita amat berharap agar semua kerja dilakukan secara tender terbuka agar kualiti kita terjamin dan maruah kita tidak tercemar. Kita tidak mahu bagaimana bangunan kita siap nanti akhirnya masalah bocor di sana sini seperti yang telah kita alami tidak lama dahulu. Begitu juga peralatan yang dibekalkan, biarlah berbaloi dengan standard dan belanja yang kita keluarkan. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang komputer ini pun tidak berapa hendak bekerja seeloknya. Begitu juga sistem sokongan kepada Ahli-ahli Parlimen hendaklah ditambah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, di bawah Jabatan Perdana Menteri juga wujudnya Biro Tatanegara. Untuk tahun 2013 kerajaan telah memperuntukkan satu jumlah yang besar, jauh lebih besar daripada tahun dahulu iaitu RM58 juta. Jumlah ini jauh lebih besar dari yang

diperuntukkan pada EPU. Saya faham tujuan BTN diwujudkan ialah untuk mengendalikan kursus-kursus dan program-program untuk meningkatkan kesedaran, cintakan bangsa, agama, patriotisme dan akhirnya sayangkan negara. Tidak ada masalah. Malah sejak BTN ditubuhkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, malah sejak Yang Berhormat Kepala Batas menjadi pemangkin utama BTN, maka BTN jugalah yang menjadi jabatan yang dikawal oleh Yang Berhormat Kepala Batas apabila beliau menjadi Menteri sehinggalah Yang Berhormat Kepala Batas juga menjadi Perdana Menteri. Maknanya BTN sentiasa di situ dan sebuah lagu yang dinamakan lagu, "*Anak Kecil Main Api*" menjadi satu acara penting dan wajib apabila setiap kursus BTN diadakan.

Saya tidak ada masalah dengan lagu ini Tuan Yang di-Pertua kerana semasa saya di universiti tahun 1970-an, kita diajar dengan lagu ini dan pada tahun 1980-an, apabila saya juga menerajui BTN pun kita menggunakan lagu ini. Cuma apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua ialah semenjak dahulu hinggalah sekarang modul-modul dan input kursus-kursus di BTN tidak bertukar. Apa yang berlaku ialah pada zaman dahulu peserta-peserta, anak-anak sekolah, belia-belia, mereka mungkin datang dengan maklumat yang amat terhad tetapi peserta-peserta kursus sekarang amat berbeza.

Oleh sebab itu saya hendak sebutkan di sini bagaimana BTN harus mengambil dan dengan secara berani merubah input-input dalam kursus-kursus yang mereka anjurkan. Hentikanlah dengan mengatakan, saya baru sahaja dapat laporan tiga empat hari yang lepas Tuan Yang di-Pertua bagaimana dalam kursus BTN, pensyarah-pensyarah dan juga fasilitator mengatakan bahawa, "*Jangan sokong PAS di Malaysia ini. Kalau sokong PAS, negara Islam akan diamalkan. Jangan sokong PAS kerana negara akan miskin. Jangan sokong PAS kerana negara akan mundur. Tengoklah Kelantan, bagaimana Kelantan amat mundur*", tetapi itu semua fakta tidak betul. Ini kerana melihat daripada buku belanjawan yang dikeluarkan, sekarang kawan-kawan kita di Sabah amat yakin apakah yang sedang berlaku di sana. Sabah sebuah negara yang kaya sekarang ini duduk di keadaan yang terbawah sekali.

Begitu juga dikatakan dalam satu kursus baru-baru ini, "*Jangan sokong PAS. Jangan sokong DAP pula. Kalau sokong DAP, Melayu akan jadi hamba dan agama Islam akan lenyap. Kristian akan menjadi agama rasmi.*" Dan kita lihat ini semua satu pembohongan. Kalau peserta-peserta kursus dengar, dia balik, dia rujuk dan dia boleh baca di media-media alternatif dan akhirnya dia tahu yang sebenarnya. Contohnya di Pulau Pinang, siapa yang menjual tanah Melayu kalau bukan orang Melayu sendiri? Jadi sebab itu kita belanja duit buat kursus. Kita belanja duit untuk tukarkan persepsi pegawai-pegawai kerajaan. Belanja duit untuk ubah persepsi guru-guru. Belanja duit dalam BTN untuk ubah persepsi doktor-doktor, doktor gigi dan farmasi. Akhirnya mereka ada maklumat. Jadi kita buang duit, kita cerita benda yang tidak betul dan ianya tidak memberi faedah, akhirnya kita habiskan duit. Oleh sebab itu saya sekali lagi menyeru supaya pensyarah-pensyarah kalau pun hendak jemput mereka, pilihlah mereka yang

baik, mereka yang mempunyai fakta yang cukup kerana kalau kita memberikan maklumat yang tidak tetap, malu sahaja.

Begitu juga apabila dikatakan bahawa kalau sekiranya memberi sokongan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim, kita tidak menunjukkan satu kematangan kerana Dato' Seri Anwar Ibrahim ini dahulunya dipenjarakan oleh Tun Mahathir tetapi Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi lah yang membebaskan. Saya terkejut dengan kenyataan begitu. Ini seolah-olah bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim ini dipenjarakan akhirnya dibebaskan bukan kerana jenayahnya tetapi kerana politik. Maknanya ada orang yang berkuasa untuk memenjarakannya dan ada juga orang yang boleh membebaskannya. Bukan oleh jenayah kononnya yang dilakukan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya kira, saya minta, saya cadangkan dan saya merayu supaya BTN kena ubah input. BTN mesti ubah dengan bangunan tinggi dan berani berubah mengatakan peserta-peserta telah pun matang, peserta-peserta telah pun mendapat maklumat dan modulnya harus berkata, "*Peserta-peserta sekalian, marilah kita sama-sama bangunkan negara ini. Kita mesti lawan rasuah. Kita dedahkan penyelewengan.*" Kita ajak rakyat agar semua rakyat tahu ahli politik mana, pegawai mana, pemimpin mana yang tidak amanah dan rasuah. Tidak kira dari parti mana mereka datang. Tidak kira siapa dia asalkan dia, pemimpin dan rasuah sama ada di pusat, di Kelantan, Kedah, Selangor ataupun Pulau Pinang, asalkan pemimpin dan dia rasuah, kita harus dedahkan. Kita memberikan keyakinan kepada peserta-peserta kita supaya dia menjadi seorang yang berani bercakap benar dan berani mengkritik serta memberikan maklumat-maklumat kepada pihak tertentu sekiranya dia mempunyai maklumat sedemikian.

Begitu juga kita mesti sebut bagaimana anak-anak kita di sekolah, di kolej, di universiti sanggup bersaing bukan sahaja di kalangan kita, di kalangan anak-anak bukan Melayu, di kalangan anak-anak di Sabah dan di Sarawak tetapi kita harus memberikan mereka keberanian untuk bersaing dengan negara-negara jiran. Bagaimana kita lihat rakyat di negara-negara jiran, bagaimana mereka mampu meninggalkan kita walaupun pada satu peringkat dahulu kita duduk sama dengan mereka. Begitu juga kita kena dedahkan dan kita kena ajar peserta-peserta kita agar mengatakan bahawa orang-orang yang mendedahkan skandal, orang-orang yang berani mendedahkan skandal, mereka inilah yang harus diberikan *reward*, diberikan hadiah bukan orang yang mendedahkan penyelewengan akhirnya diheret ke mahkamah kerana orang-orang ini orang yang berani. Di perenggan yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, dalam lagu "*Anak Kecil Main Api*" ini, ayatnya berbunyi begini,

*"Kita sudah tiada masa,
Majulah dengan gagah perkasa,
Janganlah terlalai,
Teruskan usaha,
Melayu kan gagah di Nusantara".*

Ini satu gagasan yang besar tetapi saya kira dalam kursus-kursus ini juga harus disebut bahawa untuk Melayu jadi gagah maka kita juga kena sebut sementara kita kata inilah Tanah Melayu, inilah negara kita tetapi kita jangan lupa bahawa Melayu juga kena kerja rajin. Melayu juga kena pandai menguruskan bukan sahaja diri mereka tetapi juga alam sekitar mereka. Melayu juga akan saya rasa pasti jadi gagah di Nusantara kalau kita boleh berbeza pendapat dan pandangan masing-masing.

■ 1150

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak sentuh tentang keselamatan dan harmoni. Walaupun kerajaan umumkan langkah-langkah bagi kurangkan kadar jenayah dan diperuntukkan RM591 juta tetapi saya amat khuatir dengan kadar jenayah yang makin menjadi-jadi malah saya bersetuju dengan mantan Ketua Polis Negara Tan Sri Musa Hassan yang keluaran kenyataan pada 13 Julai 2012 dengan menyebut, "*jangan sorok fakta.*" Kita bimbang kalau mantan Ketua Polis Negara boleh menegur PDRM, jadi kita bimbang takut-takut apa yang disebut oleh Tan Sri itu betul kerana Tuan Yang di-Pertua saya dapat hari-hari jiran saya akan bagi *Metro* dekat saya, surat khabar *Harian Metro*. Buka sahaja *Harian Metro* ini Tuan Yang di-Pertua tidak ada cerita lain tetapi jenayah menjadi-jadi, bunuh, culik, ragut, bakar orang hidup, kelar leher orang, rogol, ugut, macam-macam. Ini mungkin sebahagian kecil yang dilaporkan. Saya jangka banyak yang tidak dilaporkan.

Jadi soalan saya ialah di mana silapnya? Adakah polis tidak melaksanakan tugas mereka atau kelengkapan tidak cukup atau latihan tidak sempurna? Tuan Yang di-Pertua saya kira kita dan kerajaan, saya tidak katakan kerajaan sahaja tetapi saya kata kita juga kena lihat penyelesaian masalah jenayah ini secara holistik. Ianya mesti bermula dari pendidikan di rumah, sistem pelajaran kita di sekolah dan penguatkuasaan undang-undang dan undang-undang yang sedia ada.

Negara kita bukanlah besar jumlah rakyatnya cuma 28 juta orang sahaja dan umumnya rakyat Malaysia mempunyai pendidikan dan pelajaran yang baik dan saya kira kita juga mempunyai warisan dan akhlak yang mulia. Jadi, sementara polis dan pegawai-pegawai keselamatan melaksanakan tugas yang baik, saya kira kerajaan mesti selesaikan masalah jenayah ini dalam keadaan yang segera. Dan yang seperti saya katakan tadi tindakan serta-merta hendaklah diambil dan kita percaya dan juga mendesak supaya Menteri yang bertanggungjawab hanya bukan melihat ini ialah soal isu persepsi tetapi ini ialah realiti apa yang sedang berlaku di luar sana. So, untuk itu, tindakan bersepadu yang melibatkan semua pihak polis dan agensi-agensi serta kementerian-kementerian lain serta badan-badan NGO haruslah diambil tindakan serta-merta agar rakyat rasa lebih selamat dan lebih selesa.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bergerak kepada bekas tentera yang tidak berpencen ada diumumkan bahawa bukannya tentera yang tidak berpencen ini akan diberikan RM1,000 *one-off* kepada mereka tetapi saya berkali-kali mengatakan dalam Dewan

yang mulia ini bahawa mereka ini harus diberikan penyelesaian yang lebih menyelesaikan masalah mereka dalam jangka panjang. Ini kerana kita lihat kebanyakan mereka yang berhenti daripada perkhidmatan sebelum menamatkan khidmat '27' tahun atas apa juga alasan, berbagai-bagai alasan mereka yang berhenti ini ialah pada umur sekitar 30-an sama ada pertengahan atau pun penghujung 30-an dan lazimnya pada umur ini mereka telah pun mempunyai keluarga dan kebanyakannya mempunyai anak-anak yang masih bersekolah.

Pada peringkat ini Tuan Yang di-Pertua kerana mereka berhenti dan tidak berpencen dan untuk stabilkan kehidupan mereka, mereka memerlukan dari semasa ke semasa 3 ke 5 tahun untuk mereka masuk menjadi penjawat awam pada umur ini rasanya agak susah. Begitu juga *employer-employer* di kilang-kilang juga ada pilihan untuk ambil anak-anak muda berbanding dengan mereka yang telah pun berumur seperti ini.

Jadi lazimnya apa yang akan berlaku ialah mereka ini akan menceburkan diri dalam alam perniagaan sama ada berniaga kecil-kecil tetapi berniaga kecil-kecil pun memerlukan satu masa untuk *take-off* dan stabil. Oleh sebab itu kita cadangkan, saya cadangkan dan saya minta supaya kerajaan lihat balik bagaimana kerajaan boleh memberikan mereka *food coupon* kerana sementara mereka maju dalam perniagaan ataupun *take-off* tetapi dapur kena berasap, makanan harus diberikan kepada anak-anak.

Oleh sebab itu kalau kita sediakan *food coupon* untuk peringkat awal sama ada tiga tahun hingga ke lima tahun daripada RM300 kepada satu jumlah yang lebih munasabah mengikut pangkat mereka berhenti, saya rasa ini akan membantu mereka dan *food coupon* ini mereka boleh tukar di mana-mana sama ada di mana-mana kedai, pasar raya termasuklah kalau ada Kedai 1Malaysia pun dia boleh ambil barang di Kedai 1Malaysia semata-mata untuk makanan tetapi tidak untuk hal-hal lain.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak sentuh tentang Danaharta Nasional Berhad. Nampaknya Danaharta Nasional Berhad sepatutnya terhenti apabila undang-undang cuma memberikan tarikh hayat Nasional Berhad ini hinggalah Disember 2005. Dan apa yang berlaku ialah apabila akta ini terhenti pada Disember 2005 maka segala urusan-urusan diuruskan oleh syarikat-syarikat Danaharta termasuklah Prokhas yang mengambil alih atau menguruskan semua urusan-urusan yang tidak selesai selepas akta ini terhenti. Saya hendak bawa kes bagaimana saya merasai bahawa...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Lualan.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Silakan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Sungai Petani sebelum beliau melanjutkan perbahasan berhubung Danaharta. Beliau menyentuh tadi tentang pencen yang dimuatkan untuk pesara tentera. Saya ingin mendapat bantuan dan

penjelasan daripada Yang Berhormat Sungai Petani apakah beliau bersetuju tentang ada juga masalah yang lebih besar dihadapi oleh pekerja-pekerja selain daripada pesara tentera.

Sebelum tahun 1975, pegawai-pegawai dan anggota perkhidmatan di dalam KWSP mendapat dua bentuk caruman. Pertama dalam bentuk KWSP dan kedua disebut sebagai Staff Prudent Fund (SPF). Ini adalah sumbangan majikan terus kepada pekerja. Itu sebelum tahun 1975 namun apabila diperkenalkan Laporan Harun pada tahun 1975, untuk mengkaji semula struktur gaji-gaji pekerja dan anggota perkhidmatan di dalam skim KWSP, Laporan Harun ini telah menggugurkan elemen SPF tersebut. Maka ini menyebabkan lebih 200 pegawai dan anggota perkhidmatan di dalam KWSP telah gagal mendapat caruman SPF semenjak tahun 1975 dan ramai di kalangan mereka telah bersara dan ada di kalangan mereka telah pun meninggal dunia.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat Sungai Petani, di mana kerajaan juga bertanggungjawab untuk mempertahankan hak pekerja yang telah menyumbang kepada ekonomi negara dan pembangunan dalam negara ini dan mereka telah memberikan perkhidmatan yang baik di dalam KWSP untuk meningkatkan hasil tetapi 200 pegawai dan anggota telah tercicir daripada skim baru yang terkandung dalam Laporan Harun di mana tidak mengambil kira perhitungan struktur gaji baru ini bagi menjamin hak pekerja dan pegawai berkenaan. Jadi saya pohon bantuan dan penjelasan daripada Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Gombak, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana isu ini penting dan amat teknikal, saya masukkan ucapan Yang Berhormat Gombak tadi jadi sebahagian ucapan saya. Minta Menteri yang bertanggungjawab menjawab soalan-soalan tersebut kerana kita tidak mahu penganiayaan berlaku dan 200 para pegawai ini tidak mendapat pembelaan.

Berhubung dengan Danaharta yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, seakan-akannya dewasa ini apabila terhentinya undang-undang yang memberikan Danaharta untuk bergerak, anak-anak syarikatnya bergerak dengan begitu bebas seolah-olah tidak terkawal, seolah-olah tidak ada satu jawatankuasa yang menyelia mereka.

■1200

Malah tindakan-tindakan mereka kadang-kadang dilihat untuk sabotaj peniaga-peniaga yang ada urusan dengan Danaharta sebelum ini. Sebagai satu contoh Tuan Yang di-Pertua, ada seorang pemimpin UMNO, seorang wanita yang saya rasa amat gigih bukan sahaja dia memimpin UMNO wanita, sekarang ini pula seorang ibu tunggal pula Yang Berhormat Sri Gading, Puan Marina Yusof. Beliau telahpun menjual semua hartanya untuk membangunkan bangunan Marinara di Lot 238, Jalan Tun Razak. Setelah sekian lama bertungkus-lumus untuk membangunkan bangunan ini, kalau kita melihat, kalau kita lalu ke jalan Tun Razak, di sebelah kiri, selepas sahaja Kampung Baru, selepas sahaja Perpustakaan Negara, akan tersergam indah bangunan Marinara Lot 238 ini.

Apa yang berlaku ialah, oleh kerana beliau berhutang dan ada sedikit masalah dengan Danaharta dan akhirnya Danaharta mengambil alih bangunan tersebut dan beliau berjanji untuk membayar, dan meminta supaya ada perkiraan bagaimana membayar, tiba-tiba sampailah bulan Disember 2005, undang-undang yang membolehkan Danaharta untuk terus maju terhenti, dan masalah beliau diberikan kepada Prokhas Sdn. Bhd. Apa yang malangnya di sini ialah Prokhas melalui CEOnya, Encik Fadzlor Rahman, sewenang-wenangnya tanpa kawalan, tanpa arahan daripada mahkamah, mengatakan bangunan ini sekarang milik Prokhas. Marina Yusof tidak ada hak lagi. Jadi Marina cuba menjual bangunan beliau dengan harga yang baik kerana waktu itu bangunan itu boleh dikatakan kalau dijual pada waktu itu dengan harga hampir RM430 juta.

Akan tetapi oleh kerana tindakan Prokhas yang berdolak-dalih, yang tidak mahu menyerahkan kepada Marina Yusof, Yang Berhormat Sri Gading, akhirnya Prokhas masuk dan *renovate* kononnya bangunan ini daripada sebuah bangunan yang ada *office space* dan *apartment*, dia runtuhkan *apartment*, dia buat *office space* dan harga bangunan itu merudum kepada RM230 juta sahaja. Lebih malang lagi, apabila Puan Marina berusaha untuk menjual dan ada CF, CEO Prokhas kata, bangunan ini bukan milik Marina Yusof dan CF ini, CF tipu dan dia memberikan gambaran kepada bakal-bakal pembeli seolah-olah Marina ada masalah. Akhirnya selepas kita buat siasatan, kita dapati bahawa memang Marina memang ada tujuan untuk membangunkan perniagaan beliau dan akhirnya menyelesaikan masalah dengan Danaharta. Akan tetapi masalah-masalah ini yang menghantui beliau.

Saya ada menyebut dua perkara sahaja Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berhenti. Pertama sekali, Yang Berhormat Sri Gading, inilah di antara anak Melayu yang ada di Kuala Lumpur. Inilah wanita yang hebat, ada di Kuala Lumpur. Ada di bandar-bandar besar. Sepatutnya kerajaan datang membantu beliau. Mungkin ada masalah, duduk, bantu dia. Bantu. Dia wanita UMNO. Saya tidak ada masalah itu.

Keduanya, satu contoh wanita yang gagah, yang hebat, yang sanggup, bersaing dengan orang lain...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukankah dia masuk PKR?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukankah dia masuk PKR?

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Tidak. Dia masuk UMNO.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Selepas itu dia masuk PKR lah.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Sekarang UMNO.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Oh! Balik pada UMNO balik.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Ya. Masuk UMNO.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Oh! Sekejap sahaja di PKR.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa sudah habis.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Akhir sekali sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah UMNOkah, PERKASAKah ataupun sesiapa yang prihatin, lihat ini bukan sebagai isu politik. Bukan, bukan. Bukan sebagai isu politik tetapi kalau inilah cara Prokhas bergerak, Marina ialah satu contoh. Saya yakin, banyak lagi orang yang teraniaya. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pembetulan. "Prokhas", bukan "Prokhas"... [*Membetulkan sebutan Yang Berhormat Sungai Petani*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Pengerang.

12.05 tgh.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Parlimen sekalian. Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Pertama sekali, izinkan saya memberikan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri di atas pembentangan Belanjawan 2013, "Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat, Sebuah Janji Ditepati". Ini boleh dilihat sebagai antara bajet yang paling hebat sejak beliau memegang tampuk kepimpinan sebagai Perdana Menteri dan juga pemimpin Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bajet ini, tidak dapat dinafikan bajet ini boleh dipanggil satu bajet yang khas untuk orang muda. Kalau kita lihat satu-persatu daripada apa yang diperturunkan, kita dapat lihat tahun 2013, memang akan menjadi tahun kepada generasi muda. Kepekaan daripada kerajaan terutama sekali Kementerian Kewangan atas isu-isu yang berhadapan dengan generasi muda terutama sekali dengan zaman ekonomi yang begitu terumbang-ambing, bukan sahaja kepada negara kita tetapi juga bagi negara-negara di luar, memang satu langkah yang begitu proaktif.

Kalau kita lihatlah pada bulan ini, akan adanya pemilihan Presiden Amerika Syarikat yang mana dua parti paling besar: Parti Demokrat dan juga Parti Republikan. Suka atau tidak suka, memang begitu tertekan dengan isu-isu ekonomi. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kita lihatlah gerakan yang dibuat oleh kerajaan pada hari ini hasil Kerajaan Barisan Nasional ialah gerakan yang memang seperti yang dikatakan dalam ucapannya, memang sebuah janji ditepati.

Tuan Yang di-Pertua, saya selaku Ahli Parlimen Pengerang, mengambil kesempatan ini dalam fokus utama ucapan Bajet 2013 yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan

telah menekankan kepada fokus pertama merangsang aktiviti pelaburan. Di dalam ucapan beliau ini, beliau telah memberikan penekanan terutama sekali pada isu minyak dan gas yang mana seperti semua Ahli Dewan tahulah, saya selaku Ahli Parlimen Pengerang dalam kawasan saya akan wujud satu perniagaan, hab dagangan minyak dan gas bersepadu utama di dunia iaitu projek RAPID.

Kalau kita lihatlah daripada suara-suara sengau parti-parti pembangkang ini Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan Barisan Nasional buat, semuanya tidak betul. Semuanya tidak baik. Kalau kita lihatlah satu-persatu daripada isu-isu yang mereka bawa ini, saya selaku Ahli Parlimen telah banyak kali menekankan bahawa kerajaan pada hari ini terutama sekali Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri Johor, bersama satu agensi ataupun satu badan yang dipanggil JPDC iaitu *Johor Petroleum Development Corporation*, telah meletak banyak pendekatan yang begitu positif kepada masyarakat setempat dalam projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya sudah mendengar daripada perbahasan-perbahasan parti dari sebelah sana khasnya sahabat saya yang tidak ada di sini, Yang Berhormat Kubang Kerian. Dia saya lihat hendak menjadi Menteri Besar Johor agaknya. Saya tidak tahulah. Mungkin itu cita-cita beliau. Itu tidak mengapalah. Orang ada hak pada cita-cita. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan di sinilah, saya telah banyak kali menerangkan antara isu-isu yang mereka bawa ini lebih kepada isu mengatakan bahawa apabila bercakap tentang projek ini, akan mengetepikan perkampungan-perkampungan, mengetepikan hak-hak orang kampung, mengetepikan nelayan dan sebagainya.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kawasan ini - saya hendak timbulkan satu isu yang bagi saya tidak dijawablah. Mungkin Menteri yang bertanggungjawab yang juga mempengerusikan JPDC, dipengerusikan oleh dua orang individu iaitu Yang Berhormat Menteri Besar Johor, dan juga Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat sejarah di kawasan-kawasan perairan Pengerang ini, memang dilihat sebagai satu kawasan yang memang lalu-lalang kapal-kapal dagang asing. Kapal-kapal ini adalah kapal-kapal yang lalu di persekitaran perairan khas di dalam projek RAPID ini ialah sebahagian daripada kapal-kapal yang lalu daripada Selat Melaka ke Singapura, sebagai laluan pilihan dalam perjalanan mereka dari Lautan Hindi ke Laut China Selatan.

■1210

Kalau kita lihat dalam anggarannya, setiap tahun lebih kurang 50,000 kapal-kapal dagang asing yang akan lalu dalam kawasan ini. Kalau kita lihat, kapal-kapal dagang ini yang ia lalu dalam satu perairan ini yang mana kita lihat perairan ini - Saya banyak kali sebut dalam Dewan Parlimen ini di mana kawasan perairan kita ini digunakan sebagai kawasan perairan untuk meletakkan kapal-kapal dagang ini sebabnya apabila mereka masuk ke Singapura mesti membersihkan kapal dan kadang-kadang banyak aktiviti yang tidak sah berlaku di atas kapal-

kapal dagang tersebut dan kapal-kapal dagang yang berlabuh di negara kita, kadang-kadang kita kerugian besar disebabkan oleh apa yang berlaku di dalam aktiviti-aktiviti ini yang tidak ada pengawalan.

Itu sebabnya kalau kita tengok kawasan yang mempunyai perairan yang besar, suka tidak suka daripada projek *rapid* yang berlaku ini selaku Ahli Parlimen Pengerang mesti menerima, saya sudah beritahu kepada masyarakat dan saya hendak beritahu kepada sahabat yang sedemikian bahawa jika kita tengok di dalam kawasan ini memang suka atau tidak suka, perairan yang begitu dalam ini sedalam 24 meter ini perairan yang paling dalam sekitar perjalanan di sebelah selatan di mana 1/3 daripada kapal-kapal dagang yang lalu lalang dalam perairan kita ini membawa minyak dan gas, perairan ini daripada negara China pergi ke Timur Tengah kemudian pergi ke Rusia dan segala-galanya berlaku.

Jadi apa yang berlaku di dalam projek *rapid* ini adalah sebahagian daripada 12 projek di bawah ETP dan antara projek di bawah NKRE dan kalau kita tengok projek ini satu langkah yang proaktif dan begitu strategik Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebab ini bukan kalau kita tengok projek yang mengeluarkan minyak tetapi lebih sebagai hab dagangan di mana simpanan pemrosesan minyak dan gas yang akan berlaku di dalam kawasan ini.

Jadi sebenarnya kawasan Parlimen Pengerang ini sebenarnya dahulu merupakan kawasan penangkapan ikan sahaja sudah bertahun-tahun lamanya, jadi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turun ke Parlimen Pengerang pada 13 Mei untuk mengumumkan kawasan ini dalam projek Petronas, suka tidak suka gambaran kepada kawasan ini sudah berubah dan jadi di dalam pengubahan, dalam gambaran yang telah berubah di kawasan ini, kita akan melihat kampung-kampung yang akan dipindahkan. Saya dimaklumkan Ahli-ahli Parlimen di negeri Johor telah dimaklumkan bahawa Johor Petroleum Development Corporation akan memindahkan masyarakat fasa demi fasa dan kemudian isu pengambilan tanah adanya pampasan yang dibayar. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini daripada fasa pertama, 210 lot dengan 434 pemilik, jumlah pampasan yang telah mereka dapat setakat ini ialah RM204.86 juta dan kalau kita tengok 33 orang penduduk sudah mendapat RM13.7 juta, 64 orang penduduk sudah mendapat RM155.96 juta dan 82 orang penduduk mendapat RM35.2 juta.

Jadi ini menggambarkan bahawa ada yang mengatakan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: ...Bahawa kerajaan hanya membayar pampasan tanah sebanyak RM2.80 adalah tidak benar dan kalau kita tengoklah dalam kawasan dalam aspek tanah, kerajaan bukan sahaja membayar pampasan kepada tanah tetapi juga kepada hasil bumi di atas tanah kepada projek contohnya ada perumahan, adanya perdagangan di atas tanah dan sebagainya ukurannya adalah berlainan. Ini menggambarkan bahawa mereka yang telah diserahkan Borang H, kami dimaklumkan bahawa antara yang

diserahkan pada fasa pertama tidak ada yang memulangkan borang tersebut, ada yang terima tanpa syarat dan ada yang menerima dengan bersyarat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Silakan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanya rakan saya Yang Berhormat Pengerang. Berdasarkan kepada beberapa lokasi yang lain, pengalaman yang hampir sama, pertama kita ada kawasan perindustrian *oleo-chemical* di Kerteh, Terengganu sudah 30 tahun perkara ini berlalu dan sehingga sekarang pembangunan masih diteruskan. Di tempat saya di kawasan perindustrian Gebeng juga hampir sama kaedah pembangunannya, apa yang berlaku di sana dan sekali lagi di Pengerang.

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Pengerang, oleh sebab yang ditumpukan di sini manfaat kepada penduduk sekitar, saya rasa Yang Berhormat Kubang Kerian juga menyentuh tentang isu manfaat yang bakal diraih atau didapati oleh penduduk sekitar. Soal *accumulative development value* itu kita tidak mempertikaikannya, itu boleh dibawa angka dan sebagainya termasuk juga peruntukan yang kerajaan keluarkan untuk membangunkan kawasan-kawasan tersebut, itu tidak dipertikaikan. Tetapi soalnya manfaat yang bakal diterima atau dirasakan oleh penduduk sekitar, saya katakan ini berdasarkan kepada dua kawasan yang terdahulu iaitu Kerteh Terengganu dan Gebeng di Pahang, kedua-dua kawasan ini tidak berjaya membuktikan terdapat satu manfaat besar yang boleh dirasakan oleh penduduk sekitar dan ini sepatutnya menjadi pertikaian dan menjadi ulasan serta permintaan kalau boleh dibawa ke dalam Dewan untuk membela kelompok yang sepatutnya menjadi golongan yang ditimbang manfaat kepada mereka.

Saya tidak mempertikaikannya Tuan Yang di-Pertua dari segi skala besar pembangunan berbentuk hab petroleum dan industri, saya tidak mempertikaikannya tetapi saya memohon kepada Yang Berhormat Pengerang cuba fokus kepada golongan yang sepatutnya kita jaga, untuk kita bawa manfaat kepada mereka kerana mereka lebih berhak, kerana mereka duduk di situ dan tadi Yang Berhormat Pengerang sudah sebut beberapa kesan serta-merta seperti pengambilan tanah, perpindahan, pembayaran pampasan dan sebagainya, ini adalah aspek yang saya rasa wajib kita tumpukan kerana mereka adalah rakyat kita yang sepatutnya kita janji kepada mereka untuk bela dan berikan manfaat, kita hendak beri janji kepada mereka dan kita juga bertanggungjawab untuk menepati janji itu. Saya hendak tahu ulasan Yang Berhormat Pengerang mengenai isu ini, terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota, sebenarnya saya cukup berterima kasih jika Yang Berhormat Indera Mahkota sendiri mengakui bahawa projek ini satu projek yang baik bagi negara kita, negara Malaysia dan kita tidak boleh menafikan bahawa inilah kali pertama syarikat gergasi Petronas akan melabur sejumlah wang yang begitu besar di dalam negara kita, selalunya Petronas apabila kita bercakap

tentang Petronas budaya mereka banyak melabur di luar negara, jadi Inilah projek yang pertama yang akan dilaburkan secara besar-besaran di dalam negara kita.

Memang benar berkenaan dengan isu yang disebutkan tadi, itu sebabnya permulaan langkah dengan adanya satu projek yang besar sudah tentu dengan pendapatan semula masyarakat, di mana saya telah sebutkan tadi bahawa tuduhan demi tuduhan yang disebut oleh parti-parti pembangkang mengatakan bahawa harga begitu rendah tetapi saya telah merumuskan jawapan yang diberi daripada badan yang bertanggungjawab iaitu JPDC bahawa harganya sekitar RM2.80 dan setakat ini yang paling tinggi adalah RM8, ya kita terima yang mendapat pampasan kita terima yang ada duit tetapi tahulah orang kita apabila sudah mendapat duit dia tidak beritahu sudah ada berjuta-juta duit di dalam akaun dia, dia mesti tidak mahu beritahu sebab dia tidak mahu orang kacau dia dan sebagainya.

Berkenaan dengan masa depan, saya hendak menyatakan dalam fokus utama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, beliau sendiri telah menekankan tentang prospek kepada aspek latihan dan di dalam ucapan Yang Amat Berhormat dia telah menyebutkan tentang isu Institut Kemahiran Belia di Bandar Penawar yang begitu besar di mana pada hari ini akan diwujudkan satu kerjasama dengan syarikat Petronas supaya anak-anak muda khasnya golongan belia terutama sekali anak-anak yang keluar daripada Tingkatan Lima, yang tidak mahu meneruskan pengajian di dalam bidang matrikulasi ataupun *degree* boleh diberikan peluang untuk menjadi pelatih kemahiran dalam bidang minyak dan gas.

Petronas sendiri telah memberikan aku janji untuk menyatakan bahawa mereka akan bekerjasama dan akan melatih 300 pelajar dan selepas 300 pelajar ini, *insya-Allah* ramai lagi pelajar yang akan ditekankan. Tetapi mungkin yang saya akan tekankan di sini Yang Berhormat Indera Mahkota ialah penekanan tentang aspek kesabaran, disebabkan projek ini satu projek yang begitu baru di dalam negara kita, mungkin keadaan kata orang '*short treatment*', banyak orang akan berkata sebegini dan sebegini tetapi setahu saya kalau kita tengok mungkin jawapan daripada menteri-menteri yang relevan dan juga daripada ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri telah diwujudkan tentang persediaan kerajaan hari ini contohnya pada generasi muda, generasi belia di dalam aspek *employability*, *graduate* dan sebagainya ialah apa yang disebutkan di dalam isu Institut Kemahiran Belia yang akan bekerjasama dengan syarikat perdagangan minyak iaitu diwujudkan kemahiran bagi belia-belia tempatan.

Ini sebagai Ahli Parlimen memang saya sendiri telah memperjuangkan daripada dahulu bahawa dalam apa-apa bidang sekalipun, dalam bidang perniagaan *downstream* minyak, dalam bidang-bidang *support services* dengan izin dalam bidang minyak dan gas mesti diberikan keutamaan, contohnya keutamaan kontrak kepada masyarakat setempat. Janganlah pula – ini juga akan menjadi teguran saya, janganlah pula apabila perniagaan yang begitu besar, kemasukan tender daripada negara-negara asing yang meletakkan orang tempatan sebagai *second class citizen*, ini kita tidak mahu. Saya selaku Ahli Parlimen Pengerang memang sentiasa

menekankan hari demi hari bahawa keutamaan mesti kepada masyarakat setempat. Keutamaan mesti kepada orang tempatan kerana kalau orang tempatan tidak mendapat manfaat maka secara tidak langsung sebaik-baiknya kawasan ini bolehlah terus beri kepada syarikat-syarikat luar. Insya-Allah, saya tengok alhamdulillah ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah memberikan secara tidak langsung satu langkah pertama permulaannya dengan melatih anak muda khasnya generasi belia menjadi pelatih kepada Institut Kemahiran Belia yang akan memfokuskan kepada industri minyak dan gas dan saya dimaklumkan khusus pada hujung tahun ini akan dimulakan dengan kursus dengan izin *safety and fire*.

■1220

Maknanya, keselamatan dan bidang kemahiran keselamatan dan sebagainya. *Insya-Allah* kita akan tengok langkah demi langkah, tahun demi tahun bahawa pendekatan akan berubah mengikut kepada kehendak. Izin saya sambung Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu yang disebut alam sekitar. Saya telah jawab banyak kali ya, mengatakan isu adanya kononnya ada ikan dugong dan sebagainya.

Saya telah membahas dan banyak kali berkata bahawa ini tidak benar. Apa yang berlaku yang di belakang di kawasan sebenar iaitu di kawasan Sungai Lebam dan Sungai Johor. Itu adalah banyaknya *endangered species* dan sebagainya. Dalam kawasan laluan kapal dagang yang sedang berlaku hari ini, sepanjang-panjang dalam kawasan ini yang akan diwujudkan projek ini memang sentiasa berlalunya kapal-kapal dagang di mana kalau kita tengok pada *Hansard* saya pada setiap kali perbincangan yang saya lakukan, setiap kali saya sebutkan bahawa kapal-kapal dagang beratur di kawasan perairan Pengerang seolah-olah di malam hari macam adanya bandar atas air.

Kapal-kapal dagang inilah yang sebenarnya dalam proses masuk ke negara Singapura yang bagi saya, berani saya kata dalam Dewan ini, memberikan negara Singapura menjadi satu ekonomi yang begitu maju, negara Singapura menjadi negara yang begitu kaya walaupun tidak mempunyai hasil bumi. Singapura tidak ada gas, Singapura tidak ada minyak, Singapura tidak ada bijih timah, Singapura tidak ada getah, Singapura tidak adanya kelapa sawit tetapi mereka berjaya menjadi ekonomi yang begitu tinggi atas sebab mereka menjadi, dengan izin, *support services* kepada industri-industri kapal dagang yang begitu besar.

Jadi, Singapura menjadi suatu penempatan, dengan projek ini suka tidak suka kawasan Pengerang ini adalah kawasan yang paling dekat. Kita tengok Tuan Yang di-Pertua, kawasan Pengerang ini kalau hendak pergi ke Singapura boleh berenang kata orang. Bukanlah begitu jauh hendak katakan, tambak Johor kat Johor Bahru pun boleh dianggap jauh hendak ke Singapura. Akan tetapi dari kawasan Pengerang ini hendak ke Singapura begitu dekat yang menyebabkan suka tidak suka memang kita perlu mengambil kesempatan daripada apa yang berlaku. Kalau kita tidak mengambil kesempatan daripada ekonomi ini, selagi itulah kita akan menjadi ekonomi yang menumpang ke negeri Singapura terutama sekali bagi negeri Johor.

Negeri Johor dengan kejayaan yang berlaku di Iskandar. Negeri Johor dengan kejayaan yang berlaku dalam semua pembangunan yang telah distrukturkan oleh Kerajaan Barisan Nasional secara tidak langsung memberikan ekonomi dan kekayaan kepada masyarakat luar bandar. Jadi, masyarakat luar bandar yang paling hujung di peta negeri Johor adalah masyarakat di luar bandar di kawasan Pengerang dalam kawasan perairan, kawasan nelayan, yang diberikannya peluang untuk melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung pada saya perlu - dikata orang mempunyai pendekatan yang begitu ghairah supaya orang-orang luar bandar khususnya dapat mempunyai kapasiti untuk menyambut kepada kejayaan ini.

Namun yang lebih penting sekali Tuan Yang di-Pertua ialah anak-anak muda ini tidak berhijrah di luar daripada kawasan. Kalau tidak yang berlaku sekarang ini, anak-anak di kawasan luar bandar sentiasa duduk di kawasan luar bandar kerana hendak mencari rezeki. Mak ayah ditinggalkan keseorangan. Kadang-kadang kerajaan banyak bagi bantuan tetapi anak-anak kerana kasih sayang mak ayah, anak-anak duduk jauh. Di kawasan Pengerang ini dengan adanya projek ini secara tidak langsung, anak-anak ini boleh bersama ibu bapa. Inilah yang kita hendak tengok, sebuah keluarga yang bertanggungjawab. Jadi, dengan adanya projek Rapid ini, secara tidak langsung sama ada dalam bidang gas ataupun tidak, sama ada dalam bidang *support services* ataupun tidak, secara tidak langsung perniagaan ini akan menguntungkan rakyat Malaysia secara amnya dan khasnya kepada anak-anak negeri Johor.

Apakah kita hendak menolak pembangunan disebabkan pilihan raya, disebabkan kononnya kita ini atas perjuangan rakyat? Rakyat perjuang apa? Saudara-saudara bercakap tentang perjuangan, bila minyak tumpah di mana sedara-sedara? Di mana Yang Berhormat Kubang Kerian, bila tujuh nelayan ditangkap oleh - kata orang - saya tidak boleh hendak sebut siapalah. Tujuh orang nelayan telah ditangkap di perairan Pengerang, bawa lari ke Batam, di manakah Yang Berhormat Kubang Kerian? Yang turun ke Batam, saya Ahli Parlimen Pengerang, tidak ada polis pun, pergi sorang-sorang keluaran.

Perjuangan Barisan Nasional konsisten untuk rakyat bukan seperti parti Pembangkang iaitu perjuangan hanya kepada keadaan. Pilihan raya dekat, Yang Berhormat Kubang Kerian cakap pasal orang Pengerang. Selepas itu ada pula sahabat Yang Berhormat Kubang Kerian menuduh macam-macam, kononnya ada bukti. Saya bukanlah suka sangat saman Tuan Yang di-Pertua tetapi kalau hendak tipu, tipulah cara yang tipu betul, jangan main tangkap muat tipu sebab sedap bercakap, main tipu saja.

Jangan anggap kerana kami Ahli Parlimen Barisan Nasional, perjuangan kami perjuangan rasuah. Jangan anggap kerana kami pemimpin Barisan Nasional setiap kali kami terbuka mulut bukan kami memperjuangkan rakyat. Jangan samakan kami dengan kamu sebab mungkin kamu sedemikian, kamu ingatkan kami ini semua penyangak. Kami tidak penyangak tetapi kamu yang penyangak sebenarnya. [Tepuk]

Kalau saya tidak cakap Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap bulan buat himpunan. Berapa orang datang, yang datang orang luar. Kita cakap orang Singapura datang, dia marah, lepas itu kata kereta pecah. Lepas itu kata macam-macam seperti catlah, asidlah, ular dalam gunilah. Dua penggal saya jadi wakil rakyat, tidak pernah pula lah orang kawasan saya hendak letak ular, tiba-tiba konon himpunan hijau. Kononnya lah Tuan Yang di-Pertua, macam-macam ada. Apa yang saya hendak dengar dan tidak dengar lagi tuan-tuan, mana bomoh. Cakaplah tuan bomoh, tidak ada pula. Macam-macam pemimpin pembangkang turun, siap bawa kerusi. *“Hah, Ahli Parlimen dijemput”*, ini jemput apa? Jemput kat mana? Pejabat Parlimen Pengerang, / hantar lima, pejabat UMNO bahagian / hantar lima, hantar jelah surat.

Saya tidak takut. Saya jemput dulu bahas, tidak mahu bahas. Selepas itu saya jemput Yang Berhormat Kubang Kerian bahas, tidak mahu bahas. Bila saya tidak ada, cakap beria-ia, cakaplah. Ini sebab apa, ini sebab inilah hati busuk Pembangkang. Perjuangan yang bertemakan janji yang tidak ditepati. Tuan-tuan sudah menang wakil negeri, Pulau Pinang dan Selangor, banyak mana yang hebat tuan-tuan buat? Tuan-tuan hebat di Selangor dan Pulau Pinang sebab tuan-tuan ini kahwin dengan janda berhias. *[Ketawa]* Maknanya, semua sudah ada. Kereta sudah ada, rumah ada, tuan-tuan masuk sahaja. Tidak tahulah lepas itu tuan-tuan buat apa tetapi tuan-tuan mengaku macam tuan-tuan yang bela tetapi tuan-tuan tidak bela, tuan-tuan kahwin dengan janda berhias.

Tuan-tuan tidak faham, tanya saya lepas ini. Dia tidak faham. Ini masalahnya, jangan masuk kawasan atas perjuangan mewujudkan fitnah. Berjuang atas kebenaran, saya cabar Yang Berhormat Kubang Kerian berbahas dengan saya. Pasal tanah, saya boleh jawab, pasal alam sekitar kita boleh jawab, pasal masa depan kita boleh jawab tetapi tuan-tuan tidak datang. Tuan-tuan unilateral, gaduh sebelah tangan. Saya hendak cakap dayus, tuan-tuan marah tetapi bagi saya, ini bukan perjuangan. Biarkan rakyat Pengerang tentukan apa yang mereka hendak. Mereka adalah suara majoriti yang tuan-tuan tiga ribu itu, kata tujuh ribu, tempat itu tidak besar mana tuan-tuan.

Saya tahu, saya ukur pun. Macam mana boleh masuk tujuh ribu, janganlah menipu. Selepas itu letak orang luar, bagi satu kepala RM30. Selepas itu bagi baju, bagi makan. Selepas itu ambil bas kat Kulai, kat sini, kat sana, semua hendak buat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon pencilahan Yang Berhormat. Yang Berhormat buat tuduhan tadi. Saya hendak tanya sahaja Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Saya tidak buat tuduhan. Saya cerita apa yang orang cerita.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Okey, sebut apa tuduhan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Biarlah saya habis cakap Yang Berhormat Lembah Pantai, *after this the floor is yours*.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya sebut lain, itu saya hendak tanya. Kalau tidak mahu bagi celahan, cakaplah tidak mahu bagi celahan. Mudah.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Biarlah saya bercakap, *you can have the floor after this.*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Jangan *defensive* Yang Berhormat, saya minta celahan. *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Cakap pasal isu Pengerang. Takkan saya tidak boleh cakap, takkan sedara-sedari je boleh cakap?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tidak bagi, cakap tidak bagi. Tidak payah emosional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Lembah Pantai, duduk Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Jadi, tidak payah jawab begitu Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: *What? I cannot speak, I'm speaking on Pengerang, I am not talking about your party, why you want to be so sensitive.*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kenapa emosional sangat!

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: *I am not emotional, but to accuse me of being a coward, putting a chair and saying I did not come and you did not invite me, you are all the cowards. You are the dayus one; you are all the one lying to the people.*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat jangan panggil saya pengecut! Tolong jaga sikit! Nak marah boleh, *you cannot make allegation* macam itu.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Saya marah! Jangan fitnah! Jangan fitnah kerajaan sebab hendak – jangan fitnah!

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tidak Yang Berhormat! Hendak marah, buat laporan polis. Tidak boleh duduk di Dewan begini dengan begini cakupnya.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Cakap atas kebenaran! Alam sekitar, dugong tidak ada, harga tanah. Saya kata, tanah harga lain, tak jawab! Pasal masa depan. Saya sudah cerita, semua tidak mahu dengar. Saya bercakap merumus, yang saya hendak marah ini Yang Berhormat Kubang Kerian.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Takkan satu dunia dibagi macam tu! Cerita Yang Berhormat, jangan emosional. Kalau hendak cakap-cakap, tidak payah serang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Lembah Pantai sibuk ini apa pasal? Apa pasal Yang Berhormat Lembah Pantai sibuk, biarlah Yang Berhormat Kubang Kerian jawab. Yang Berhormat Lembah Pantai hendak bahas, bahaslah. Sudah?

Selepas itu saya hendak cerita fasal ini – saya tidak kisah, tuan-tuan hendak bahas ke apa, terpulanglah. Akan tetapi masa depan, saya dah sebut, kita hendak mewujudkan, kalau

kerajaan bersetuju, saya hendak minta Menteri yang bertanggungjawab wujudkan bandar baru untuk orang muda, bandar baru FELDA. Terutama sekali FELDA adalah agensi yang paling besar dengan isu tanah, wujudkan dua ribu ke tiga ribu ekar. Bagi perumahan kepada anak-anak muda melalui PR1MA, melalui SPNB, bagi anak-anak muda perumahan. Mana mungkin kalau ada diploma, pinjam rumah, boleh beli rumah flat. Anak-anak mungkin yang ada *degree, masters* kita bagi anak-anak FELDA perumahan dalam bentuk *double storey link house, single storey* teres ataupun kita cakap rumah banglo. Bagi anak-anak dia yang ada di penempatan. Bantuan diberikan oleh kerajaan.

■1230

Kalau tidak bila bercakap tentang bandar, bandar yang paling dekat ialah Bandar Penawar dan Bandar Penawar ini di bawah KEJORA, tidak mencukupi Akan tetapi kalau kita tengoklah kepada tanah FELDA yang ada, dengan penyenaaran FELDA dalam FGVH dan tanggungjawab dan janji FELDA Malaysia hendak menjaga isu-isu sosial FELDA saya mohon kepada Menteri yang bertanggungjawab secepat yang mungkin naikkan bandar baru FELDA untuk anak-anak muda supaya menjadi langkah yang sama dengan projek RAPID. Jangan naikkan projek RAPID dahulu dan mengetepikan anak-anak muda. Bahagikan perjuangan pembangunan ini serentak supaya anak-anak mereka terutama sekali masyarakat FELDA dalam kawasan Parlimen Pengerang seramai 70% boleh diberikan keutamaan untuk mereka dapat sama-sama terlibat diri secara langsung dan tidak langsung kepada projek RAPID.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua saya juga hendak menyentuh kalau projek RAPID ini akan membawa kemasukan pekerja yang ramai saya menekankan di sini keutamaan mesti kepada masyarakat setempat. Diberikan masyarakat setempat keutamaan, *first of choice*, beri mereka hak yang pertama ditawarkan pekerjaan. Berikan masyarakat setempat hak yang pertama ditawarkan tempat perniagaan. Barulah boleh dilihat sebagai satu proses yang begitu adil.

Saya hendak menyatakan di sini kalau projek begitu besar saya memahami kemahiran dalam industri minyak dan gas *semi skill workers*, dengan izin sebenarnya tidak banyak bagi rakyat tetapi kalau tidak adanya dan terpaksa ambil, ambillah pekerja asing dalam aspek sementara. Akan tetapi bila pekerja asing hendak dimasukkan dalam kawasan luar bandar ini kita mesti menekankan isu-isu sosial seperti masalah jenayah dan paling penting ialah isu-isu kesihatan. Kalau tidak penghijrahan mereka walaupun sementara dalam isu sosial, dalam isu jenayah, dalam isu kesihatan mungkin akan menggugat masyarakat setempat.

Jadi harapan saya Tuan Yang di-Pertua walaupun kerajaan negeri yang akan menggerakkan isu RAPID ini tetapi tanggungjawab bersama bagi Kerajaan Pusat mesti ada dan wajib ada. Kita mesti menentukan bahawa kemasukan pekerja-pekerja asing ini tidak mengetepikan peluang pekerjaan masyarakat setempat dan tidak akan mewujudkan masalah.

Kemudiannya Tuan Yang di-Pertua saya juga hendak menyentuh berkenaan dengan nelayan-nelayan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat menyebut tentang insurans kepada nelayan-nelayan dan saya juga hendak menyebut di sini kalau boleh dengan izin, dalam kawasan saya kita berikan mereka kompleks nelayan yang sementara kalau hendak tunggu kompleks yang betul di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memakan masa yang lama wujudkan sementara secepat mungkin. Sejumlah 700 orang nelayan ini mestilah kita bagi mereka tempat yang baru untuk menjadi nelayan. Mereka mempunyai pengalaman bertahun-tahun tangkap ikan pakai jaring, sekarang ini kita kena latih dia tangkap ikan atas bot besar seperti yang berada di Mersing supaya mereka mempunyai kepakaran menangkap ikan di laut besar. Itu harapan saya mereka diberikan bantuan bot...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: ...Mereka diberikan tempat, mereka diberikan peluang dan pengajaran supaya mereka tidak ketinggalan dalam perjuangan mereka ataupun pekerjaan mereka sebagai nelayan. Ini penting sebab harapan saya ialah apabila pemindahan ini berlaku pada bulan tiga bagi tiga kampung iaitu Kampung Sungai Kapal, Kampung Langkah Baik, Kampung Teluk Empang pemindahan ini fasa yang pertama. Harapan saya, saya tahu mungkin sekolah tidak akan siap pada masa yang sama. Anak-anak ini yang hendak pergi ke sekolah yang berdekatan kerajaan mesti sediakan bas percuma. Kalau kerajaan tidak mampu minta Petronas sediakan bas percuma bagi anak-anak orang kampung. Kemudian saya minta juga...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: ...Ibu-ibu dan ayah-ayah isu masjid sebab itu kita bagikan mereka keselesaan sementara sebab kalau hendak menunggukan bandar baru projek yang begitu membangun, pemindahan serentak hendak bagi dia pergi sekolah sendiri, cari bas sendiri, duit minyak, duit motor saya rasa begitu tidak adil. Jadi harapan saya sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional menentukan bahawa mereka juga mesti diperjuangkan...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ada celahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Hendak dekat habis sudah ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini ada pencelahan. Minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Hendak habis sudah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Pasal nelayan ini.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Sudah habis sudah, habis sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa sudah habis. Macam mana mencelah Yang Berhormat?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Sudah habis sudah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Oh, masa sudah habis.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua saya selaku Ahli Parlimen menyatakan bahawa rakyat Pengerang menyokong kepada Bajet 2013 dan penentu kepada sokongan rakyat adalah pada pilihan raya yang ketiga belas. *Insyallah*, segala yang baik datang daripada Allah SWT. Saya Parlimen Pengerang menyokong Bajet 2013. *Wabillahi taufik walhidayah, wassalaamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh...* [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Lembah Pantai.

12.35 tgh.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera.

Saya mulakan perbahasan saya pada hari ini perbahasan Belanjawan 2013 dengan deklarasi bahawa bajet ini sebenarnya gagal menjamin masa depan generasi muda. Negara kita Tuan Yang di-Pertua secara demografi ditakrif sebagai negara muda di mana 70% warga di bawah 40 tahun, 50% di bawah di bawah 25 tahun. Daripada jumlah ini 60% daripada isi rumah mempunyai pendapatan di bawah RM3,000 sebulan manakala 40% isi rumah pula mempunyai pendapatan bawah RM1,500 sebulan. Benarlah apa yang dikatakan oleh laporan *Bank of America, Merrill Lynch* tahun 2010 dengan izin, "*Malaysia forecasted to be young and poor by 2030. Malaysia's relatively high population growth rate will see the country remain comparatively beyond over the next two decades but economic growth is not expected to keep pace with population expansion.*" Oleh yang demikian adalah seharusnya menjadi tanggungjawab dan keutamaan mana-mana kerajaan untuk mengelak jangkaan tersebut daripada direalisasikan. Bajet kerajaan harus beri tumpuan untuk memperkasakan daya saing golongan muda di tanah air dan juga di persada dunia, *insyallah*.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua dunia menyaksikan satu proses demokrasi yang penting iaitu debat pertama antara Presiden Obama dan pencabarnya Mitt Romney daripada Parti Republikan. Malang di Malaysia bukan sahaja dicanang oleh Perdana Menteri sebagai dengan izin, *the best democracy in the world*, tapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mahu berdebat dengan Ketua Pembangkang, malah berdegil tidak mahu hadir pun dalam Dewan untuk mendengar perbahasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pematang Pauh.

Pada saya, di manakah perginya kebertanggungjawaban kepimpinan demokrasi terbaik di dunia? Kita mahu tinggalkan satu khazanah yang penting bagi anak-anak muda. Anak-anak muda jangan terpukau dengan kepimpinan demokrasi palsu. Apa guna ada Piala Perdana

Menteri di sekolah-sekolah, jikalau Perdana Menteri sendiri tidak menunjukkan contoh yang terbaik dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya anak-anak muda sekarang terpaksa pasrah dengan peningkatan gaji sebanyak 2.6% berbanding dengan inflasi. Inflasi kadar puratanya dalam 10 tahun kebelakangan ini adalah 3.2%. Tujuan kerajaan seperti yang diumumkan oleh *Economic Transformation Program* ini akan mengeruhkan keadaan. Kerana apa? Ini seolah-olah menjangkakan mahu merealisasikan apa yang diunjur oleh *Merrill Lynch*, iaitu ETP menyatakan nisbah gaji pekerja berbanding keuntungan syarikat akan menurun daripada 28% hingga 21% sekarang. Lalu penekanan bajet BN adalah kepada langkah jangka masa pendek. Unjuran peratus tambahan hasil pendapatan negara untuk tahun depan Tuan Yang di-Pertua hanya sekadar 0.7% naiknya daripada RM207 bilion sampai RM208.6 bilion. Antara yang terkecil semenjak 1999. *Our revenue is the smallest percentage since 1999*, dengan izin. Kerajaan hanya bertumpu walaupun dengan keadaan kemelut sebegini kepada transformasi hiasan bukan pelaksanaan reformasi struktur. Jadi untuk memastikan jumlah lebih tinggi diperuntukkan untuk bajet pembangunan, hasil pendapatan ini harus kita fikir secara serius khusus dalam usaha mengurangkan ketirisan dan pembaziran *insya-Allah* untuk meningkatkan *revenue*. Pada hemat saya ada dua faktor...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Lembah Pantai. Boleh sedikit sebelum berpindah ke topik lain?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Okey silakan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak mencelah di sini kerana pagi tadi ada dibangkitkan dan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tetapi saya tidak sempat hendak menyambung perkara itu. Isunya ialah semasa mesyuarat APEC ada beberapa pemimpin kerajaan yang mengetengahkan kebimbangan mereka termasuk kepada negara-negara seperti Malaysia iaitu kebimbangan mereka terhadap kehilangan hasil yang sangat *significant*. Maknanya kebergantungan negara-negara seperti Malaysia ini terhadap *revenue* akan datang ini nampak gaya makin menurun dan sejajar seperti Yang Berhormat Lembah Pantai bangkitkan tadi sangat relevan. Agaknya kerajaan dalam bajet ini pun tidak menumpukan sebagaimana isu untuk menyediakan jaringan supaya hasil kita ini tidak terbazir dan gagal kita kutip sebagaimana sepatutnya.

■1240

Saya rasa Yang Berhormat Lembah Pantai juga menyebut perkara yang mustahak. Makna kebimbangan ini selaras dengan ketua-ketua kerajaan yang pernah bersidang dalam APEC menyuarakan dan tidak ada jawapan daripada pemimpin kerajaan kita termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang isu ini. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kerana itu saya fikirkan apabila nampak untuk tahun 2013, 0.7% antara terendah sejak 1999. Perkara ini harus diberikan tumpuan yang begitu serius oleh kerajaan khusus bagaimana untuk memperbaiki status yang sedia ada. Tuan Yang di-Pertua, saya harap dapat dimasukkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Indera Mahkota dalam ucapan saya.

Faktor pertama, saya fikir terlepas pandang oleh kerajaan dalam bajet ini adalah pengurusan ekonomi silap mata. Saya sebut silap mata kerana apa? Semenjak 1999 Barisan Nasional menggunakan bajet defisit setiap tahun. Meletakkan ekonomi negara pada tahap yang paling lemah berbanding dengan negara-negara di Asia. Hutang Kerajaan Persekutuan, laporan ekonomi menyatakan akan mencecah 53.7% daripada KDNK ataupun RM502.4 bilion. Ini kalau diambil masa sekali kontinjen liabiliti ataupun hutang di luar jangka yang dijamin oleh kerajaan sudah tentu sudah melebihi, sudah melanggar undang-undang had syiling yang ada. Hampir 67% daripada KDNK. Terkini...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Mohon penjelasan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sila Yang Berhormat Gopeng, Tuan Yang di-Pertua kalau diberikan.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya hendak rujuk kepada laporan yang diberikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2011. Bukan setakat hutang awam yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan tetapi ada jaminan hutang pinjaman dalam negeri RM109 bilion dan pinjaman luar negeri RM7.6 bilion yang menjadi sebahagian daripada jaminan Kerajaan Persekutuan. Kalau dicampurkan dengan ini pasti keseluruhan tanggungan hutang akan melebihi 55%.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya semua ini akan ditanggung oleh generasi muda. Fikiran ini tidak bertanggungjawab kerana apa pun kita perlu fikir dalam perbelanjaan, pembelian *rebate* dan sebagainya, apakah yang akan kita lakukan dan struktur untuk memperbaiki tahap kewangan semasa. Hutang yang terkumpul oleh syarikat Syed Mokhtar misalan sudah sampai RM34.3 bilion iaitu 10% daripada hutang korporat nasional. Kalau kita bandingkan dengan kes Renong, RM20 bilion atau 8% daripada hutang korporat nasional pada ketika itu. Sekarang sudah 10%. Adakah kerajaan mampu berikan jaminan bahawa hutang ini tidak akan diselamatkan kerana dari segi *track record* prestasi pakar *bail out* ini Kerajaan Barisan Nasional nombor satu. Dia akan membantu *bail out* mereka yang terpilih. Saya juga rujuk kepada statistik serta unjuran...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: [Bangun]

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Oh! Ini kena bagi ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Lembah Pantai, saya kagum dengan keupayaan Yang Berhormat Lembah Pantai dalam mengupas unjuran dan angka serta statistik ekonomi dalam negara. Beliau tadi telah menyentuh isu hutang negara yang sudah hampir mencecah 55% daripada KDNK. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat lembah Pantai, dalam laporan yang terbaru yang dikeluarkan oleh *MarketWatch*, Filipina dan Indonesia hari ini telah dilihat muncul sebagai harimau ekonomi Asia Tenggara. Kalau kita lihat perangkaan hutang Kerajaan Persekutuan Indonesia sekitar 25% sahaja daripada KDNK. Manakala Filipina sekarang mencecah 41% daripada KDNK. Persoalannya bagaimana negara Filipina dan Indonesia mampu mengangkat keadaan ekonomi ke tahap yang lebih baik sedangkan Malaysia hari ini tertinggal jauh daripada negara-negara di Asia Tenggara? Boleh saya dapat pandangan dan penjelasan Yang Berhormat Lembah Pantai?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya fikir salah satu sebabnya adalah apabila kita bercakap itu kita perlu beri kepercayaan kepada statistik yang dibawa oleh kakitangan kerajaan. Kita punyai *Economic Planning Unit* misalnya. Kita juga banyak badan-badan agensi yang membantu dalam memberi fakta-fakta dan jangan dipolitikkan. Masalahnya sekarang terlalu banyak dana terlalu banyak usaha ditumpukan untuk apa? *The public relations exercise for the Prime Minister*. Sama juga dengan PEMANDU. Sebenarnya ia mengganggu gugat kerja yang seharusnya diteruskan oleh badan-badan kerajaan termasuk kementerian. Jadi Yang Berhormat, saya bimbang kerana ini merupakan tahun ke-16 kita akan mengalami defisit. Jadi kalau sekarang ini kita hendaklah mengatakan kita inilah paling hebat di seluruh seantero dunia, siapa yang akan tanggung beban. Pada saya lebih baik kita bertawaduk menyatakan, ya ada kelemahan yang akan dapat kita perbaiki untuk menjamin masa hadapan lebih baik.

Kualiti pendidikan Tuan Yang di-Pertua, saya produk sekolah kerajaan, sekolah kebangsaan. Anak saya pun saya sudah daftar di sekolah kebangsaan. Jadi tentunya saya mempunyai *personal stake* untuk memastikan pengupayaan generasi muda dapat bersaing pada masa hadapan dalam sekolah-sekolah kelolaan kerajaan. Saya nampak Kerajaan Barisan Nasional belanja secara purata 5% daripada KDNK, antara yang tertinggi di Asia untuk pendidikan. Hanya yang mengecewakan tahun ini hanya RM38.7 bilion berbanding tahun lepas RM50.4 bilion. Akan tetapi dengan kewujudan satu lagi Pelan Pembangunan Pendidikan, saya nampak kerajaan sedar kelemahan, apa kelemahan kita, bercakap tentang pendidikan ini? Pertama *Trend in International Mathematics and Science Study* dilaporkan bahawa 18% pelajar kita gagal mencapai tahap kemahiran minimum dalam bidang matematik dan 20% gagal dalam bidang sains tahun 2007.

Kita hendak banding dengan tahun 2003. 2003 hanya 7% gagal untuk bidang matematik dan 5% dalam bidang sains. Maksudnya selepas diperkenalkan PPSMI kita jatuh lebih dua kali

ganda dalam bidang matematik dan empat kali ganda dalam bidang sains. Pada saya ini juga berbalik kepada dasar pilihan, jangan dipolitikkan. Jangan semata-mata ada mantan Perdana Menteri mahu putus satu program, dengarlah para cendekiawan, para akademik, laporan-laporan yang ada. Jangan ikut kemahuan politik sesiapa pun. Jadi RM8 bilion Tuan Yang di-Pertua, *for PPSMI, can you imagine?*

Dalam *Program for International Student Assessment 2009*, Malaysia dalam kedudukan sepertiga terbawah daripada 74 negara yang menyertai program tersebut. Jauh lebih rendah purata antarabangsa yang menunjukkan bahawa tahap kemahiran pelajar Tingkatan Tiga di Malaysia ini seakan-akan tiga tahun ke belakang. Pelajar Tingkatan Tiga kita sama dengan sama dengan pelajar Darjah Enam di Singapura, Korea Selatan, Hong Kong dan Shanghai. Ini dalam laporan *blueprint*, laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan. Malangnya dengan pendedahan kelemahan sebegini kerajaan masih lagi enggan.

Pada saya ada empat laporan utama yang terkandung dalam laporan pembangunan pendidikan iaitu *UNESCO Report 2012*, *World Bank*, *Independent Malaysia Review Panel and Independent International Review Panel*. Jangan gunakan silap mata di sini, Tuan Yang di-Pertua. Kita wajib diberikan akses kepada laporan-laporan terperinci. Beri menerusi laman web kementerian. Biar orang baca, dapat bagi maklum balas dengan lebih baik. Saya katakan sekali lagi, kalau kita senaraikan berapa anak Menteri yang hadir sekolah kebangsaan hendak belajar dengan rakyat jelata, anak-anak di Kuala Lumpur dan di Lembah Pantai. Yang tidak berduit terpaksa menghantar ke sekolah kebangsaan. Makanya berilah penumpuan, penekanan jangan cuba disembunyikan daripada pengetahuan ramai.

Faktor kedua Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tentunya tadi Yang Berhormat Indera Mahkota sebut salah satu perkara yang menghantui Malaysia tentunya aliran wang haram melebihi RM900 bilion. Memang ini sangat-sangat dikesali. Saya juga melihat aktiviti-aktiviti kolonialisme seperti bayaran royalti minyak yang tidak adil kepada pengeluar-pengeluar minyak. Saya dengar semalam walaupun tidak dapat peluang dalam peluang Ahli Parlimen Jasin tentang habislah Petronas. Dana Petronas akan diguna pakai semaksimum mungkin. Saya jelaskan di sini, dalam Belanjawan Pakatan Rakyat kita menyatakan perjanjian yang termaktub dalam Akta Pembangunan Petroleum tidak disentuh tetapi apabila kita kata 20% royalti maka dana tersebut dikeluarkan melalui geran pembangunan Kerajaan Pusat untuk memastikan setimpal dengan 20% keuntungan royalti pada tahun tersebut kepada negeri-negeri pengeluar.

■1250

Bayangkan semata-mata Kelantan itu bertukar parti politikanya, tidak sama dengan Kerajaan Persekutuan, bagaimana dinafikan tahun demi tahun. Justeru, kita juga cadangkan bukan cukup dengan 20% yang tidak menyentuh dana Petronas, tetapi akan diwujudkan syarikat-syarikat pengeluar minyak peringkat negeri. Ini penting kerana syarikat-syarikat ini akan kemudiannya membahagikan dana pembangunan untuk negeri masing-masing. Itu satu.

Keduanya, tidak ada salah. Kita ada 106 pelantar minyak pinggir, *marginal oil fields* di Malaysia, 106. Kenapakah tidak diberi ruang kepada syarikat-syarikat minyak negeri ini untuk membangunkan, mengambil tempat di telaga-telaga ini, bukan syarikat kroni seperti Sapura Energy, Kencana Energy yang berlaku sekarang. *Why must they get the priority*, dengan izin? Saya fikir sebagai wakil, mewakili rakyat di negeri tersebut, inilah penyelesaian yang terbaik. Mereka bekerjasama dapat jadi *second tier petroleum companies*, dengan izin yang berjaya dan Petronas, *the first tier* tentunya tidak akan tergugat tetapi membantu kepakaran di negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar tentang pelaksanaan songsang Dasar Ekonomi Baru yang akhirnya melahirkan sebahagian besar penduduk luar bandar itu yang miskin 80% adalah masyarakat Melayu dan bumiputera. Jadi kita lihat agenda generasi muda terpinggir. Apakah nasib masa depan generasi muda? Dibebankan dengan hutang negara, ditambah dengan liabiliti luar jangka ataupun pada saya hutang yang dijangka kerana sering kali dijamin kerajaan berjumlah lebih RM700 bilion. Generasi muda tidak dapat beli dan memiliki rumah yang terlalu mahal di mana nisbah antara gaji purata tahunan dan harga rumah sepatutnya ikut piawaian antarabangsa, lima kali gaji tahunan. Di Malaysia, lima belas kali gaji tahunan.

Jadi bila bercakap tentang isu perumahan mampu milik, saya hendak kata, kenapa kerajaan dalam skim perumahan 'sewa hingga milik', Projek Perumahan Rakyat (PPR) dikelola oleh DBKL, kenapa akan diberi peluang kepada pemilik yang miskin, gaji RM1,000 ke bawah tetapi diberi dengan kadar faedah 6.5%?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Oh duduk, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengalu-alukan kehadiran *Honorable Dr. Anton Hofreiter*, Ahli Parlimen, *and Delegation of Standing Committee of German Parliament on Transport, Building and Urban Development* ke Dewan yang mulia ini... [Tepuk] Semoga kehadiran delegasi ini akan mengakrabkan lagi perhubungan baik antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Jerman yang telah sedia ada terjalin erat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita alu-alukan juga kedatangan mereka.

Saya menyambung tadi. Kalau kita lihat, sesetengah mereka yang rapat dengan Menteri dapat kadar faedah 2% untuk pinjaman kerajaan, kenapa orang miskin yang telah dikenali, diketahui statusnya, tahu mereka tidak mampu, diberi peluang tetapi diberi caj 6.5%? Pada saya tidak masuk akal. Kita kadang-kadang bila bercakap tentang tanggungjawab kerajaan, perumahan ini adalah salah satu tunggak kepada tanggungjawab kerajaan. Oleh kerana itu, dalam Pakatan Rakyat, kita anjurkan dalam belanjawan penubuhan satu lembaga perumahan

negara yang berserta dengan kaedah seperti Skim Separa Milik Rakyat Miskin, bina dan jual, dan sebagainya.

Saya rujuk kepada kenyataan REHDA yang bercakap tentang PR1MA dan sebagainya, tawaran dalam Bajet Barisan Nasional untuk perumahan. *“This measures may be good to help first time buyers to purchase their first homes now but there is no mechanism in place to protect future buyers who will end up bearing the brunt of a situation that will only worsen in future.”* Siapa dia? Salah seorang kaunselor, Datuk Jerry Chan daripada *Real Estate and Housing Developers Association Malaysia* (REHDA). Beliau sebut, *“Instead of introducing short-terms measures, Putrajaya should look at Singapore’s Housing Development Board (HDB) flats model.”* Seperti seiring dengan apa yang ditawarkan oleh Pakatan Rakyat.

Jadi saya fikir, bila kita mahu memberi sesuatu sama ada rebat tunai RM200 untuk anak muda beli *hand phone*, fikirkan juga bagaimana mereka hendak membayar bil dari bulan ke bulan. Sama juga dengan perumahan, *what can they do, how will they finance the houses in future*, dengan izin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, generasi muda juga akhirnya bila bercakap tentang semua penekanan yang diberikan oleh kerajaan, saya fikir tidak boleh kita lupa kerajaan mampu dan sudah memaafkan ramai teman-teman rapat golongan elit sama ada Datuk Tajuddin Ramli atau pelbagai kes. Akan tetapi bila bercakap bab orang muda, kena bayar, wajib bayar hutang pinjaman PTPTN tetapi kualiti pendidikan, kelayakan untuk diambil kerja masih rendah dan tidak terjamin.

Sekarang setakat 40,000 orang siswazah IPT seluruh negara masih lagi mencari pekerjaan. Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan KPT, Datuk Omar Abdul Rahman – ini saya bimbang. Dia kata terdapat segelintir siswazah ditawarkan pekerjaan secara sambilan memandangkan belum terdapat kekosongan jawatan tetap yang sesuai dengan kelulusan mereka. Yang saya bimbang kenapa? Dinukilkan oleh Paul Krugman, bercakap tentang *graduate unemployment* yang berlaku di Amerika Syarikat. Bila mereka ini dipaksa bekerja dalam kerja sambilan atau mana-mana sektor bawah daripada kemampuan dan tahap ijazah mereka, mereka akan terkesan dari segi *upward mobility*, dari segi masa depan dan ini menggugat perjalanan kerjaya mereka.

Jadi walaupun difikirkan jangka masa pendek, impaknya sampai bertahun-tahun sehinggalah ke kenaikan pangkat dalam masa depan. Jadi saya nampak, ya graduan diperintahkan untuk membayar hutang, dan benar Islam mewajibkan kita membayar hutang tetapi sebuah kerajaan yang baik, yang bertanggungjawab akan cuba sedaya upaya untuk melunaskan hutang yang dilihat membebankan masyarakat terbanyak. Saya fikir kita bukan hendak mendodoikan anak muda dengan rebat telefon pintar tetapi memberi tawaran selaras dengan tanggungjawab kerajaan.

Bagaimana pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz, sebuah pemerintahan *wasatiyyah*? Hasil keuntungan negara dipulangkan kembali kepada rakyat. Sejarah peradaban bangsa dan negara membuktikan tidak pernah berlaku negara akan bankrap kerana membantu untuk meringankan beban rakyatnya sendiri. Saya bangkitkan di sini, ada beberapa pengarah atau pengerusi PTPTN, Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional yang dulu dan sekarang, PTPTN dalam rangka perjanjian mendapat pinjaman wang CIMB pada kadar faedah 5.17%. Tempoh pinjaman sepuluh tahun, antaranya. Lebih kurang RM9 bilion itu daripada KWSP. Yang saya bimbang ialah *it will be a time bomb that will explode in future*, dengan izin.

Laporan Ketua Audit 2009 Tuan Yang di-Pertua, menjelaskan tahap kewangan PTPTN akan mengalami aliran tunai defisit RM45.89 bilion menjelang tahun 2016. Kita ambil kira juga pengurusannya. Pengurusannya dalam laporan Ketua Audit bagi tahun 2010, baki pengeluaran pembiayaan kasar berjumlah RM24.42 bilion tidak dapat disahkan kerana wujudnya perbezaan di antara lejar am dan senarai nama peminjam. Ini diuruskan dengan begitu bobrok sekali...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dekat hendak habis masa Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kalau hendak habis, saya minta maaf ya.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Sikit sahaja.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *Okay, less than half a second.*

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ketika Yang Berhormat Rembau berhujah mengatakan bahawa dasar dalam Pakatan Rakyat untuk memberikan pendidikan percuma dan menghapuskan PTPTN, mengatakan bahawa pendekatan ini ditolak oleh pelajar-pelajar universiti dengan mengundi pro Aspirasi. Jadi apa pandangan?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia ada masalah juga kena wujudkan SPR di peringkat pilihan raya kampus, tetapi yang saya fikir kalau begitu saya rasa pelajar UIA semua bersetuju dengan penghapusan hutang PTPTN, kerana pro Mahasiswa yang menang. Jadi isunya kita tidak boleh membuat pendapat sama ada mereka sokong atau tidak. Pada saya kita melihat pada pengurusan, *responsible government* bukan sekadar bersikap populis. *You* tengok isu, tengok semua *argument* dan buat keputusan terbaik demi rakyat. Bayangkan, yang diuar-uarkan, ditawarkan oleh kerajaan, mereka yang sudah terjamin bagi tahun pertama bayar sekali gus dapat 20% diskaun bagi tahun kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Habiskan Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Okey, saya habiskan *point* saya. Maksudnya pada saya, untuk PTPTN perlu dilihat dari segi lebih besar lagi hutang yang tidak

mampu ditanggung oleh kerajaan menjelang tahun 2016, maka pada kami pendidikan percuma ini adalah satu hak yang wajib diberi oleh kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada lima minit lagi Yang Berhormat. Jadi tunggu tengah hari sambung.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan sesi pagi ditangguhkan hingga 2.30 petang nanti, Dewan akan bersidang semula.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

2.32 ptg.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung perbahasan tentang Belanjawan 2013 berkait dengan isu PTPTN. Saya tadi sebut bahawa hutang PTPTN ini akan meletup satu hari nanti. Sekitar 2010, Tuan Yang di-Pertua, PTPTN hanya berjaya mendapatkan bayaran balik pinjaman pembiayaan pendidikan sebanyak RM2.3 bilion atau hanya 48.8% sahaja berbanding dengan bayaran terkumpul sehingga 2009.

Jadi pada saya masalah ini perlulah dilihat dengan serius oleh kerajaan dari segi pengurusannya semasa Prokhas ambil alih pun tidak mampu untuk memberi penyata kewangan yang meyakinkan. Bukan meyakinkan kami, meyakinkan Laporan Ketua Audit Negara. *Yet, end to end financing system E-Test* bawah Prokhas yang akhirnya gagal menjelaskan baki pengeluaran kasar berjumlah RM24.42 bilion. Dengan izin, *it is a horrible mess*. Jadi pada saya penyelesaiannya untuk mengambil alih dan memberikan pendidikan percuma untuk membantu anak-anak muda.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir di sini pendidikan percuma ini adalah sesuatu hak bukan *privilege* dan saya juga ingin bangkitkan di sini tentang isu peluang saksama. Peluang saksama ini adalah satu tuntutan moral yang tidak dapat dipenuhi oleh Kerajaan BN kerana itu saya katakan kita bukan sahaja melihat sebuah Kerajaan Persekutuan yang mempunyai defisit fiskal tetapi juga defisit moral.

Kenapa saya sebut begitu? Kerana kita bayangkan bercakap tentang orang muda kena bayar hutang, kena hormati perjanjian, kalau tidak bankrap negara. Kerajaan sudah begitu baik hati, suci hati berikan diskaun. Dia bagi diskaun pun kepada mereka yang bayar sekali gus untuk tahun pertama. Yang boleh bayar sekali gus ini mereka yang agak berpendapatan tinggi.

Bagaimana mereka yang tidak boleh bayar itu ada di kalangannya tidak mula bekerja lagi tetapi ini yang diarahkan untuk bayar menghormati perjanjian.

Saya hendak tanya dari segi peluang kesaksamaan. Bila bercakap perlu bersaing, budaya meritokrasi itu yang patut mendorong anak-anak muda untuk berlumba-lumba mendapatkan peluang terbaik dalam negara tetapi anak muda yang biasa kalau bukan anak Menteri, anak-anak muda di Lembah Pantai mana mungkin dapat kontrak terus seperti Istijura Sdn. Bhd. RM30.8 bilion, umur 26 tahun. Anak Menteri dapat sekarang ini yang terbaru dalam Belanjawan atau Bajet BN - RM366 juta untuk menaik taraf institut IKBN-IKBN di seluruh negara. Saya hendak tanya adakah program pemerolehan penyenggaraan ini juga diberikan kepada syarikat anak Menteri seperti Istijura ataupun diberikan secara tender terus? Anak-anak muda lain pun hendak tahu, "Eh kalau macam ini adalah peluang dapat jadi anak Menteri sahaja tidak kisah 23 tahun kah, 24 tahun dapat kontrak kerajaan".

Kedua, anak-anak muda mana yang tidak mahu mendapat satu projek dengan kait namanya *Airspace Restructuring Project* untuk projek KLIA II, Tuan Yang di-Pertua. Anak Menteri Ahli Parlimen Rompin dapat menerusi kerjasama dengan SELEX. Baru sahaja ditandatangani semalam. Jadi saya hendak tanya adakah ini dibenarkan, adakah ini merupakan satu prinsip yang dapat dijadikan inspirasi untuk anak-anak muda lain. Yang lain kena bayar hutang tetapi anak Menteri memang dapat *directly RM100 of millions worth of projects*, dengan izin, dan saya juga hendak tanya anak muda mana yang tidak mahu konsesi lebuhraya, penjana kuasa elektrik dan pembelian Esso jadi Petron...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Okey Yang Berhormat Indera Mahkota saya pun hendak sebenarnya tetapi tidak bolehlah kan kalau sudah jadi anak Menteri itu tidak boleh. Dia ada kena ada had kerana kita perlu berikan contoh yang terbaik. Jadi ini sangat membimbangkan saya. Bayangkan anak-anak muda yang lain pun dia tengok. Apabila dia ada akaun dia tubuhkan syarikat misalannya syarikat Yayasan Gerak Bakti Kebangsaan, nama dia. Sejak 2009, syarikat itu akaunnya tidak aktif, tidak aktif tetapi dapat mengadakan transaksi dengan syarikat besar seperti SP Setia. Tidak aktif pun tidak apa fasal ROS tidak akan siasat. ROS dia seluruh kekuatannya itu dia siasat SUARAM sahaja tetapi kalau syarikat-syarikat lain seperti YGK yang terbukti tidak aktif sejak 2009 dia biar.

Jadi saya hendak tanya adakah ini merupakan inspirasi bagi anak-anak muda lain yang memang berlumba-lumba hendak bayar hutang? Anak muda lain pun tertanya-tanya anak muda mana yang tidak mahu mendapat 32.4% *feed in approval for solar energy*. Beri insentif tenaga hijau tetapi dapat lebih 30%, anak siapa? Anak bekas Ketua Setiausaha Negara di Malaysia. Jadi pada saya Kerajaan BN memang tidak mempunyai satu kekuatan moral untuk bercakap tentang menghormati perjanjian, menghormati tanggungjawab kerana mereka sendiri tidak mengamalkan prinsip sedemikian.

Jika benar, jika berani kerajaan berasa mereka tidak bersalah, kenapakah soalan Parlimen saya pada sesi lepas iaitu, apakah senarai nama anak-anak atau ahli keluarga Menteri dan Timbalan Menteri serta syarikat-syarikatnya yang mendapat projek tender dan kontrak kerajaan yang melebihi RM5 juta daripada 1998 hingga 2012? Kenapakah senarai ini tidak mahu dijawab atau diberikan kerana pada saya rakyat perlu tahu berapa anak-anak Menteri yang dapat projek dengan mudah. Projek perolehan kerajaan. Jangan lupa majoriti daripada bajet kita cakap fasal pembangunan kononnya, kononnya untuk pembangunan tetapi majoriti besar sebenarnya untuk isu perolehan dibelanjakan untuk tujuan perolehan.

Terakhir saya juga ingin penjelasan bila bercakap tentang subsidi meningkat naik RM42 bilion, saya hendak tanya bagaimanakah mekanisme subsidi ini misalannya beras dibuat? Adakah kita dengar *call* Syed Mokhtar tanya dia berapa hendak kita bagi untuk tahun ini, maka dia putuskan. Bagaimanakah kerajaan dapat pantau supaya mereka yang benar-benar yang berhak menerimanya sampai kepada sasaran khusus bila laporan *Economic Monitoring Unit* bawah EPU itu membuktikan bahawa hanya 27% sahaja golongan miskin yang menerima bantuan-bantuan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akhiri dengan menyatakan sudah tiba masanya anak-anak muda di Malaysia, generasi muda membuat penilaian antara dua pendekatan. Tuan Yang di-Pertua perlu airkah? Kalau boleh Bentara *please*. Kita kena jaga fasal nampak boleh. Pengurusan ekonomi negara antara Barisan Nasional dan juga Pakatan Rakyat kerana kita mahukan, kita mahukan pemimpin yang dapat menjamin masa depan untuk Malaysia yang lebih baik dengan semua. Dengan kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menolak Bajet 2013, kerana saya melihat bajet ini menanggung defisit fiskal dan juga moral...

■ 1440

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sebelum itu, sebelum Yang Berhormat 'Balik Pulau' *landing*.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Balik Pulau, tersalah sebut kawasan itu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sebelum Yang Berhormat Lembah Pantai *landing... [Ketawa]*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya kena serahkan kepada Datuk Speaker. Kalau *last...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya yang berucap itu Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya tidak ada dalam itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tidak ada.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit, kena cepat Datuk Speaker, sudah...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sementara tadi yang sebut fasal anak-anak muda, para pelajar yang ditawarkan 20% untuk selesaikan secara sekali gus. Saya terima SMS daripada salah seorang, mungkin salah seoranglah katanya ada bank-bank tempatan, institusi kewangan yang sekarang ini membuat promosi tawarkan pinjaman peribadi kepada peminjam PTPTN dengan kadar 11% *interest*, kadar bunga. Kerana katanya kalau PTPTN bagi untuk selesaikan 20% potongan sekali gus, buat pinjaman dengan bank atau institusi kewangan mungkin boleh jadi *ah long* dengan 11% masih lagi untung. Jadi perkara ini perkara yang baru barangkali kita boleh cernakan isu baru, ini kerana silap-silap ia menganiaya pelajar-pelajar kita meminjam ini dengan satu tawaran baru pula yang akan ada daripada pihak tertentu, saya hendak tanya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Pada saya perkara ini wajib dipantau. Saya fikir tidak begitu bijak kalau kita berikannya pada mereka yang bayar sekali gus untuk tahun pertama, tahun kedua itu 20% diskaun. Kita perlu fikir kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan khususnya yang tidak boleh bayar itu tidak dapat kerja. Jadi pada saya, kerajaan juga kalaulah hendak ikut Pakatan Rakyat ambil saja, *you have to finance the debt*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita bercakap tentang RM46 bilion menjelang 2016....

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [*Bangun*]

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: ...Jadi bukan sesuatu yang mudah, yang wajib diselesaikan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Minta sedikit Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Balik Pulau setengah saat sahaja tengok Yang di-Pertua sudah marah itu Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat Lembah Pantai saya bercakap bagi pihak orang Balik Pulau mohon penjelasan. Saya tahu sehingga hari ini ramai lagi anak-anak orang kampung ini yang dapat tawaran belajar. Ini belum cerita PTPTN. PTPTN ini kita masuk beberapa bulan selepas itu baru kita dapat. Kadang duit mula hendak pergi itu pun tidak ada. Sampai sekarang dan benda ini serius... [*Disampuk*][*Dewan riuh*] Tidak ada..., ini nak cerita. Saya nyaris tidak pergi sekolah asrama penuh sebab tidak ada duit sebab kena pinjam pada orang. Saya malas hendak cakap, tetapi yang saya katakan di sini walaupun kita bincang cerita PTPTN ini, ini cerita sebenarnya beban bermula sejak dia dapat surat tawaran hendak pergi itu. Kadang cerita dia cerita RM1,000 ke bawah ini. Kadang RM500, RM600. Jadi saya rasa perkara ini perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya akan habiskan dengan menyatakan saya minta

kalau kerajaan boleh melihat sendiri kepada struktur PTPTN itu sendiri bagaimana diuruskan dari segi penyampaian satu bab, tetapi dari segi pengurusan pun terlalu bobrok, terlalu banyak masalah yang akhirnya kalau kita ambil penyelesaian jangka masa pendek, akan membebankan kita, khusus bila peratusan yang membayar balik itu jumlah, jumlahnya terlalu kecil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan.

2.43 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini ingin menyatakan bahawa Bajet 2013 bukanlah seperti yang dikatakan oleh rakan-rakan Pembangkang, bajet mee segeralah, bajet gagallah. Bajet ini pada saya terlalu istimewa, ianya mencukupi lima elemen penting yang boleh menjurus ke arah bagaimana negara kita untuk menuju ke arah negara maju.

Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Balik Pulau sebab dua-dua dapat jawatan Menteri, satu Menteri Wilayah, satu Menteri Belia dan juga...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Minta maaf tidak betul, tidak, tidak putus lagi Yang Berhormat, maaf... *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Puchong pun jadi menteri juga. Machang jadi Menteri juga.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Boleh mencelah Yang Berhormat?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dia jadi Menteri Kewangan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Bagi saya mencelah sedikit.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang saya sedih, rakan saya Yang Berhormat Indera Mahkota... *[Ketawa]* Hebat dalam Dewan tetapi tidak ada pun jadi Menteri. Kasihan.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau Yang Berhormat Bakri saya tengok memang tidak ada sebab dia gaduh dengan bos dia. Kalau gaduh memang habislah.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Rakan saya yang lama ini Yang Berhormat Ipoh Barat, saya cukup simpati dengan Yang Berhormat ini.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hebat berjuang untuk DAP tetapi terpencil, kasihan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Kinabatangan.
Cool, cool.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau, kalau Menteri duduklah, Menteri tidak akan jadi begitu. Kalau Menteri ini kena ada adab sikit, ada sopan sedikit. Ini Menteri Wilayah pun *steadylah*. *Cool, cool, cool.*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Dia sama dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Hebat di Dewan tapi tak jadi Menteri.... *[Ketawa]*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mencilah sedikit, mencilah sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak boleh. Ini saya sebetulnya saya perlukan 60 minit tetapi Yang di-Pertua bagi 30 minit.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, dia kena *practice* sebelum menjadi menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi yang jadi Menteri macam kita yang lain..., aduh, saya sedih!

Satu lagi saya sedih soal Sabah, Tuan Yang di-Pertua. Dulu empat Menteri, sekarang ini kosong. Janji-janji PKR melambung tinggi seperti gunung tetapi saya takut janji ini tinggal janjilah. Janji terang bulan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Kinabatangan, bukan ada calon di situ? Yang baru itu, yang baru masuk itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sini lama-lama itu saya nampak Yang Berhormat Indera Mahkota itu, kasihan. Dia ini berjuang dalam Dewan, saya ingatkan sudah menjadi Menteri Kewangankah, tetapi rupa-rupanya dipinggirkan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau macam ini Yang Berhormat Indera Mahkota fikirlah. Saya tengok daripada kosong, *must be somethinglah*.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha ini Menteri Belia dan Sukan.,,

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Wakil Sabah kita beri, *reserved* untuk Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi kalau Menteri Belia dan Sukan relaxlah, sudahlah.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Bukan wakil Menteri Sabah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya nampak Menteri Kewangan 1 sudah masuk... *[Yang Berhormat Petaling Jaya Utara masuk ke dalam Dewan]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Wakil Sabah kita *reserved* untuk Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini memang hebat dia mencanang ekonomi negara, ekonomi DAP pun dia canang. Dia baru masuk walaupun saya lihat canangan angka dia songsang tetapi dia menjadi Menteri Kewangan nombor satu dalam negara, syabas dan tahniah. Yang Berhormat Bakri *sorry*lah. *You* lawan tauke, tidak ada *chance*.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Kalau sudah dilantik menjadi menteri, boleh, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini gambar sudah ada. Macam mana..., ini sudah terang-terang, hadapan lagi. Menteri Kewangan Pertama..., *woo!* Jadi memperlekehkan Bajet 2013. Ini bak kata pepatah Melayu, "Menuding jari ke arah orang tetapi sekitar sendiri kita tidak lihat." Saya lihat Kabinet Bayangan ini Kabinet kroni. Pembangkang berbicara soal kroni sana kroni sini. Bapa, emak, anak semua dapat... [*Dewan riu*] Akan tetapi Sabah, sudahlah dua orang kita ikut sana kosong pula. Ini awas. Ini janji, saya rasa sampai malam pun tinggal janji. Saya rasa, orang Sabah jangan termakan. Sarawak, saya tengok tinggal Yang Berhormat Kuching, mungkin dia kuat mengiau, maka dia dapat jawatan, itu sahaja yang tinggal...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Sibu, Sibu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Sibu tidak ada. Dia tinggal tenggelamlah. Puchong ada, tahniah Yang Berhormat Puchong sebab dia orang yang berkaliber. Dalam Pakatan Pembangkang ini, kalau dia berani gagal dia dapat, tetapi kalau berani lawan tauke macam Yang Berhormat Bakri habis, silap-silap tanding pun tidak sebab DAP sudah *plan*, ini Yang Berhormat Bakri tidak pakai. *Mastermind* dia inilah, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Menteri Kewangan Pertama...

Seorang Ahli: Saya ingat ini betul lah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi saya lihat bajet yang mencukupi empat elemen penting ini. *Last* sekali memakmurkan rakyat merupakan satu bajet yang begitu hebat yang apabila ekonomi kita mapan, apabila penjanaan produktiviti kita mengembang, maka kerajaan boleh pulangkan kepada rakyat. Itulah dinamakan pemimpin kerajaan yang datang daripada rakyat dan kembali kepada rakyat, dan pilihan raya akan kita pulangkan mandat kepada rakyat. Jadi rakyat fikirlah dengan sebaik mungkin. Jangan kita tertipu dengan janji-janji manis Pembangkang ini, sebab saya tahu rakan-rakan yang tidak ada jawatan, sudah mula berkelumit dalam hati mereka, bertanya... [*Disampuk*] Yang Berhormat Pokok Sena hancur, hancur berderai. Ini kita punya orang hebat ekonomi. Yang Berhormat Kuala Selangor ada, dia ada. Yang tidak ada, KJ, KJ...

■1450

Seorang Ahli: Oh, Yang Berhormat Tumpat!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, Yang Berhormat Tumpat. Hebat ekonomi tetapi rupa-rupanya lebih hebat lagi Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Menteri Kewangan Pertama. Ini bukan alang-alang, beban ekonomi itu akan dipukul, dia akan canang

macam mana negara kita nak mengembang mengikut budaya negara kita, Malaysia ini negara majmuk tapi kalau dia hanya memikirkan kepentingan ekonomi satu kaum sahaja, saya tengok tidak akan mendapat pencapaian apa-apa dalam ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya terpanggil dalam bajet kita pada tahun ini iaitu kenapa kita harus merancang aktiviti pelaburan. Ini adalah untuk memakmurkan ekonomi negara dan apabila negara makmur, rakyat menjadi sejahtera dan kita juga dalam industri pendidikan dan latihan. Kenapa elemen penting ini diterapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan?

Sebab pelajar-pelajar ini adalah merupakan satu aset kepada negara untuk mewarisi negara menjelang alaf yang akan datang dan ini adalah merupakan satu elemen penting sebab kalau tidak pendidikan dan latihan ini kita terapkan daripada awal-awal, mungkin negara kita akan gagal dalam menuju negara maju. Sebab itu kita ingin melahirkan modal-modal insan yang proaktif, yang berkaliber, yang boleh bersaing, yang ada budaya dan juga yang ada daya saing tersendiri seperti negara-negara membangun yang lain, mereka memerlukan... [*Yang Berhormat Bukit Mertajam berjalan masuk ke dalam Dewan*] Ha ini kasihan, pejuang lama tidak ada jawatan, mungkin dia penasihat ekonomi. Yang Berhormat Ipoh Timur, mungkin dia penasihat ekonomi kepada Perdana Menteri sebab dia selalu bawa beg berat, mungkin ada komponen-komponen penting dalam beg dia. Serupa juga mungkin..., penasihat kepada DAP. Mungkin itu juga.

Juga menyejahterakan rakyat. Bagaimana kerajaan menyejahterakan rakyat kalau ekonomi tidak menentu? Kalau keselamatan negara tergugat? Kalau rakyat berbelah bahagi seperti yang berlaku di Tunisia, di Iraq dan negara-negara lain seperti di Thailand, macam mana ekonomi nak mengembang? Justeru itu, untuk menyejahterakan rakyat, maka negara kena stabil. Untuk menjamin negara stabil, maka kerajaan kena stabil, politik kena stabil. Oleh kerana itu, rakyat harus melihat bahawa PRU yang ke-13 adalah penting dan amanah yang dipegang oleh rakyat ini harus diperjelaskan dengan setepat-tepat mungkin dan rakyat tidak boleh silap memilih kerajaan sebab memilih kerajaan - kalau kerajaan kawan saya, Yang Berhormat Bukit Mertajam, kasihan. Dulu sama-sama putih rambut, tambah putih. Tidak ada nama, tidak ada nama dalam Kabinet. Padahal dia cukup lama memperjuangkan DAP. Tidak tahu apa jawatan dia bagi. Ini kasihan. Rata-rata kawan-kawan di luar pun cakap kasihan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh, boleh. Ini boleh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa sama-sama kasihan dengan Yang Berhormat Kinabatanganlah kerana sebenarnya rambut dia sama putih dengan saya, dia hanya pergi cat sahaja.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dia cat, cat... [*Ketawa*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya. Yang sebenarnya Yang Berhormat Kinabatangan haruslah saya rasa mungkin duduk di sana... [*Menunjuk kepada tempat duduk*]

Menteri] Akan tetapi masih duduk di situ sahaja. Ya, di sini kami tak ada masalah. Sama-samalah, jangan risau.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, okey Yang Berhormat Bukit Mertajam, okey. Tidak apa, saya ada masa lagi untuk cat. Yang Berhormat sudahlah kerja keras, tiada masa untuk cat, tidak dapat jawatan pula. Ini yang sedih dan ahli-ahli DAP yang lain pun merasa tidak puas hati sebab mereka mengharapkan Yang Berhormat Bukit Mertajam menjadi seorang pemimpin yang mereka alu-alukan. Wanita yang memperjuangkan hak wanita tetapi lain punya susu, lain punya nama pula yang dapat. Itulah akibatnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk memartabatkan ekonomi negara, maka saya ingin menjurus sedikit dalam ruang Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru dicetuskan oleh Allahyarham Tun Razak iaitu beliau memaklumkan Dasar Ekonomi Baru ini untuk menidakkan dasar meritokrasi yang dipelopori oleh British dahulu, penjajah British dahulu iaitu dalam sistem mereka untuk mengetengahkan sistem *divide and rule* kepada bangsa-bangsa di negara Malaysia.

Tun Razak juga berkata bahawa tanpa Dasar Ekonomi Baru, maka integrasi nasional hanya tinggal impian sebab negara kita ini memerlukan integrasi nasional yang cukup padat dengan kehadiran bangsa-bangsa yang berbilang kaum ini. Kalau tidak, kita akan berhadapan dengan perpecahan kaum pada satu masa nanti. Oleh kerana itu saya melihat bahawa Dasar Ekonomi Baru bukanlah satu dasar menindas bangas-bangsa yang lain tetapi untuk memperkasa, untuk merapatkan jurang perbezaan ekonomi di antara rakyat dan dengan Dasar Ekonomi Baru ini juga maka pencapaian integrasi nasional kita, dapat kita lihat dengan baik. Justeru itu, jangan ada di antara kita mempersoalkan soal pembangunan dan ekonomi negara sebab soal dua faktor penting ini boleh mendukung dan mendorong ke arah perpecahan sesebuah negara dan kenapa orang bernama seperti George Soros mengalirkan kewangan kepada NGO di Malaysia, seperti SUARAM?

Dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Lembah Pantai kenapa dipersoalkan soal SUARAM. Soalnya, SUARAM menerima dana luar untuk beroperasi menentang kerajaan, menghasut rakyat dan George Soros ini juga dikenal pasti terlibat dalam menjatuhkan beberapa buah kerajaan di negara-negara seperti di Mesir, seperti di Iraq iaitu menghasut rakyat di sana untuk bangkit menentang kerajaan dan mereka gunakan cara yang sama untuk negara Malaysia.

Mereka pilih Malaysia sebab Malaysia adalah strategik dari segi negara untuk tujuan mereka menghalang China daripada mengembangkan ekonominya pada alaf ke-21 ini. Ini strategi Amerika dan strategi ini juga termasuk menggunakan tentera seperti yang berlaku di Syria. Mereka mengia-iakan untuk *legalize* pencerobohan tentera, untuk menjatuhkan rejim ataupun Kerajaan Syria itu sendiri. Kita tidak mahu berlaku ini di negara kita sebab kalau ini berlaku, mungkin negara kita yang seperti duduk dalam kawah yang panas ini akan meletup bila-

bila masa, sebab kaum dalam negara kita ini amat berbilang kaum. Ini belum masuk bumiputera yang di Sabah yang lebih kurang 47 etnik, di Sarawak dan sebagainya...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab kalau ini diteruskan juga, sebetulnya sebelum terlambat, kita harus melihat bahawa masa depan negara kita ini bergantung kepada kebijaksanaan rakyat negara kita sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kota Belud bangun, Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, sila-sila.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Ini persoalan tentang pengaruh luar negara. Kadang-kadang kita mendengar hujah daripada rakan-rakan pihak pembangkang apabila pihak Barisan Nasional membangkitkan isu tentang pengaruh luar. Mereka mengatakan bahawa mereka tidak risau ataupun pengaruh luar baik daripada segi kewangan, baik daripada segi pertolongan daripada luar ini hanyalah dianggap sebagai perkara yang remeh tetapi pada saya, kita pun tahu dalam percaturan politik antarabangsa terutamanya kuasa-kuasa besar, soal tentang isu mempengaruhi keputusan negara-negara luar itu adalah agenda besar dalam politik mereka.

Sebab itu kadang-kadang ada kenyataan daripada rakan-rakan pembangkang yang mengatakan tak apalah, kita boleh terima itu. Apa salahnya tetapi itu adalah kenyataan yang membimbangkan rakyat kerana menerima jumlah bantuan itu kalau digunakan kepada perkara-perkara yang seperti mana Yang Berhormat Kinabatangan kata tadi, mempengaruhi rakyat dan sebagainya itu, akan ada masa nanti sumber ini akan meminta dividennya. Dulu saya tolong kamu, sekarang apa yang boleh kamu buat untuk saya. Sebab itu saya rasa saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan, usaha ini harus *by partisan*. Kita bukan memusuhi semua pihak tetapi dalam isu-isu yang mempengaruhi rakyat dan juga memberi gambaran bahawa kerajaan kita ini sudah terlalu zalim dan bermacam-macam lagi, ini akan memudaratkan keselamatan kita. Ini kekhawatiran saya.

■1500

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya memang bersetuju Yang Berhormat Kota Belud. Justeru itu, saya meminta kepada SKMM gunakan apa akta yang ada iaitu termasuk juga *MalaysiaKini*. Kita bukan seharusnya meminta semua blog atau semua media ini menyokong kerajaan. Akan tetapi jangan melontar fitnah yang melulu, yang asyik-asyik memfitnah. Sudahlah Pembangkang kerja dia tiap hari fitnah, tiap hari janji, tiada kerja lain. Kalau hendak dapat kuasa tidak perlu ada fitnah, tidak perlu ada janji. Kita berhadapan dengan rakyat. Inilah sebetulnya yang dituntut oleh rakyat kita. Jadi, gunakan apa-apa akta yang ada. Kalau boleh ini *MalaysiaKini* harus dipanggil...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Malaysia boleh!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Malaysia memang boleh... *[Ketawa]* Harus dipanggil. Tipu tidak boleh, undang-undang ada. Macam Yang Berhormat Ipoh Barat, sudah kena tipu oleh DAP. Seharusnya bangkit bertindaklah. Sebab tidak ada, tidak ada dalam senarai Menteri, berjuang berhabis-habisan... *[Disampuk]* Yang Berhormat Seputeh tetapi Yang Berhormat Seputeh tidak apa, dia jaga Selangor sahaja. Ikut penasihat DAP, dia jaga Selangor sahaja, tidak payah jaga negara. Ha, itu Yang Berhormat Seputeh... *[Disampuk]* Dia Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Seputeh. Jadi, memang dia hebatlah. Akan tetapi kesian rakan sayalah Yang Berhormat Bukit Mertajam, dia kosong, tidak ada apa-apa... *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hei Yang Berhormat Kinabatangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hai, saya belum kasi ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jangan, pilihan raya akan datang, *you* ada *chance* bertandingkah? Sila jawab... *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Winable candidate.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya punya orang cakap, “*Tatap lu itu!...*” *[Ketawa]* Jadi, *means, confirmlah!* Apa lagi?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ini kalilah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya kerja rajin, Yang Berhormat Kota Belud kerja rajin, Timbalan Speaker pun kerja rajin, siang malam jaga rakyat. Rugilah Kerajaan BN kalau tidak bagi kita orang. Macam saya punya bos...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pengerusi BN-BBC. Dia jaga rakyat, tidak menteri pun macam jadi Menteri, dia jaga. Ini tetap menang, bukan lagi tetap calon.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tetap menang!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mahu penjelasan, penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, ada lagikah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, penjelasan sedikit. Sekarang Perdana Menteri ada tiga jawatan penting termasuk Menteri Pembangunan Wanita. Saya rasa sekiranya lelaki pun boleh menjawat jawatan ini, Yang Berhormat Kinabatangan kalau pergi kursus sedikit, boleh juga. Akan tetapi Yang Berhormat Kinabatangan, tidak kasihankah ini Yang Berhormat Batang Sadong ataupun Yang Berhormat Tenggara. Mereka boleh jadi Menteri juga. Mengapa Yang Berhormat Kinabatangan tidak berjuang untuk mereka ini? Sedikitlah berjuang untuk mereka sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey dalam perlembagaan negara kita, Perdana Menteri punya prerogatif menentukan. Jadi, kita tidak persoalkan, kita akur. Itu sahaja, tidak perlu. Bukan macam sana. Ini tiru Yang Berhormat macam sudah lontar, dia lontar

batu, sembunyi tangan. Dia sindir dia punya penasihat sebelah kanan, kenapa saya tidak ada masuk? Ha! Dia pandai. Jadi Yang Berhormat Ipoh Timur, ambil...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kami belum jadi kerajaan lagi. Kalau sudah jadi kerajaan, ha!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ambil ucapan itu Yang Berhormat Bukit Mertajam. Yang Berhormat Ipoh Timur, tolong tengok, tengoklah. Kasihan saya punya kawan ini, lama sudah! Mana boleh sapu semua? Kasi dia peluanglah jadi Menteri. Itu macam Yang Berhormat Ipoh Timur sudah ambil *note*. Okey Yang Berhormat, mesej Yang Berhormat sampai. Yang Berhormat Ipoh Barat, *bye-bye*, tidak ada *chance*, *no chance*. Yang Berhormat Bakri habislah. Memang *out*, calon pun tidak. Okey, saya sudah *screen* awal-awal.

Balik kepada hujah saya, saya ingin meminta PEMANDU selaku pasukan yang melaksanakan NKEA iaitu kalau hendak mentransformasikan sesuatu ekonomi, Kinabatangan merupakan satu destinasi yang cukup istimewa. Ini kerana tiap-tiap tahun berpuluh-puluh ribu pengunjung asing datang, pelancong asing, pelancong tempatan. Ada yang melancong, ada yang membuat *research*, ada yang membuat penyelidikan termasuk Lembah Danum, Maliau Basin, Luo Kinabatangan, Imbak Keenon, semua terdapat di Kinabatangan dan *wetland* yang terdapat di Kinabatangan ini hanya tujuh di seluruh benua ini.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan kepada PEMANDU untuk mengujudkan satu NKEA iaitu bukan sahaja untuk konservasi ataupun untuk pemantauan ataupun pemuliharaan sungai tetapi dalam bentuk *tourism* dan sebagainya. Sebab Sungai Kinabatangan iaitu 500 lebih kilometer, sungai kedua terpanjang di Malaysia harus menjadi khazanah negara untuk masa akan datang. Di samping membekal air kepada Kinabatangan dan Sandakan, juga ia merupakan satu aliran industri pendapatan negara iaitu pelancongan dan juga industri kelapa sawit. Di mana Kinabatangan adalah penyumbang besar ke arah kemapanan ekonomi negara, pengeluaran kelapa sawit. Jadi, oleh sebab itu saya ingin meminta kerajaan kalau boleh memasukkan Sungai Kinabatangan dalam NKEA ataupun dalam mewujudkan satu Lembaga ataupun satu badan, bukan hanya memantau, mentadbir tetapi untuk merealisasikan *downstream* yang sebenarnya ke arah bagaimana Sungai Kinabatangan ini dapat dipelihara untuk khazanah masa hadapan negara kita..

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah bos? Sungai, sungai.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, boleh.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, ambil nafas sedikit dahulu Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ini bercerita tentang masalah sungai ini. Di kawasan saya Yang Berhormat Kinabatangan, Kota Belud sekarang ini mempunyai masalah dari segi loji najis. Loji najis ini yang telah dibina sudah begitu lama, sudah sampai ke tahap *full capacity* di Sabah. Kerajaan sedang membina dan telah pun membina sebuah loji tetapi loji najis di Kota Belud ini ditentang oleh DAP.

Terutamanya Yang Berhormat daripada Kota Kinabalu yang datang ke Kota Belud dan mengatakan loji najis ini tidak boleh dibina. Sedangkan sekarang ini najis yang dikeluarkan adalah najis yang tidak dirawat, dibuang ke dalam sungai. Kita bagi tahu kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu, tolonglah prihatin sedikit tentang kesihatan orang-orang Kota Belud. Akan tetapi beliau terus menghasut rakyat Kota Belud untuk menolak loji ini hanya kerana untuk mendapatkan undi yang tidak seberapa. Jadi di sini, saya tengok, Yang Berhormat, minta pandangan. Apakah pandangan Yang Berhormat terhadap DAP yang masuk ke Kota Belud, termasuk juga Yang Berhormat Ipoh Timur, yang masuk ke Kota Belud dan mengatakan loji ini adalah yang berbahaya dan mengkhianati orang-orang kampung. Saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat, di mana sahaja kita letak loji ini pun, akan ada bermasalah kerana Kota Belud ini sudah begitu ramai orangnya. Jadi pandangan Yang Berhormat, bagaimana hasutan begini membantutkan pembangunan dan yang lebih penting, memudaratkan kesihatan rakyat di Kota Belud.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat ini sudah jadi sasaran DAP sebab Yang Berhormat lantang untuk mengetengahkan masalah-masalah yang dihadapi oleh DAP. Jadi, pandangan saya, saya rasa kerajaan tidak perlulah terikut-ikut dengan rentak pembangkang ini. Kalau pembangunan itu untuk kepentingan rakyat, maka kerajaan harus ikut pelan pembangunan itu supaya rakyat juga dapat menikmati kemudahan sebab isu najis ini isu penting. Kalau najis bertaburan di sana-sini, mungkin saya tidak nampak wakil-wakil pembangkang ini akan datang sana untuk membantu rakyat, bahkan mereka akan menghalang, pula mereka akan memihak kepada penduduk di sana menentang Yang Berhormat sebab tidak ada loji najis tersebut. Jadi, pandangan saya begitulah dan ucapan Yang Berhormat saya masukkan dalam ucapan saya.

Saya juga ingin menyentuh soal ISMP ataupun Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan mereka ini dalam keadaan dilema. Di mana saya dapat maklumat iaitu mereka tidak dapat diletakkan ataupun dimasukkan dalam pusat-pusat guru tersebut sebab mereka kononnya IPTA, IPTS yang mereka duduki ini tidak mencukupi *specs* yang diperlukan oleh maktab perguruan. Jadi, kenapa tidak diperbetulkan dahulu kedudukan *specs* yang diperlukan sebab lebih kurang 13,000 masalah-masalah pelajar ISMP ini. Sehingga hari ini belum ada apa-apa maklumat sama ada mereka dapat ditempatkan ataupun tidak. Sehingga hari ini mereka menganggur Tuan Yang di-Pertua.

■1510

Jadi minta Kementerian Pengajian Tinggi untuk menyelesaikan dan menyasiat masalah ini ataupun bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran sendiri supaya mereka juga mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada kawasan saya. Saya juga berterima kasih kepada kerajaan sebab menyediakan peruntukan pembangunan infrastruktur luar bandar

termasuk jalan raya, jalan kampung, api, elektrik dan air bersih. Cuma masalah yang kita hadapi, bajet yang sebegini baik tetapi masalah yang kita hadapi rata-rata menjadi masalah besar iaitu sistem pelaksanaan kita ataupun *delivery system* kita. Di sinilah keburukannya berlaku di mana Perdana Menteri telah mengkhususkan pelan tindakan yang sewajarnya tetapi apabila pelaksanaan ada yang tergendala, ada yang tidak dibelanjakan seperti di Selangor, seperti di Kedah. Peruntukan Persekutuan itu dia tidak belanja. Di Pulau Pinang pun nampak bajetnya surplus tetapi bukan surplus sebetulnya. Rakyat rugi sebab peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan itu mungkin saya tahu mereka akan belanja tetapi dekat-dekat dengan pilihan raya. Mereka guna pancingan. Di Sabah cakap dia dipanggil pancingan.

Dia mahu pancing undi, dia gunakan wang yang ada, dia labur dekat-dekat pilihan raya. Itu pancingan. Jadi nampak ekonomi dia baiklah tetapi yang sebetulnya tidak baik. Rakyat tidak dapat menikmati limpahan ekonomi itu. Jadi saya meminta kepada semua agensi-agensi pelaksana supaya mereka lebih fokus ke arah pelaksanaan itu sendiri. Ini kerana bajet yang baik tetapi kita bak kata pepatah Melayu ada menyebut bahawa, niat yang baik itu, niat yang murni itu tetapi pelaksanaannya tidak dilaksanakan dengan baik. Maka akan dikalahkan oleh niat yang jahat. Akan tetapi pelaksanaannya terancang dan teratur.

Kita tidak mahu sebegini sebab rakyat mengeluh. Apabila kita meminta peruntukan, agensi kerajaan cakap tidak ada peruntukan. Akan tetapi dalam bajet yang ada ini berbilion-bilion peruntukan, beratus-ratus juta dan ada yang peruntukan tidak diguna pakai ini seharusnya dirancang secara bijaksana sebab kita tidak mahu isu *delivery system* ini mengekang dan menghalang pembangunan yang dirancang sebaik mungkin untuk rakyat menikmati secara saksama.

Di dalam Kementerian Kesihatan iaitu saya lihat RM19.3 bilion untuk kesihatan termasuk membaik pulih 350 buah klinik kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM100 juta dan tambahan 150 buah mesin dialisis di pos hemodialisis kerajaan. Saya juga meminta supaya peruntukan sebegini dapat diletakkan di Kinabatangan termasuk juga pusat hemodialisis sebab sekarang ini penyakit diabetes ini sudah melanda negara kita. Berjuta-juta rakyat dan sehingga ada yang terpaksa dipotong kaki sebab di Hospital Kinabatangan, mesin hemodialisis tidak cukup. Cuma ada satu atau dua sahaja. Jadi mohon untuk ditambah di Kinabatangan. Ya, rakan saya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi Yang Berhormat Kinabatangan ada sentuh mengenai membaik pulih beberapa ratus juta ataupun peruntukan yang cukup besar untuk membaik pulih. Saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Kita ada lihatkah atau ada sedar walaupun dalam peruntukan yang begitu besar, selalu kita pergi klinik desa ataupun hospital, kita boleh nampak kiri kanan, sekeliling, banyak kelemahan dalam membaik pulih bangunan itu ataupun peralatan-peralatan. Saya mahu tanya apa cadangan daripada Yang Berhormat untuk menaik taraf atau menaik pulih dalam kita punya pelaksanaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Bintulu, itu sebab saya kembali kepada *delivery system*. Kalau *delivery system* di semua agensi kerajaan termasuk di Kementerian Kesihatan itu sendiri melihat bahawa ada keperluan rakyat di situ, maka difokuskan gunakanlah Bajet 2013 ini untuk menyelesaikan semua masalah kesihatan itu di dalam masa satu tahun. Jangan Bajet 2013 di *drag* lagi pergi ke Bajet 2014. Akhirnya bajet yang baik, yang ada tidak dapat dimanfaatkan untuk kepentingan rakyat itu sendiri dan ini akan membuat rakyat tidak menyokong kerajaan kerana dia kata kerajaan salah sedangkan kerajaan telah menyediakan peruntukan. Akan tetapi sistem pelaksanaan kita itu masih tertanggung. Jadi itulah. Kembali kepada sistem pelaksanaan semua agensi, KSU, KSP, arahkan agensi-agensi di bawah kementerian supaya melihat secara total bahawa rakyat hari ini memerlukan dan menuntut sesuatu yang luar biasa daripada pelaksanaan kita. Kalau pelaksanaan ini...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Dalam *delivery system*, kita bukan hanya boleh macam mana menggunakan peruntukkan sahaja tetapi dalam pentadbiran kita pun, Yang Berhormat bersetuju ataupun tidak dalam pentadbiran kita pun mesti mahu lihat dan faham masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat. Contohnya macam di kawasan Bintulu. Ada seorang pengarah hospital, rakyat tempatan sudah marah dan sudah bising kerana selalu dia buat aktiviti-aktiviti agama dalam hospital. Bukan sahaja kata kita ada halang ataupun marah.

Saudara daripada agama Islam pun bising kata ini hospital mana boleh buat majlis-majlis agama. Bila dalam perubatan, mereka cari doktor ataupun cari *nurses*. Jururawat mereka tidak dapat cari kerana semua kena panggil. Jadi mereka minta dipindah. Akan tetapi akhir sekali dia buat alasan dia ada *cable* dia tidak mahu pindah. Dia mahu juga di Bintulu. Sekarang terpaksa *pressure* daripada rakyat dipindah kepada klinik desa Jabatan Kesihatan. Jadi rakyat tempatan pun bising. Ini pindah dari satu tempat ke satu tempat sama punya tempat, kita rakyat mati juga. Jadi saya minta ini bukan satu *delivery system* kerana alasan diberi dia kata ini pegawai daripada luar. Kalau pindah memang sudah ada satu keluarga.

Saya lihat kalau pegawai daripada mana-mana, dia mesti kena faham bila dia kena *transfer* tidak kiralah keluarga atau tidak. Dia mesti pindah kerana dia tidak boleh dipertanggungjawabkan oleh jabatan lagi. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Bintulu, ucapan Yang Berhormat saya masukkan dalam ucapan saya dan saya minta kementerian menjawab sebab soalan ini spesifik. Kementerian sendiri menjawab kepada Bintulu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Shah Alam, saya rasa masa saya pun sudah hampir-hampir sampai, Tuan Yang di-Pertua sudah *signal* saya dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Shah Alam sebab menjadi salah seorang Menteri pada

masa akan datang. Kalau jadi Menteri Pengangkutan, bersifatlah, berbudayalah seperti budaya menteri.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan nakal macam sekarang ini sebab...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya ucap terima kasihlah kerana mengaku Pakatan Rakyat akan menang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu dalam bayangan sahaja. Bayangan ini dua sahaja. Kalau dia timbul gelap, hilanglah bayang-bayang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali iaitu saya meminta kepada Ahli-ahli Parlimen seperti Yang Berhormat Batu dan juga Yang Berhormat Subang supaya mengurangkanlah kempen-kempen fitnah itu. Memfitnah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam blog mereka konon sudah didakwa di Perancis sebab terlibat dengan penyelewengan pembelian kapal selam. Ini tidak betul. Mana ada mahkamah Perancis meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk dibicarakan. Ini semua tidak betul.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, dahulu kalau tidak silap saya dijanjikan oleh kerajaan iaitu lima batang jalan raya untuk dimasukkan dalam program rancangan Malaysia tahun yang 2013 ini iaitu jalanraya Karamua, jalanraya Balat, jalanraya Kuamut, jalanraya Tampasak dan juga jalanraya Sinar Jaya. Saya mahu minta dan saya berharap, saya menagih mudah-mudahan jalan raya ini dapat dilaksanakan tahun ini dan bukan janji seperti pihak sebelah sana.

Saya menyimpulkan, saya mengatakan bahawa bajet pada tahun ini merupakan bajet mesra rakyat dan kembalikan kepada rakyat. Rakyat harus memberikan keyakinan kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk menentukan untung nasib masa depan rakyat. Kalau kerbau dipegang pada talinya, manusia dipegang pada janjinya. *Insyaa-Allah*, saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

3.21 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini adalah berita mengenai ranking yang terbaru mengenai *Times Higher Education*, 200 universiti yang terbaik dan Malaysia tidak adalah dalam senarai itu. Ini menunjukkan betapa mencabar masalah-masalah yang akan Malaysia hadapi apabila mahu menjadi satu negara yang bersaing di dunia walhal dalam ranking ini negara-negara yang lain khasnya Asia yang ada mendapat tempat sama ada di Australia ada lapan universiti, Jepun lima universiti, Korea Selatan empat universiti, Hong Kong empat universiti, negara China dua universiti, Singapura dua universiti, Taiwan satu universiti. Itulah latar belakang yang perlu kita renung apabila kita bincang mengenai Bajet 2013.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pembentangan Belanjawan 2013 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang merangkap Menteri Kewangan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengatakan bahawa Belanjawan 2013 adalah merupakan bajet yang terbaik sekali setakat ini dan pujian melambung-lambung itu telah disambut oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang lain. Pamphlet

Yang Amat Berhormat juga menafikan yang Belanjawan 2013 adalah belanjawan *election* dan saya percaya tiada seorang Ahli Parlimen sama ada Barisan Nasional atau PR yang bersetuju dan saya rasa Yang Amat Berhormat sendiri pun tidak yakin dengan penafian beliau.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada Belanjawan 2013 akan dikenang oleh pemimpin UMNO dan BN sebagai belanjawan yang terbaik dalam tempoh 55 tahun ini sangat bergantung kepada hakikat adakah ia akan menjadi satu *silver bullet* untuk membolehkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mendapat kemenangan cemerlang dalam pilihan raya besar yang akan datang dengan majoriti 2/3 Parlimen. Atau sama ada ia menyebabkan Yang Amat Berhormat menjadi Perdana Menteri UMNO yang terakhir. Atau satu permulaan baginya untuk ditumbangkan dari jawatan Presiden UMNO dan Perdana Menteri seperti mana yang terjadi kepada Yang Amat Berhormat Kepala Batas pada 2009. Yang akhirnya menjadi trofi terbaru kepada Tun Dr. Mahathir dengan tiga kepala, *scalps*, Timbalan Perdana Menteri dan dua Perdana Menteri dalam karungnya adalah disebabkan Yang Amat Berhormat tidak yakin yang Belanjawan 2013 walaupun memberikan gula-gula kepada setiap pengundi dapat menjadi batu loncatan atau *silver bullet* baginya, maka beliau kerap menundakan pembubaran Parlimen, serta mencatat rekod sebagai Perdana Menteri tanpa mandat pilihan raya sendiri untuk tempoh masa terpanjang jika dibandingkan dengan keempat-empat Perdana Menteri selepas Tunku Abdul Rahman termasuklah bapa beliau Tun Razak, Tun Hussein Onn, Tun Mahathir dan Tun Abdullah.

Di sebabkan kurang keyakinan beliau mencipta sejarah memalukan dengan apa yang berlaku menukar pembentangan Belanjawan 2013 menjadi ceramah pilihan raya. Yang Amat Berhormat mengejutkan Ahli-ahli Parlimen dan rakyat Malaysia yang mendengar pembentangan itu apabila enam perenggan pertama ucapan Bajet 2013 merayu rakyat Malaysia untuk terus menyokong Kerajaan UMNO, Barisan Nasional sambil melemparkan tuduhan-tuduhan dan sindiran-sindiran terhadap Pakatan Rakyat.

Akan tetapi beliau telah berlebih-lebih apabila 14 perenggan akhir daripada 174 perenggan ucapan belanjawannya digunakan tanpa segan silu mengagung-agungkan pemerintahan UMNO, Barisan Nasional dan mengutuk Pakatan Rakyat sehingga ramai daripada kedua-dua belah pihak menggeleng-gelengkan kepala, disertai rungutan yang sama bahawa pembentangan Belanjawan 2013 menunjukkan betapa kurang *class* dan standard sama ada daripada segi jawatan beliau atau bajet.

Terbukti di sebalik Bajet 2013 tersembunyi, Yang Amat Berhormat yang tidak berkeyakinan serta sedang dihantui dan diburu kebimbangan bahawa ucapan bajet yang keempat ini mungkin belanjawan UMNO, Barisan Nasional terakhir di Parlimen dalam sejarah negara. Sebab itulah meskipun Yang Amat Berhormat bercakap besar dengan penuh yakin rakyat Malaysia akan terus menyaksikan enam lagi belanjawan dengan dibentangkan Kerajaan UMNO, Barisan Nasional untuk transformasi Malaysia daripada negara berpendapatan pertengahan kepada negara berpendapatan tinggi Yang Amat Berhormat sebenarnya terus memainkan watak *Hamlet* dari karya *Shakespeare*, "*To Be or Not To Be*" dan tidak boleh buat keputusan mahu bubar atau tidak mahu bubar Parlimen sejak tahun lalu.

Dalam kesimpulan pembentangan Belanjawan 2013, Yang Amat Berhormat ada berkata kita tahu ada pihak yang menyeru supaya mereka diberi peluang untuk membentuk kerajaan. Secara berlapang dada dalam sebuah negara yang demokratik, kita faham tidak salah menawarkan diri kerana mereka juga ada hak. Namun pada akhirnya rakyat lah yang akan menentukan siapa akan mendapat mandat melalui peti undi.

Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengakui hak parti-parti politik di dalam sistem demokrasi untuk diberikan peluang membentuk kerajaan seterusnya dan rakyatlah menentukan siapa akan diberikan mandat melalui peti undi. Akan tetapi satu yang tercicir adalah kegagalan beliau untuk mengisytiharkan dan menjanjikan secara jelas yang beliau akan memudahkan dan memastikan peralihan kuasa yang aman untuk pertama kali dalam sejarah. Sekiranya itulah keputusan dari peti undi untuk memberitahu dunia yang Malaysia telah menjadikan negara yang demokrasi yang normal kerana itulah salah satu syarat untuk menjadi demokrasi terbaik dunia seperti yang pernah Yang Amat Berhormat ucapkan.

Saya sebenarnya telah pun banyak kali mengajukan soalan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sepanjang tiga tahun ini tetapi beliau menolak untuk bersuara meskipun ucapan beliau yang *infamous* menyeru UMNO mempertahankan Putrajaya dengan apa cara sekalipun walaupun berkecai tulang dan juga badan walaupun bercerai jasad dari nyawa. Ini menimbulkan tanda tanya adakah beliau dan UMNO benar-benar mahu Malaysia menjadi demokrasi terbaik dunia?

Di dalam sistem demokrasi yang normal baik di United Kingdom, negara-negara Kesatuan Eropah, Australia, New Zealand, Kanada, Amerika Syarikat malahan juga Jepun, tiada rakyat akan meragui yang peralihan kuasa di antara parti politik dapat berlaku dengan aman baik di peringkat negara atau negeri sekiranya itulah keputusan pengundi-pengundi di dalam pilihan raya. Akan tetapi kesnya berbeza di Malaysia. Sebenarnya perjalanan untuk menjadi negara demokrasi yang normal itu sendiri masih jauh apabila Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet, UMNO dan semua parti komponen Barisan Nasional masih kelihatan tidak bersedia untuk memberikan komitmen bagi peralihan kuasa yang aman sekiranya itulah keputusan dari peti undi.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Ipoh Timur, sedikit mencelah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Ipoh Timur ingat tidak selepas Pilihan Raya 2008 di mana Kerajaan Negeri Selangor diambil alih oleh Pakatan Rakyat, kita dapat peralihan yang amat berkecamuk di mana semua fail-fail dan kunci-kunci pintu pejabat telah dibuang dan tidak di*handover* dengan cara yang betul. Apa pandangan Yang Berhormat Ipoh Timur? Itu akan berlaku apabila kita *take over* Putrajaya in *PRU-13*. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Seorang Ahli: *Mike, mike.*

■1530

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita ada budaya di mana semua parti yang boleh menerima keputusan pengundi-pengundi supaya satu peralihan kuasa boleh berlaku tanpa fail-fail hilang atau dimusnahkan. Saya harap ini tidak akan berlaku apabila Putrajaya bertukar kuasa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh meneguhkan lagi dalam menyatakan secara umum komitmennya untuk menerima dan memastikan peralihan kuasa Persekutuan dengan aman sekiranya itulah keputusan pengundi atau beliau lebih rela membuktikan kebenaran dakwaan bahawa beliau adalah seorang *false democrat* yang mengadakan pilihan raya tetapi tiada niat melepaskan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat menggelarkan dengan bangga dirinya sebagai 'Bapa Transformasi' disebabkan oleh pelbagai inisiatif transformasi yang telah beliau lancarkan semenjak mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada tahun 2009. Beliau benar-benar telah mentransformasikan perbendaharaan kata di Malaysia dengan memperkenalkan akronim-akronim seperti ETP, GTP, NKRA, NKEA, SRI, NEM, BR1M, KR1M dan lain-lain. Perunding mahal yang memikirkan istilah-istilah ini tentu sekali menerima keuntungan daripada inisiatif-inisiatif transformasi itu tetapi kesannya ke atas rakyat biasa tidak begitu ketara.

Di saat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih bernada positif dengan inisiatif-inisiatif transformasi beliau, belanjawan beliau mengatakan sebaliknya. Peruntukan belanjawan untuk inisiatif-inisiatif berkaitan ETP dan GTP telah berkurangan semenjak dua tahun lalu daripada setinggi RM15 bilion pada tahun 2011 kepada RM8.3 bilion pada tahun 2013 iaitu pengurangan sebanyak 46.5%. Peruntukan untuk enam NKRA di bawah GTP telah menurun sebanyak 47% daripada RM9.5 bilion pada tahun 2011 kepada RM5 bilion pada tahun 2013. Peruntukan untuk 12 NKEA di bawah ETP telah berkurangan sebanyak 45% daripada RM6 bilion pada tahun 2011 kepada RM3.3 bilion pada tahun 2013.

Pengurangan dalam peruntukan GTP menimbulkan tiga soalan penting. Pertamanya, adakah KPI yang diinginkan dalam NKRA telah dicapai? Kedua, walaupun dengan penurunan dalam bentuk belanjawan, adakah dana itu telah diperuntukkan dengan betul? Ketiga, adakah pengurangan dalam pendanaan GTP tanda Yang Amat Berhormat secara perlahan-lahan tetapi jelas akan meninggalkan GTP bagi memberi ruang kepada gula-gula berbentuk tunai untuk membeli undi menjelang pilihan raya umum? Jawapan bagi soalan pertama jelas sekali tidak. Menurut Laporan Tahunan GTP 2012, sasaran tahun 2012 adalah lebih agresif berbanding tahun 2011. Contohnya, jarak jalan raya yang akan dibina meningkat daripada 905 kilometer pada tahun 2011 kepada 1,350 kilometer pada tahun 2012, peningkatan sebanyak 49%. Jumlah rumah-rumah yang akan disambungkan dengan bekalan air bersih dan bekalan elektrik meningkat daripada 58,087 dan 26,822 pada tahun 2011 kepada 201,192 dan 39,442 pada tahun 2012, peningkatan sebanyak 246% dan 47% masing-masing.

Semua ini sepatutnya dicapai dengan peruntukan yang lebih rendah. Kemungkinan besar sasaran bagi tahun 2013 akan turut menjadi lebih tinggi. Akan tetapi, ia terpaksa dicapai dengan peruntukan yang lebih rendah. Dana di bawah belanjawan pembangunan untuk infrastruktur asas luar bandar atau *Rural Basic Infrastructure NKRA* turun daripada RM6.6 bilion pada tahun 2011 kepada RM5.1 bilion pada tahun 2012 dan akan terus turun di dalam belanjawan tahun 2013 kepada RM3.2 bilion. Dalam erti kata lain, peranan untuk RBI telah dipotong separuh sejak tahun 2011 walaupun KPI untuk NKRA ini telah meningkat dengan ketara sejak tahun 2011. Kita cuma berharap PEMANDU tidak akan diarahkan untuk 'massage' data KPI, bagi RBI pada tahun-tahun mendatang seperti mana KPI bagi penurunan jenayah kelihatan telah di 'massage'.

Soalan kedua melibatkan peruntukan sumber-sumber di antara dan di dalam pelbagai NKRA. Cuba lihat pada peruntukan bagi NKRA jenayah, salah satu profil tinggi NKRA di bawah GTP. Menurut anggaran belanjawan dari tahun 2011 sehingga tahun 2013, peruntukan bagi inisiatif khusus NKRA jenayah telah dikurangkan daripada RM351 juta pada tahun 2011 kepada RM239.8 juta pada tahun 2012 dan kemudian meningkat kepada RM322.3 juta pada tahun 2013. Apa yang menarik tentang peningkatan dalam peruntukan daripada tahun 2012 sehingga tahun 2013 adalah kebanyakan peruntukan itu dimasukkan ke dalam inisiatif NKRA untuk meningkatkan indeks persepsi keselamatan yang menyamai anggaran belanjawan inisiatif NKRA mengurangkan jenayah pada tahun 2012 dan tahun 2011. Peningkatan luar biasa dalam peruntukan ini adalah RM103 juta. Sementara semua peningkatan peruntukan melibatkan inisiatif pengawasan seperti pengembangan program kewujudan mutlak atau *omnipresence* dan pembersihan ada kemungkinan bahagian yang banyak akan disalurkan kepada amalan perhubungan awam (*public relation*) termasuklah menganjurkan hari kesedaran jenayah, menjalankan tinjauan bebas dan memperkasakan Unit Komunikasi PDRM.

Dalam erti kata lain, berbanding peruntukan lebih sumber bagi mengurangkan jenayah seperti jenayah jalan raya yang hanya mendapat RM26.4 juta daripada belanjawan NKRA jenayah, kebanyakan sumber-sumber tersebut akan digunakan untuk perhubungan awam. Oleh itu, bukan sahaja pendanaan untuk kebanyakan NKRA telah dipotong, tetapi yang masih berbaki juga kelihatan dalam bahaya disalah letak untuk pendekatan publisiti.

Pengurangan dalam peruntukan bagi GTP dan ETP adalah penunjuk bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semakin terdesak dan akan meninggalkan inisiatif-inisiatif transformasinya bagi membeli undi melalui pemberian-pemberian secara terus.

Satu lagi simptom tambahan memihak kepada gula-gula jangka pendek berbanding perubahan struktur jangka panjang adalah perbelanjaan pembangunan akan dikurangkan daripada RM49.8 bilion pada tahun 2012 kepada RM49.7 bilion. Perbelanjaan pembangunan kita telah menurun daripada 24% belanjawan keseluruhannya kepada kurang daripada 20% perbelanjaan keseluruhan dalam belanjawan terkini. Ini amat membimbangkan kerana perlunya perbelanjaan pembangunan yang sihat sebagai tapak kepada pertumbuhan masa depan negara kita.

Tanda-tanda untuk berhenti kelihatan pada komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap ETP. Peruntukan belanjawan buat ETP adalah sebanyak RM5 bilion pada tahun 2011. Sekiranya angka ini dipercayai, ini bermakna pelaburan kerajaan ke atas ETP adalah 47% daripada RM12.9 bilion pelaburan direalisasikan di bawah ETP pada tahun 2011, angka yang lebih besar daripada sasaran 8% pelaburan kerajaan yang ditetapkan PEMANDU. Angka ini telah dikurangkan hampir separuh iaitu RM3.3 bilion pada tahun 2013.

Jika penurunan ini disebabkan sektor swasta telah memenuhi sasaran pelaburan ETP, maka tiada masalah tetapi pengurangan peruntukan belanjawan bagi ETP terjadi ketika pelaburan-pelaburan komited bagi ETP turut menurun. Untuk tahun 2012, pelaburan-pelaburan diumumkan bagi ETP hanya RM16 bilion atau 16% daripada RM167 bilion pelaburan-pelaburan komited yang diumumkan pada tahun 2011. Di kala sektor swasta berterusan ragu-ragu dengan daya maju ETP, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kelihatan turut menyedari hal ini dan memotong peruntukan belanjawan bagi ETP dan berharap jaminan keluar secara diam-diam ini akan terlepas daripada perhatian umum.

■ 1540

Satu-satunya peruntukan yang telah meningkat adalah peruntukan kepada inisiatif reformasi strategik atau *strategic reform initiatives*. Sayangnya jumlah yang diperuntukkan bagi reformasi struktur melalui SRI hanyalah jumlah yang tidak berpada iaitu RM154 juta pada 2013 daripada jumlah yang juga tidak berpada iaitu RM121.5 juta pada 2012. SRI yang pada asalnya dirancang dalam Model Ekonomi Baru di bawah Majlis Tindakan Ekonomi kelihatan telah diabaikan selepas dikepilkan kepada ETP daripada 51 SRI yang dikenal pasti di dalam NEM, 14

ditempatkan di tempat asal sebagai sebahagian daripada NKEA atau NKRA. Bagi 37 lagi dikelompokkan ke dalam enam SRI dan dijenamakan semula.

Walau bagaimanapun, kebanyakan SRI belum lagi dilaksanakan dan dana diperuntukkan dengan jumlah yang kecil kepada SRI Belanjawan 2013 yang mencerminkan hal tersebut. Dan oleh sebab itu daripada aspek itu kita boleh lihat bahawa sungguhpun ada lambakan gula-gula dan hadiah-hadiah yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengorbankan manfaat jangka panjang demi mengejar manfaat jangka pendek. Akan tetapi amat jelas Yang Amat Berhormat telah hilang keyakinan kepada GTP dan ETP untuk memberikan keputusan yang diperlukan dan secara halus memotong dana mereka dengan harapan rakyat tidak akan perasan.

Walaupun dengan pemotongan ini, peruntukan dana dalam GTP dan ETP tidaklah memuaskan memandangkan mereka lebih memihak publisiti dan kroni yang ada kaitan politik berbanding melakukan perubahan positif jangka masa panjang dan pendek. Pengurangan peruntukan belanjawan pembangunan kepada Kementerian Pelajaran ini adalah memalukan dan meletakkan apa juga hasil daripada pelan pembangunan pendidikan dalam bahaya, musnah ketika siap dibandingkan dan ini boleh dilihat daripada kejatuhan tahap kedudukan Malaysia dalam *World Economic Competitiveness* apabila kita jatuh empat angka dan menunjukkan bahawa GTP, ETP nampaknya tidak begitu berkesan.

Lagi satu perkara yang saya mahu sebut di sini ialah apabila pada Hari Malaysia ke-49 baru-baru ini, *Bishop Catholic* Datuk Conelius Piong dalam mesejnya ada mempersoalkan adakah perjanjian 49 tahun yang tertanda pada Batu Sumpah Keningau untuk mendukung kebebasan beragama, hak-hak rakyat Sabah dan adat setempat telah ditepati. Beliau berkata sebagai sebahagian daripada kempen bagi meyakinkan rakyat Sabah untuk bersatu untuk membentuk Malaysia bersama dengan Sarawak dan Singapura 49 lalu, pemimpin dari Persekutuan Malaya berjanji kepada rakyat Sabah bahawa mereka akan maju bersama dan semua hak asasi mereka akan dilindungi dan tiga janji utama yang dibangkitkan oleh beliau adalah jaminan bahawa rakyat Sabah akan mendapat kebebasan beragama, tanah mereka akan dijaga oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan akan menghormati dan melindungi adat setempat.

Ada yang bertanya, adakah janji-janji ini masih dijunjung dan dihormati? Dia kata bahawa perjanjian itu terukir di atas batu sumpah peringatan yang masih boleh dibaca dan diingati dan saya ada dua kali melawat batu sumpah mengikut perlembagaan itu dan apa yang *engrave* dalam batu sumpah itu ialah satu agama bebas dalam Sabah, dua tanah-tanah dalam Sabah dikuasai oleh Kerajaan Negeri Sabah dan ketiga adat istiadat anak rakyat Sabah dihormati dan dipelihara oleh kerajaan.

Sebaliknya pula rakyat Sabah di dalam *interior* bersumpah taat setia kepada Kerajaan Malaysia. Selepas lawatan ke Batu Sumpah Keningau pada Mac 2010, kali pertama saya

melawat batu sumpah itu saya ada kata yang ini merupakan syarat-syarat kepada sumpah taat setia rakyat Sabah 50 tahun untuk penubuhan Malaysia. Adakah sumpah yang dilakar di atas Batu Sumpah Keningau ini sudah ditunaikan oleh kedua-dua belah pihak?

Pada dua minggu lalu sebagai sebahagian daripada perbincaraan awam Janji Ditepati yang dianjurkan oleh DAP Sabah di seluruh Sabah, saya kembali ke Keningau bersama Ahli Parlimen Tuaran, Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing melawat kembali Batu Sumpah Keningau yang bersejarah dan saya makin yakin adalah relevan dan berpatutan cadangan yang telah saya usulkan di Parlimen pada Mac 2010 selepas lawatan saya ke Batu Sumpah Keningau itu iaitu untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menilai sama ada harapan dan kehendak rakyat aspirasi, mimpi-mimpi Sabah dan Sarawak dalam membentuk Malaysia telah dipenuhi atau dikhianati dalam tempoh lima dekad ini.

Saya juga telah mengatakan pada 2010 bahawa ini masa yang sesuai untuk adakan satu RCI dan sungguhpun dua tahun sudah lepas, ianya masih relevan dan *pertinent* dan saya menyeru semua Ahli-ahli Parlimen sama ada Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat baik di Sabah, Sarawak atau Semenanjung Malaysia untuk menyokong Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menilai sama ada harapan dan kehendak rakyat Sabah dan Sarawak untuk membentuk Malaysia telah dipenuhi atau dikhianati dalam tempoh lima dekad ini. Sebuah penilaian ke atas perkembangan tiga syarat sumpah utama batu Sumpah Keningau dan perjanjian 20 perkara Sabah dan 18 perkara Sarawak adalah sumbangan besar menjadikan ulang tahun sambutan Hari Malaysia ke-50 lebih bermakna.

Ketika saya melawat Tamparuli bersama Yang Berhormat Tuaran dua minggu lalu pun, dengan mantan Ahli Parlimen Tuaran, Datuk Monggoh Orow yang ada bercakap tentang rintihan rakyat Sabah terutama mereka yang tidak mempunyai tanah. Ini jelas suatu pencabulan melampau, memeranjatkan dan benar-benar satu jenayah terhadap perjanjian tanah pada Batu Sumpah Keningau.

Peminggiran, kemiskinan dan keterbelakangan sosioekonomi tidak sepatutnya berlaku pada negeri-negeri kedua terbesar di Malaysia selepas Sarawak. Kerajaan Pakatan Rakyat akan segera melaksanakan dasar tanah bagi yang tidak bertanah *land for the landless*, untuk rakyat asal Sabah yang mahu mengusahakan tanah dan kami akan membanteras penyalahgunaan kuasa yang menyebabkan sebahagian besar tanah-tanah yang dirampas oleh mereka yang berkuasa untuk kroni-kroni mereka. Adakah Barisan Nasional bersedia melakukan perkara yang sama?

Inilah contoh yang terperinci tiga sumpah utama kepada Batu Sumpah Keningau tidak lagi dipenuhi. Oleh itu adalah sesuai, tepat pada masanya dan amat kena untuk membawa harapan dan kehendak rakyat Sabah seperti yang terkandung dalam Batu Sumpah Keningau dibawa kepada perhatian Dewan politik tertinggi negara ini. Ketika sambutan Hari Malaysia, Pakatan Rakyat di Kuching pada 16 September, pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat

menjanjikan satu *new deal* buat rakyat Sabah dan Sarawak mengangkat komitmen, Deklarasi Kuching untuk memenuhi harapan dan kehendak rakyat Sabah dan Sarawak dari segi pembangunan, infrastruktur dan perlindungan hak asasi mereka dalam membentuk Malaysia pada 1963 atau 49 tahun lalu.

Selepas 49 tahun bersama Malaysia, Sabah dan Sarawak telah terkena CLIB sementara Sabah terkena CLIBI. Sumpahan CLIB untuk Sarawak dan CLIBI untuk Sabah. Pertama 'C' untuk *corruption* atau rasuah, 'L' untuk *land NCR, injustice* atau ketidakadilan hak tanah, 'I' untuk *infrastructure*, kemunduran infrastruktur dan 'B' - Borneonisasi, *breach of Borneonisation*, pelanggaran Borneonisasi. Manakala 'I' untuk Sabah adalah *illegal immigrants*, atau pendatang tanpa izin. Dan 'C', walaupun membanteras rasuah adalah salah satu keutamaan enam bidang keberhasilan utama negara (NKRA) bagi program transformasi kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, rasuah di Malaysia menjadi semakin teruk dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini seperti yang dikesani oleh Indeks Persepsi Rasuah Transparensi Internasional.

■ 1550

Di Malaysia, negeri Sabah dan Sarawak adalah dua negeri yang mana rasuah berleluasa dan sukar dikawal. Setakat ini SPRM hanya berdiam diri berkenaan dakwaan serius rasuah dan penyalahgunaan kuasa terhadap Ketua Menteri Sarawak dan Ketua Menteri Sabah.

Saya bersetuju sepenuhnya dengan bekas anggota panel SPRM Tan Sri Robert Pang yang menyatakan bahawa persidangan antarabangsa perangi rasuah di KL hari ini adalah membuang masa, dan hanya acara untuk Kerajaan Malaysia berpura-pura ia serius membanteras rasuah. Saya tidak rasa mana-mana Ahli Parlimen yang serius tentang barah rasuah dalam politik kita akan tidak bersetuju dengan Robert Pang bahawa persidangan pertubuhan Agensi Penguatkuasaan Anti-Rasuah Antarabangsa (IACA) keenam yang diadakan di Kuala Lumpur hanya berbaloi sekiranya delegasi Malaysia menggunakan ia sebagai peluang untuk menumpukan kepada isu dakwaan rasuah terhadap Peguam Negara, Tan Sri Abdul Ghani Patail.

Saya ingin menjadikan Ketua Menteri Sabah dan Sarawak termasuk Tan Sri Ghani Patail sebagai ujian *trio, the test of the trio*, sama ada terdapat kehendak politik yang sebenarnya di Malaysia untuk melawan *grand corruption*, penyebab mengapa kedudukan dan skor indeks persepsi rasuah *Transparency International* telah jatuh ke tingkat paling bawah...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...laitu nombor 60 pada skor 43, sejak 18 tahun lalu. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemaskinikan untuk Parlimen dan negara tindakan oleh MACC terhadap pelbagai laporan polis yang dibuat ke atas trio tersebut berkaitan rasuah, terutama berhubung buku terbaru peguam Zainal Abidin Ahmad yang bertajuk, "*Tan Sri Ghani Patail Pemalsu, Penipu, Penjenayah (Fraud, Liar and Criminal)*"

Izinkan saya kembali kepada CLIB...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Untuk Sarawak dan CLBI untuk Sabah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kota Belud boleh mencelah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bagi 'L', ketidakadilan hak tanah adat. Yang Berhormat Kota Belud masih hutang saya satu permohonan maaf oleh kerana bercakap bohong dalam Dewan ini dan sehingga Yang Berhormat...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Don't runaway*. Saya hendak mencelah sedikit...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Ada keluar meminta maaf. Nantilah, boleh duduk.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: ...Apa Yang Berhormat kata fasal Sabah, fasal rasuah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan isu kedua terpenting di Sabah dan Sarawak sejak lima dekad penubuhan Malaysia...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya hendak tunjukkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Adalah rintihan-rintihan masyarakat KadazanDusun dan Murut di Sabah, dan Dayak di Sarawak tentang hak tanah adat (NCR).

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Come on* lah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Hakim Mahkamah Tinggi Kuching, Linton Albert berkata dalam keputusan berkenaan, kes hak tanah adat Pantu. Dia kata ini merupakan laungan tangisan untuk keadilan kerana ia...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Memang tidak patut berlaku dan tidak boleh diterima sebagai fitnah kehidupan. Saya menyokong kenyataan oleh Pengerusi DAP negeri Sarawak dan juga Ahli Parlimen Sibu yang mengatakan bahawa, dalam negeri yang terbesar di Malaysia, tiada sesiapa pun di Sarawak patut berebut untuk tanah dan ini juga bersangkutan paut dengan Sabah. Akan tetapi prinsip ini hanya boleh nampaknya boleh dikuasaikan oleh Pakatan Rakyat dan bukan Barisan Nasional...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh Yang Berhormat? Sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ketiga 'I', kemunduran infrastruktur. Di Sabah dan Sarawak, salah satu keperitan yang dihadapi warganya adalah kegagalan untuk menyediakan infrastruktur asas seperti jalan raya, air paip dan bekalan elektrik. Sabah dan Sarawak merupakan negeri yang kaya dengan sumber asli, sama ada minyak, gas atau balak akan tetapi kekayaan ini telah dirampas oleh pemimpin-pemimpin BN serta kroni-kroni mereka...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, boleh saya mencelah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Dan dikembalikan untuk memastikan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak dengar kot?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Rakyat di kedua-dua negeri menikmati...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *No, I mean you argue so many.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Sumber-sumber infrastruktur paling asas bukan seperti yang dapat dilihat dalam banyak kawasan di kedua-dua negeri, di mana wujud paip tanpa air, tiang elektrik tanpa bekalan elektrik, atau hospital tanpa doktor dan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bagilah saya ruang sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Selalu berubah-ubah Barisan Nasional kepada janji belanjawan Pakatan Rakyat 2013, untuk menyempurnakan dan meningkatkan Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan Kuching ke Kota Kinabalu dan Pantai Timur Sabah bagi membawa pembangunan Sabah dan Sarawak, setanding Semenanjung Malaysia, menggambarkan keperitan diabaikan telah lama berlaku dalam pemikiran. Perkara 4(b)...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh habiskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Minta maaf dahululah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kegagalan Barisan Nasional untuk menghormati Borneosasi yang termaktub dalam Perjanjian 18 Perkara yang telah ditegaskan oleh cadangan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Banyak soalan ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Tun Zaki Azmi, Pengerusi Suruhanjaya Khas Mengkaji Transformasi Perkhidmatan Awam untuk menurunkan syarat keperluan bagi kaum Dayak dan golongan etnik minoriti untuk direkrut ke dalam sektor perkhidmatan awam, juga untuk meneliti ketidakseimbangan komposisi kaum di dalam barisan perkhidmatan awam. Cadangan Tun Zaki...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Telah diserang oleh pemimpin Dayak...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Bagi ruang sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Dari kedua-dua pihak politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur tidak bagi jalan ya Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Seminit, seminit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, dia perlu untuk mohon maaf dahulu. Cadangan Tun Zaki...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Seminit dua minit sahaja Yang Berhormat. Banyak yang saya hendak terangkan. Saya hendak bagi statistik Selangor aduan rasuah di Selangor lebih banyak daripada negeri lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Telah diserang oleh pemimpin Dayak dari parti politik yang berlainan dan dianggap sebagai satu sindiran oleh komuniti Dayak di atas tanggapan bahawa...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya hendak perbetulkan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Bilangan warga Dayak dan golongan minoriti yang berkelulusan adalah mencukupi. Akan tetapi masalah sebenarnya adalah ketiadaan meritokrasi bukan sahaja dalam usaha merekrut seperti promosi dalam sektor perkhidmatan awam. Kita sepatutnya berterima kasih kepada Tun Zaki kerana telah menggambarkan kegagalan Barisan Nasional untuk melaksanakan Borneonisasi seperti yang dijanjikan dalam Perjanjian 18 Perkara bagi Sarawak, dan Perjanjian 20 Perkara bagi Sabah dalam tempoh lima dekad ini yang telah mengakibatkan kesengsaraan pemikiran serta diskriminasi...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bagilah ruang MP baru *first term* lawan berhujah dengan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Oleh kaum Dayak dan golongan etnik minoriti dan berhubung dengan sektor perkhidmatan awam, Perkara 8 di dalam Perjanjian 20 Perkara Sabah, dan Perjanjian 18 Perkara Sarawak, pada tahun 1963...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau saya, bawa balik rumahlah kalau baca *statement* sahaja....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur boleh habis.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau setakat baca itu, kalau saya boleh bawa balik rumahlah, buat *press conference* sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Yang akan turut membawa kepada Penubuhan Malaysia yang menyebut *point* 8, proses Borneonisasi...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bagi ruang sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Proses untuk melantik orang-orang tempatan ke dalam perkhidmatan awam negeri Borneo utara, seharusnya diwujudkan secepat mungkin. Kebelakangan ini slogan kegemaran Perdana Menteri...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau tidak, bagi kepada *MalaysiaKini* *publish* sahaja, *as a press statement*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Dato' Sri Mohd. Najib adalah, "janji ditepati".

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak ada ruang untuk orang mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dalam jawapan kepada soalan saya di Parlimen, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mendedahkan daripada 133 Jabatan Persekutuan termasuk Badan Berkanun Persekutuan di Sabah 61 adalah 45.9% agensi adalah diketuai rakyat Sabah. Manakala hanya 72 atau 54.1% diketuai oleh bukan rakyat Sabah...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Tambahan pula menurut jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Just give me a minute.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Sehingga 14 September 2012, pegawai kelahiran Sabah yang memegang jawatan tertinggi gred utama khas, dan ke atas, di Perkhidmatan Awam Persekutuan seramai 19 orang. Daripada jumlah tersebut, seorang pegawai masing-masing berada di Gred Utama Turus 1, Gred Utama Turus 2, dan Gred 'A'; tiga pegawai di Gred 'B', serta 13 pegawai Gred Utama dan Gred Khas 'C'. Adakah ini janji ditepati?...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh Yang Berhormat? Terima kasih. Terima kasih atas...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Akhirnya ialah mengenai pendatang tanpa izin...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: ...Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya boleh mencelah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: CLIB Sabah itu, 'I' ketiga, menunjukkan kepada masalah pendatang tanpa izin di Sabah yang berlarutan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Keputusan terkini undian September, satu *poll* di Sabah dikeluarkan selepas pembentangan Belanjawan Negara oleh Dato' Sri Mohd. Najib ...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Takkanlah Yang Berhormat Ipoh Timur tidak boleh bagi. Kalau orang lain itu saya percaya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Menyenaraikan pendatang tanpa izin merupakan kebimbangan tertinggi rakyat Sabah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Takkan Yang Berhormat Ipoh Timur tidak mahu bagi kepada Kota Belud. Yang Berhormat Ipoh Timur...! *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan mengapa terdapat pengundi kepada hanya 54%.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau orang lain tidak apa tapi Yang Berhormat Ipoh Timur tidak bagi ruang untuk dicelah... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud... *[Dewan Riuh]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau Yang Berhormat Ipoh Timur tidak dibagi ruang untuk dicelah...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kemudian pada September... Yang Berhormat Kota Belud masih hutang satu permohonan maaf kepada saya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau saya dengan orang lain tidak apa tapi kalau Yang Berhormat Ipoh Timur tidak bagi pencelahan, *it's absolutely disgrace to the...*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia cakap bohong dalam Dewan ini dan dia kata dia akan *check*. Kalau tidak dia akan minta maaf tetapi dia takut...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You use to be the* Ketua Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud..

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You give me a chance to rebut your argument...*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Dan itulah, dia tidak berhak dan layak untuk berdiri untuk bertanya apa-apa.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau daripada orang lain tidak apa tapi Yang Berhormat Ipoh Timur, *the great* Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa ini Yang Berhormat Kota Belud?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You* tidak mahu bagi ruang.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Point of order.*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bagilah ruang Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia pembohong dalam Dewan ini. Dia kata mahu *check*. Kalau tidak boleh dapat bukti, akan meminta maaf...

■1600

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat Kota Belud, Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur, *point of order.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Takkanlah Yang Berhormat Ipoh Timur, *the grand politician...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua 37(1), di mana seorang Ahli tidak boleh mengganggu seorang Ahli yang sedang bercakap...
[Dewan riuh]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sudahlah, *you are too protectivelah. You are too protective!*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *You are disturbing. You sit down and listen.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You do that all the times.* Saya cuma minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma minta kalau boleh, Yang Berhormat Ipoh Timur adalah seorang pemimpin yang besar dalam Parlimen ini.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Minta *ruling.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Mana boleh macam ini?... [Dewan riuh]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dia menuduh macam-macam tentang Sabah dan Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Seorang Ahli Parlimen dari Sabah mahu berdiri, minta penjelasan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Inilah Barisan Nasional, tidak tahu undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya kira untuk seorang pemimpin besar seperti Yang Berhormat Ipoh Timur, dia mesti berlapang dada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Itu sahaja yang saya mahu sebab tuduhan itu semua berat-berat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Point of order.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Semua berat-berat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuduhannya berat Tuan Yang di-Pertua. Saya sebagai Ahli Parlimen...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: ...Dari Sabah berdiri mahu mencelah. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat PJ Utara.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *This is* Yang Berhormat Ipoh Timur, *we are talking about. It is not like first time MP* macam PJ Utara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya harap Yang Berhormat juga kena bangun *point of order* kepada pencelahan-pencelahan sebelum ini yang dibuat oleh rakan-rakan di sebelah sini. Jadi, saya rasa kita tidak perlulah *involve point of order*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya cuma merayu sekali lagi, saya mahu merayu minta penjelasan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud, duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sebab tuduhannya semua berat-berat Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya mahu minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Orang cakap bohong tidak perlu penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Penjelasan, penjelasan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih, bagi saya ruang sedikitlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Masih belum minta maaf.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dua minit sahaja saya minta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, habiskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, saya habiskan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dua minit sahaja Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat. Sudah habis masa Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya habiskan *point* yang terakhir.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengenai *illegal immigrant*. uan Yang di-Pertua...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Unbelievable*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Peninjauan yang terbaru mendapati 53% pengundi menyenaraikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ..Pendatang tanpa izin sebagai masalah paling meruncing dan isu paling penting dihadapi oleh Sabah. Tinjauan turut mendapati bilangan besar sebanyak 87% bersetuju dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja menyiasat pendatang tanpa izin yang saya ada sebut sebagai RCIII.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) mempengerusikan Mesyuarat]

Akan tetapi keyakinan terhadap keberkesanan RCIII lebih bersifat berhati-hati dengan hanya 54% meluahkan keyakinan yang suruhanjaya akan dapat menyelesaikan masalah itu. Tinjauan turut mendapati pengundi Sabah mempunyai pandangan yang bercampur aduk terhadap dorongan di sebalik penubuhan suruhanjaya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih. Boleh...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebanyak 46% mengatakan ia adalah usaha jujur untuk menumpukan masalah pendatang tanpa izin manakala 36% bersetuju ia adalah tindakan politik untuk menurunkan kemarahan rakyat Sabah sebelum pilihan raya. Saya turut merasakan

keraguan yang RCIII benar-benar serius untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin di Sabah yang berlarutan sekian lama memandangkan Barisan Nasional tidak memiliki kehendak politik untuk betul-betul menyelesaikan terus masalah itu...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Akan tetapi lebih kepada mahu memberikan gambaran sesuatu yang telah diusahakan untuk menagihkan undi rakyat Sabah sebagai negeri deposit tetap menjelang pilihan raya umum.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Disebabkan inilah Kabinet telah mencatatkan rekod dunia, mengambil masa enam bulan untuk membuat keputusan terhadap bidang tugas dan keanggotaannya selepas membuat keputusan untuk menubuhkan RCIII pada 8 Februari, dan lebih daripada sebulan mengeluarkan surat pelantikan...

Seorang Ahli: Yang Berhormat, gulunglah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, saya akan gulung. Kepada anggota suruhanjaya untuk memulakan tempoh enam bulan bagi RCIII melengkapkan tugas dan laporan dapat dihitung.

Akhirnya, saya ingin bertanya sama ada sebenarnya adalah *political will* untuk menyelesaikan masalah yang begitu *long standing*. Kalau begitu, kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ambil tindakan khasnya terhadap pegawai tinggi cawangan khas yang menimbulkan keraguan terhadap keikhlasan Kabinet sewaktu membuat keputusan untuk menubuhkan RCIII. Pegawai tinggi cawangan khas ini tidak lain tidak bukan adalah Penolong Pengarah Bahagian Ancaman Ekstrimis Sosial-Nasional, Mohd Sofian Mohd Makin yang membuat tuduhan liar yang tidak berasa bahawa Pakatan Rakyat telah dimasuki pengganas Jemaah Islamiah bagi kes PAS, dan komunis bagi kes DAP.

Beliau sehingga kini tidak mampu membawa sebarang bukti apabila dicabar membuat demikian. Sofian telah memberitahu akhbar bahawa sokongan untuk RCIII untuk pendatang tanpa izin adalah dibuat oleh unsur-unsur elemen-elemen anti nasional yang hanya mahu mendapat laba politik daripada isu tersebut. Menjejaskan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Filipina dan mengapi-apikan sentimen dan anti Semenanjung di kalangan rakyat Sabah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sepatutnya mengisytiharkan sama ada Sofian mewakili pemikiran arus perdana Kerajaan Persekutuan, UMNO-BN tetapi tersembunyi berhubung isu RCIII terhadap pendatang tanpa izin di Sabah. Jika tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, saya mahu mengakhiri soalan saya. Jika tidak, tindakan serta-merta perlu diambil untuk menggantung dan mendisiplinkan Sofian kerana beliau telah menjadi contoh buruk ancaman ekstremis secara nasional yang sepatutnya dipantau

cawangan khas. Masalah pendatang tanpa izin yang telah lama berlarutan juga RCIII adalah contoh nyata kegagalan Barisan Nasional dalam 'Janji Ditepati', tema rasmi sambutan Hari Kemerdekaan ke-55 dan Hari Malaysia yang-49 yang telah dirampas oleh Barisan Nasional. Ini adalah sebab saya harap akhirnya bahawa semua Ahli Parlimen Barisan Nasional, Pakatan Rakyat, Sarawak, Sabah dan Semenanjung boleh persetujuan bahawa perlulah satu *Royal Commission of Inquiry* untuk menilai 50 tahun Sabah dan Sarawak ada di Malaysia sama ada janji-janji dipenuhi atau adalah dikhianati. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jempol.

4.06 ptg.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun untuk menyokong bajet yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Satu bajet yang telah pun melahirkan satu transformasi baru yang melibatkan kesedaran rakyat di setiap lapisan. Kalau dahulu pembentangan bajet ini ditunggu-tunggu oleh usahawan, pakar-pakar ekonomi dan juga di kalangan pegawai-pegawai kerajaan. Akan tetapi kali ini satu perubahan besar apabila bajet negara, bajet kerajaan ditunggu-tunggu oleh setiap lapisan rakyat termasuk juga kanak-kanak sekolah dan juga orang-orang kampung yang tidak mempunyai pekerjaan tetap.

Apabila melihat bajet yang dibentangkan ini sudah tentulah memberikan jaminan yang sangat besar tentang kejayaan dan juga masa hadapan negara kita dan rakyat keseluruhannya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan berjaya membuat satu gabungan pintar di antara kekuatan kerajaan yang mempunyai hasil RM208.6 bilion digabungkan dengan kekuatan syarikat swasta dan juga GLC. Ini sudah tentu akan memberikan satu lonjakan yang sangat baik terhadap pencapaian ekonomi negara dan seterusnya memberikan limpahan yang baik kepada seluruh rakyat dalam negara kita. Dengan begitu yakin sekali Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita membentangkan bajet yang mengambil kira enam kali lagi bajet yang akan dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk menuju negara maju 2020. Bukan sahaja dengan bajet yang ada ini memberikan jaminan bahawa kerusi Parlimen Putrajaya dapat dipertahankan tetapi keseluruhan jentera kerajaan kita akan ditadbir, *insya-Allah*, diberikan mandat oleh rakyat iaitu melalui Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang usaha yang dibuat oleh kerajaan apabila meluluskan peruntukan yang besar dalam Kementerian Pelajaran iaitu lebih kurang RM38.7 bilion. Di antara usaha yang diberikan oleh kerajaan ini ialah memberikan satu perubahan terhadap pelan pembangunan pendidikan negara kita yang melengkap perancangan 2013 dan 2025.

■1610

Ianya bertujuan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti yang sudah tentu akan dapat memenuhi keperluan dan aspirasi negara kita untuk menjayakan suatu perancangan transformasi negara kita dan mengangkat tenaga kerja kita di peringkat antarabangsa. Ini merupakan satu bentuk baru yang akan didedahkan kepada anak bangsa kita. Walaupun pembangkang menyelar tentang sistem pendidikan negara kita, namun demikian UPSR kita tidak ada masalah. PMR juga tidak ada masalah, SPM juga tidak ada masalah. Ini terbukti apabila pelajar-pelajar kita bersaing di peringkat antarabangsa. Apabila mereka mendapat pelajaran di IB – *International Baccalaureate* yang menawarkan satu bentuk pelajaran di peringkat antarabangsa di mana pelajar-pelajar IB kita di Banting, di Seremban mempunyai gred purata, di Banting – 37.72, di Seremban – 37.60 manakala gred purata IB seluruh dunia cuma 29.83 sahaja.

Ini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa pencapaian pelajaran anak-anak kita ini kalau bersaing di peringkat antarabangsa memang mereka hebat. Namun demikian, apabila kajian ini dibuat mengikut pandangan-pandangan tertentu dan kajian-kajian yang tertentu yang dibuat mengikut kehendak mereka, maka di sinilah kita melihat pencapaian anak-anak kita ini berada di kelompok satu pertiga mereka yang berada di sebelah bawah. Namun demikian, ianya melontarkan idea baru bahawa di peringkat antarabangsa ini, mereka menguji kepintaran dan kebolehan anak-anak kita dalam soal kemahiran berfikir.

Di Malaysia, sistem yang ada pada hari ini menekankan tentang soal bagaimana kita dapat menguji anak-anak kita dari segi isi dan bahan bacaan serta ilmu yang kita ajarkan. Di sinilah peralihan dalam sistem ataupun transformasi pendidikan yang akan kita tekankan untuk menambah nilai kemahiran berfikir kepada anak-anak Malaysia. Ianya mesti bermula di peringkat sekolah rendah dan diikuti di peringkat sekolah menengah dan seterusnya sampailah ke peringkat universiti.

Bagi saya anak jati Negeri Sembilan, ada nilai-nilai yang paling baik untuk menerapkan kemahiran berfikir di kalangan anak-anak Malaysia. Saya mencadangkan nilai-nilai adat perpatih diserapkan dalam memahirkan kemahiran berfikir kepada anak-anak Malaysia. Sebagai contoh, *'penakik pisau seraut, ambil galah batang lintabung, seludang buatkan nyiru, setitik jadikan laut, sekepal jadikan gunung, alam terkembang kita jadikan guru'*. Ini adalah merupakan lontaran satu bentuk skil dan kemahiran berfikir yang tinggi di kalangan anak-anak Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara yang paling penting untuk melaksanakan transformasi dan perubahan pendidikan negara ialah soal guru-guru kita. Bukan sahaja dari segi kualitinya, tetapi ia juga mengambil kira tentang kuantitinya. Saya mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan jawatan guru ganti. Hari ini apabila kita melihat guru-guru kita kadang kala mengalami masalah kesihatan, mereka menyambung pelajaran di universiti dan juga ramai guru muda yang bersalin memerlukan tempoh masa bercuti yang begitu panjang.

Di sinilah ruang anak-anak kita tidak dapat kita latih, diberikan ilmu yang secukupnya kerana kadang kala di setiap guru yang melibatkan perpindahan dan guru-guru yang terlibat dengan kesihatan ini meninggalkan bilik darjah. Saya mencadangkan supaya jawatan guru ganti ini diadakan supaya mereka dapat kita jadikan sebagai guru-guru yang ditempatkan mengikut keperluan mereka dan mereka bukanlah diletakkan di satu sekolah sahaja, mereka boleh beredar sebagai guru-guru beredar di dalam pendidikan ataupun pejabat pendidikan daerah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sampai masa dan ketikanya profesion perguruan ini memikirkan latihan guru-guru pakar. Kalau dalam bidang perubatan, kita dapat melihat di mana doktor kita dilatih dalam tempoh lima ataupun enam tahun. Mempunyai asas pendidikan dalam bidang kedokteran yang begitu tinggi tetapi setelah itu mereka akan diberi peluang untuk mengikuti latihan yang kedua bagi melahirkan doktor-doktor pakar mengikut bidang masing-masing. Oleh yang demikian, sampai masa dan ketikanya kalau kita ingin melonjakkan transformasi pelajaran yang ada dalam negara kita, kita juga boleh melatih guru-guru kita mengikut guru pakar dan sudah tentulah saya berharap supaya jawatan guru pakar ini diwujudkan secara rasmi di dalam kerajaan kita supaya membolehkan kita menempatkan guru-guru pakar untuk membantu anak-anak kita di setiap peringkat. Bukan sahaja bertumpu di bandar-bandar besar tetapi ianya juga dapat ditumpukan di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sampai masa dan ketikanya juga kita melihat tentang keperluan negara melalui sistem pendidikan negara kita. Hari ini, lepasan pelajar pintar kita, lepasan SPM kita, pelajar-pelajar yang mempunyai 10A, mereka ini selalunya ditawarkan belajar ke luar negara dalam bidang-bidang profesional, doktor, jurutera, akauntan dan sebagainya. Sampai masa dan ketikanya kerajaan melihat bahawa pelajar-pelajar pintar ini sebenarnya bukan semuanya ingin menjadi doktor ataupun *lawyer* ataupun bidang-bidang teknikal seperti jurutera.

Kita juga memerlukan pegawai-pegawai kerajaan kita yang hebat, kita memerlukan KSN kita yang hebat, KSU, ketua pengarah, pegawai-pegawai diplomatik kita dan juga banyak lagi pegawai-pegawai kerajaan yang boleh kita lahirkan dengan mengambil dan menawarkan kepada pelajar-pelajar pintar ini supaya kita tempatkan mereka di universiti-universiti ternama termasuklah di universiti-universiti luar negara dengan harapan mereka kembali semula bertugas untuk mengetuai jabatan-jabatan dan agensi-agensi tertentu yang akhirnya nanti menjadi satu kelompok tenaga pemikir, perancang yang hebat dan juga pelaksana yang hebat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju melalui wawasan kita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan keperluan baru mewujudkan jawatan-jawatan baru. Sebagai contoh, hari ini kita dapat melihat bagaimana pelajar-pelajar wanita, anak-anak kita yang pintar, masuk universiti 68% tetapi yang bekerja cuma 46%. Ini bermakna mereka ramai terkeluar daripada bekerja dan juga meneruskan kerjaya mereka untuk menjadi mungkin suri

rumah sepenuh masa di rumah mereka dan menjaga keluarga mereka dengan baik. Kita terhutang budi dengan kumpulan wanita-wanita yang seumpama ini.

Namun yang demikian Tuan Yang di-Pertua, sampai masa dan ketikanya kerajaan memikirkan supaya melatih sebahagian daripada anak-anak muda kita ini dengan mewujudkan jawatan baru untuk melatih mereka secara profesional dalam bidang menjaga kanak-kanak dan juga menjaga orang tua. Hari ini negara kita berhadapan dengan bilangan warga usia tua yang semakin meningkat dan sudah tentulah profesion baru ini yang tidak dapat saya namakan apakah jawatannya yang dapat memenuhi tentang keperluan negara pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bagaimana kesungguhan kerajaan untuk memberikan latihan yang cukup kepada anak-anak Malaysia. Di antara latihan yang patut diberikan pujian melalui belanjawan ini ialah dengan memperuntukkan RM200 juta untuk latihan kebolehpasaran graduan-graduan kita.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, sampai masanya Jempol ingin mencadangkan supaya kerajaan merombak semula semua kursus yang kita tawarkan di seluruh universiti dalam negara, supaya kursus-kursus yang kita tawarkan kepada anak-anak kita yang belajar di universiti dalam negara kita ini selaras dengan peluang pasaran kerja yang ada kepada mereka. Hentikanlah tawaran kepada pelajar-pelajar kita hanya untuk mengisi kekosongan di mana-mana universiti, padahal pelajar tersebut tidak minat, jauh sekali menepati dengan perancangan kehidupan profesion mereka. Maka lahirlah di kalangan mereka ini nanti di mana golongan-golongan tertentu pelajar kita yang tidak menepati peluang-peluang kerja yang sepatutnya mereka lengkapkan diri mereka sewaktu belajar di mana-mana universiti.

Sebagai contoh, kita ada kolej komuniti. Kolej komuniti ini sangat dekat dengan rakyat terutama sekali kepada anak-anak muda yang berada di luar bandar. Saya yakin dan percaya sekiranya kolej komuniti ini memberi peluang betul-betul melahirkan pelajar-pelajar bukan daripada aliran akademik tetapi kita memberikan latihan kemahiran yang cukup, latihan kemahiran yang bermula daripada sijil lepas itu kita beri peluang untuk mendapat diploma dan dengan kemahiran yang bersungguh-sungguh ini akhirnya kita menawarkan ijazah kepada kumpulan-kumpulan ini dan ini sudah tentu akan memenuhi keperluan negara kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga banyak mendengar tentang hujahan-hujahan bajet yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan negara kita. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang dapat melonjakkan pencapaian dan pertumbuhan negara kita bermula daripada mula memegang Menteri Kewangan dengan hanya 1.5% pertumbuhan ekonomi negara dan hari ini membentangkan belanjawan ataupun bajet di dalam Parlimen ini, dapat melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara kita sehingga 5.1%. Padahal

waktu Yang Amat Berhormat memegang jawatan ini, bukan sahaja mengalami masalah ekonomi di dalam negara tetapi seluruh dunia dan juga masalah politik yang tidak stabil.

Hari ini, ada juga orang yang menyindir, ada juga orang yang membezakan di antara Menteri Kewangan mereka dulu dengan Menteri Kewangan sekarang. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan diri saya bahawa kalau kita lihat graf, kelok ekonomi seluruh dunia ini, tidak akan lari daripada peringatan Allah Taala di dalam Al-Quran bahawa akan ada beberapa masa di mana nikmat ini diberikan oleh Allah Taala dan ada juga beberapa masa yang mengalami masalah kemelesetan ekonomi.

Oleh yang demikian, waktu kita berada dalam kemewahan, Allah Taala mengingatkan kita sehinggakan kita menyimpan gandum kita dengan tangkainya yang panjang. Ini menunjukkan bahawa kelok ini tidak akan terus berada dalam keadaan statik. Ada masanya kelok ini akan berada di bawah dan ada juga ia berada di atas. Bagi negara kita Malaysia, ianya berada dalam lingkungan 1991 sehingga 1996 yang diistilahkan sebagai puncak oleh ahli ekonomi ataupun *input driven*, di mana semua negara akan mempunyai titik di mana ekonomi mereka berada di keadaan puncak. Saya masih ingat pada waktu itu kita dapat menjadikan apa sahaja perancangan yang ada dalam negara kita ini menjadi kenyataan kerana ekonomi kita berada dalam keadaan yang baik.

Pada waktu itulah Yang Berhormat Permatang Pauh diangkat menjadi Menteri Kewangan dan saya tidak nampak keistimewaan Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Menteri Kewangan hanya kerana peribadinya, kemampuannya sahaja tetapi sebenarnya dia antara yang paling bernasib baik berada di puncak pertumbuhan ekonomi negara. Namun demikian, kalau dia membandingkan di antara kedudukannya dengan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sekarang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib memegang jawatan 2009 di mana graf ini berada di bawah lebih kurang 1.5% pertumbuhan ekonomi negara. Saya juga nampak bandingan yang tidak adil yang diberikan dengan tujuan untuk menghina dan juga merendah-rendahkan bajet kerajaan dengan menekankan tentang isu bagaimana mereka melontarkan satu bajet yang kononnya akan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Jempol, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak pembangkang selalu mengatakan kita harus membandingkan pencapaian ekonomi negara kita dengan negara-negara luar. Ada yang berkata kita kena tengok Vietnam, Laos, Cambodia dan negara-negara Indo-China yang sekarang ini bergerak begitu laju ke depan tetapi kita juga tahu bahawa Indo-China, Cambodia, Vietnam itu pada tahap pertumbuhan ekonomi sama seperti kita tahun 70-an apabila *take-off* daripada segi eksportnya bermula. Jadi tidak adil untuk kejayaan Malaysia ini dibandingkan dengan negara-negara tersebut. Kemudian kita dibandingkan pula dengan Taiwan dan Singapura. Itu pun pada

saya kiranya tidak begitu adil kerana itu adalah pulau-pulau. Saya kira ekonomi Singapura harus disamakan dengan ekonomi Kuala Lumpur ataupun Lembah Klang.

Kemudian ada pula yang mengatakan kita harus membandingkan dengan Korea Selatan. Walaupun mungkin itu adalah perbandingan yang cadangan yang baik tetapi kita juga tahu bahawa ekonomi Korea Selatan itu tidak berada epal dengan epal dengan Malaysia walaupun kita bermula dengan tahap yang sama. Korea Selatan contohnya diberi bantuan oleh Amerika Syarikat, banyak kali. Bukan sahaja daripada segi ketenteraan tetapi daripada segi bajet, *development aid* dan bermacam-macam lagi, ada akses kepada ekonomi Amerika dan juga *European Union* yang lebih luas oleh kerana hubungan mereka. Jadi, *the pump priming* oleh Amerika yang dibuat di Korea Selatan itu melalui *economy injection of fund* melalui bantuan ketenteraan, itu juga membantu mereka melonjak ke depan.

Sebab itu kadang-kadang perbandingan ini yang dibuat oleh parti pembangkang ini tidak tepat. Kita harus berdiri di atas kaki kita sendiri, berdasarkan latar belakang budaya dan ekonomi dan juga sensitiviti-sensitiviti kita sendiri. Itu selalu perbandingan yang dibuat. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Jempol.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Memang satu perbandingan yang tidak tepat dan tidak adil. Nak bandingkan Malaysia dengan Cambodia. Cambodia ini waktu kita berada di puncak tahun 1991, dia baru berada 2.9% dia punya pertumbuhan ekonomi kerana dia banyak masa berperang. Namun demikian hari ini kalau ukuran tahun 2000, memanglah dia berada dalam keadaan 8% tetapi itulah titik puncak kepada pencapaian mereka. Begitu juga dengan Korea ini Yang Berhormat. Korea ini ialah satu usaha yang dibuat oleh Amerika untuk menahan pengaruh komunis apabila Korea Selatan dengan Korea Utara ini berada dalam keadaan negara yang berperang. Sudah tentulah apabila Amerika ada kepentingan tertentu, dia akan jaga, mengambil bahan-bahan perkilangan yang ada daripada Korea dan dihantar ke Amerika, dijual di sana dan banyak pelaburan persenjataan yang diberikan di Korea Selatan dan sudah tentulah ini menaikkan ekonomi di negara tersebut.

Apa perbandingan yang dilontarkan ini semata-mata untuk menunjukkan bahawa hari ini rakyat dapat melihat betapa tidak sesuainya kalau sekiranya negara kita ini terdedah kepada ancaman dan juga kepentingan setengah-setengah pihak termasuk juga bandingan yang mereka berikan bagaimana negara Turki dapat membebaskan diri mereka daripada IMF tanpa menyebut bahawa persekitaran Turki itu dialah satu-satunya sebuah negara yang aman, di sekelilingnya negara-negara Arab yang sedang berperang dan sudah tentulah ini memberikan kelebihan kepada negara Turki. Kalau kita lihat pakej IMF yang ditawarkan itu pun memerlukan masa yang begitu panjang dan pada masa yang begitu panjang itu, negara akan sengsara dan sudah tentulah rakyat juga akan menderita.

■1630

Oleh yang demikian, bajet yang dikemukakan oleh kerajaan ini jauh lebih baik dan dapat menawarkan satu pulangan yang baik kepada rakyat dalam negara kita dan sudah tentulah mereka semua akan membalas semula jasa dan sumbangan yang diberikan oleh kerajaan ini dengan memangkah Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Penyenaian FELDA Global Ventures yang telah pun menjana kekayaan negara khususnya FELDA sehingga RM9.9 bilion. Lebih menarik lagi, di antara RM9.9 bilion ini, kita telah pun berikan 'durian runtuh' kepada semua peneroka FELDA di mana peneroka dapat RM5,000, isterinya mendapat RM5,000 dan anak-anak peneroka mendapat RM5,000.

Soalannya Tuan Yang di-Pertua, RM1.5 bilion duit yang berada di Rancangan Tanah FELDA tidak begitu banyak yang dibelanjakan di dalam Rancangan Tanah FELDA. Duit-duit ini banyak juga mengalir keluar daripada skim-skim tanah rancangan - tanah FELDA. Sampai masa dan ketikanya, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, supaya mewujudkan pertumbuhan pekan dan juga bandar-bandar baru di rancangan-rancangan tanah FELDA dengan menyediakan kedai-kedai, bengkel-bengkel dan juga gerai-gerai.

Apabila peneroka FELDA ini mendapat duit daripada hasil jualan hasil mereka ataupun imbuhan melalui 'durian runtuh' dan juga pakej-pakej sokongan kerajaan yang begitu banyak diberikan termasuk yang menanti-nanti ialah dividen dan bonus yang melalui pembelian saham dan juga pemegang saham yang disediakan oleh kerajaan, maka sudah tentulah mereka semua mempunyai kausa beli yang begitu tinggi. Ini akan memberikan satu keadaan yang lebih baik di Rancangan Tanah FELDA apabila kedai-kedai, bengkel-bengkel dan juga gerai-gerai ini kita sediakan untuk mereka di mana ia akan dapat menjana ekonomi dalaman Rancangan Tanah FELDA sekali gus akan dapat melonjakkan mereka-mereka yang boleh berniaga, usahawan-usahawan kecil dan juga mereka yang melibatkan kegiatan-kegiatan ekonomi di Rancangan Tanah FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat kagum apabila kerajaan dapat memberikan dividen sebanyak 18% kepada KPF di mana lebih daripada RM338 juta keuntungan diberikan kepada pemegang saham. Ini tidak termasuk kerugian RM4 bilion kepada KPF kerana tidak dapat menyertai penyenaian FELDA Global Ventures. Siapa yang mengapi-apikan peneroka sehinggakan lapan orang membawa kes ini ke mahkamah, ialah parti-parti pembangkang yang menghasut peneroka FELDA. Mereka menyatakan satu perkara yang tidak betul. Kononnya tanah peneroka tergadai, kononnya rumah mereka terlelong, kononnya harta-harta mereka juga terlelong, mengadakan demonstrasi dan menghantar memorandum palsu kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Apakah pembangkang tidak sedar bahawa kesilapan mereka ini menyebabkan KPF kerugian RM4 bilion? Cuba bayangkan RM4 bilion dibagi dengan 112,000 peneroka. Maka tidak kurang seorang peneroka kerugian RM30,000.

Tuan Yang di-Pertua, inilah hasil daripada hasutan yang dibuat oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab dan lebih malang lagi mereka masuk ke kampung-kampung kononnya kerajaan hanya menjaga peneroka FELDA dan menyatakan orang-orang kampung apa dapat? Akhirnya kerajaan dapat melihat RM60 juta disumbangkan melalui FELDA di mana duit ini kita bangunkan rumah-rumah daif di kampung, membantu kegiatan ekonomi mereka, memberikan biasiswa-biasiswa dan juga bantuan pelajaran bukan sahaja di peringkat prasekolah tetapi sampai ke peringkat universiti, bukan sahaja di Rancangan Tanah FELDA tetapi juga ditawarkan kepada anak-anak kampung yang berada di pinggir FELDA.

Saya juga amat terhutang budi apabila kerajaan melalui FELDA menubuhkan Kolej Yayasan FELDA Jaya di Serting, Jempol, Negeri Sembilan. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya Kolej Yayasan FELDA di Feldajaya, Serting ini dinaiktarafkan menjadi Universiti FELDA yang pertama dalam negara kita. Saya yakin dan percaya dengan adanya universiti ini nanti akan memberikan motivasi baru kepada anak-anak peneroka FELDA supaya lebih ramai lagi di kalangan mereka ini melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang sesuai dengan minat mereka untuk mendapat ilmu yang cukup, skil dan kemahiran dan seterusnya meneroka bidang-bidang yang mereka minat.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah tadi pemaparan...

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, boleh Yang Berhormat? Fasal sudah 'Yang demikian' tapi saya sudah berdiri lama, Yang Berhormat tak perasaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Universiti FELDA yang pertama di negara, ini satu idea yang saya kira cukup baik. Cuma saya hendak minta komen Yang Berhormat tentang inisiatif kerajaan menaja anak-anak FELDA belajar di sebuah universiti swasta pada hari ini di Cyberjaya. Apa pandangan Yang Berhormat tentang inisiatif ini yang saya lihat salah satu program anak-anak FELDA di universiti ini yang pernah direkodkan, anak-anak ini tidak pernah bercakap Inggeris sepatah pun ketika di sekolah menengah di solok-solok FELDA ini tetapi hari ini anak-anak ini telah pun berupaya berucap dalam bahasa Inggeris di pentas dunia. Apa pandangan Yang Berhormat tentang inisiatif kerajaan ini? Adakah Yang Berhormat nampak, kerana Yang Berhormat ini betul-betul *pure fighter* untuk FELDA saya nampak.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, kemampuan anak-anak peneroka FELDA bukan sahaja boleh bertutur bahasa Inggeris tetapi anak-anak peneroka FELDA daripada Jempol inilah yang membawa kapal selamat balik daripada Perancis bawa ke negara kita. *[Tepuk]* Sebahagian anak-anak peneroka FELDA juga berjaya menerbangkan kapal terbang dan juga menjadi jurutera-jurutera ternama untuk membaiki dan juga menentukan kapal terbang tersebut selamat.

Oleh yang demikian Yang Berhormat Tangga Batu...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh?

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Usaha yang dibuat oleh kerajaan memajukan FELDA, memberikan lonjakan yang baik kepada kehidupan peneroka FELDA dan seterusnya menjaga generasi kedua FELDA, memberikan ilmu, kemahiran, skim perumahan baru anak-anak peneroka FELDA, ini semua sudah tentu akan memberikan satu lonjakan kehidupan yang baik. Inilah bezanya di antara Barisan Nasional dengan pembangkang. Pembangkang hanya menghasut. Mereka tidak memikirkan satu benda yang baik untuk peneroka FELDA dan mereka semua menyebabkan kerugian RM4 bilion..

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sikit sahaja, terima kasih. Saya faham...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya tahu, masa kecederaan, saya faham Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi satu lontaran saya kepada Yang Berhormat Jempol ialah begini. Kekhawatiran Yang Berhormat tadi ialah berkenaan dengan permasalahan FELDA ini dan juga tohmahan-tohmahan daripada pihak pembangkang kepada FELDA ini, ini satu hal.

Akan tetapi, saya cuma ingin minta pandangan Yang Berhormat. Sekarang ini ada satu trend untuk menurunkan harga FELDA, FGVH di dalam Bursa dan trend ini sekarang telah menular kepada pasaran hadapan kelapa sawit. Sejak beberapa minggu dan satu, dua bulan ini, harga kelapa sawit di pasaran hadapan minyak sawit telah jatuh dengan begitu mendadak. Saya sendiri adalah bekas *trader* di dalam *Future's Market Kuala Lumpur Commodity Exchange* dan saya dapati memang trend itu *limit down*. *Limit down* ini adalah kerana ada desakan, tekanan yang begitu kuat daripada dana-dana asing *fund managers* ini yang menekan harga kelapa sawit.

Saya minta pandangan Yang Berhormat kerana isu ini agak besar dan agak berbahaya kerana, apakah Yang Berhormat bersetuju supaya kita meminta Bank Negara dan juga pasaran hadapan ini memantau aktiviti-aktiviti spekulator yang datang daripada luar negara ini untuk menekan atas sebab-sebab tertentu kerana pilihan raya ini sudah dekat dan memastikan FELDA ini gagal?

■ 1640

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Golongan yang mengkhianati negara dan juga rakyat Malaysia ini memang berterusan, Yang Berhormat. Sejarah sebelum ini pun menunjukkan begitu banyak sabotaj terhadap ekonomi negara kita. Apa yang berlaku sekarang ini, dia ada kaitannya dengan pilihan raya umum ke-13. Kalau FELDA Global Ventures ini berjalan baik, saham ini naik, dividennya bagus, peneroka suka dan sudah tentulah peneroka akan memangkah Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang. Kalau boleh gunakan mana-mana kuasa asing di luar untuk sabotaj ekonomi, sabotaj FELDA Global Ventures, sabotaj ekonomi negara. Mereka amat berbahagia kalau sekiranya saham ini turun dengan harapan mereka pada waktu itu peneroka akan menghukum Barisan Nasional. Akan tetapi peneroka FELDA di Malaysia ini

termasuk di Negeri Sembilan amat pintar dan cerdik menilai yang mana satu baik dan yang mana satu tidak baik. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak. Saya menyokong bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jerai.

4.41 ptg.

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi laluan dan peluang perbahasan Belanjawan 2013 pada petang ini. *Alhamdulillah* bersyukur kita ke hadrat Illahi dapat meneruskan sidang Dewan kali ini dan saya mulakan perbahasan saya dengan merujuk kepada soal saf. Allah berfirman - *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Saya merujuk juga kepada hadis Nabi SAW - *[Membaca sepotong hadis]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perbahasan ini merupakan amanah rakyat kepada kita semua. Pihak pemerintah sudah pasti diberi amanah untuk mengurus harta-harta rakyat, wang ringgit rakyat dan masa depan rakyat. Adapun kami pihak di sebelah sini adalah merupakan yang berada kerana demokrasi, kerana perlembagaan yang sah. Kemudian tidak salah kepada kami untuk memberi cadangan, pandangan dan juga bantahan terhadap perkara-perkara yang sepatutnya kami beri teguran. Ini sebenarnya adalah peraturan yang dibenarkan dalam Dewan ini. Namun begitu kita melihat berlaku pelbagai tanggapan lain sehingga menjadikan ia pentas yang seolah-olah menjadi ruang untuk kita berbahas mengikut emosi dan sebagainya.

Maka sebab itu saya sebagai anak muda, kita meneliti dan menelaah segala perbahasan belanjawan ini. Kemudian untuk kita pastikan bahawasanya ia diberi sama rata kemudian diagih sama rata, kemudian rakyat menerima manfaat daripada agihan itu. Walau bagaimanapun tidak salah kita menyebut dan memberikan pandangan-pandangan yang baik dan juga kritikan-kritikan yang pedas demi rakyat yang memilih dan melantik kita sama ada pihak kerajaan atau pihak pembangkang. Namun kami merasai amanah besar di negeri Pakatan Rakyat iaitu Kedah, Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan. Kami juga meneruskan agenda yang sama dan juga menerima teguran dan pandangan dari pelbagai pihak termasuk pembangkang di negeri Pakatan Rakyat.

Namun untuk saya jelaskan dan saya berkongsi sama dengan rakan-rakan lain iaitu berkaitan dengan bantuan pertanian yang telah diluluskan begitu banyak namun sering kali menjadi isu rakyat tempatan khususnya di Parlimen Jerai. Hampir 65% rakyatnya bekerja sebagai petani ataupun pertanian sawah padi. Saya melihat apa yang menjadi kebimbangan mereka adalah mereka terpaksa menambah baja-baja dan racun-racun yang telah disediakan

oleh pihak MADA. Namun begitu rakyat terpaksa mengeluarkan belanja sendiri untuk menambah.

Isunya, tahap mana kualiti baja dan kualiti benih padi ini dikaji, membolehkan rakyat tidak perlu lagi mengeluarkan belanja sendiri, sekadar yang telah diberi, disediakan oleh pihak MADA ataupun pihak subsidi kerajaan tadi? Ini menjadikan baja itu kadang-kadang keras. Saya sudah sebut di penggal yang lalu ataupun bulan Jun yang lalu, baja yang keras menyebabkan petani sukar untuk memproses dan bergerak dan menguruskan pertanian dengan baik. Ini menjadikan tenaga petani bertambah dan pengurusan dan kos itu juga bertambah.

Kemudian dari sudut rebat *hand phone 3G*. Saya kira ini pandangan yang cuba diberi kepada golongan belia muda. Selepas ini kerajaan jangan melihat dari sudut jangka masa yang pendek tetapi bayangkan kita jadikan projek-projek yang boleh mengeluarkan mereka dari kemiskinan, mengeluarkan anak muda dari kebimbangan masa-masa yang akan datang. Maka sebab itu, pandangan saya, rebat ini walaupun ia sekadar RM200 tetapi sebenarnya lebih penting dari itu yang perlu difikirkan oleh pihak pemerintah dan kami di Kedah khususnya, bagaimana untuk melangsungkan pengajian ataupun institut pengajian tinggi, maka Kerajaan Negeri Kedah telah membelanjakan hampir RM300 juta juga – hampir yang sama untuk membina Kampus Universiti Insaniah yang sudah pasti akan diguna pakai begitu lama tempohnya. Mungkin selama 50 tahun hingga 60 tahun yang akan datang. Maka kita akan melahirkan produk ilmuwan untuk negeri dan negara Malaysia ini.

Begitu harapan supaya – sebenarnya anak muda juga berhadapan dengan krisis rumah. Hari ini saya melihat Kementerian Luar Bandar. Kalau di Kedah dengan isu KEDA. Saya ingin memohon supaya pihak kementerian membuat kajian mengenai *design* rumah, keluasan rumah, bilik dan kelengkapan-kelengkapan dalam rumah tersebut yang terlalu daif yang menyebabkan warga yang menerima rumah ini dalam tempoh setahun hingga dua tahun mereka terpaksa membaiki dan menambah bilik dan membuat penambahan dan sebagainya. Ini kerana dari segi singki dapur sudah terlalu daif. Tidak ada *kitchen cabinet*, tidak ada tempat *parking* motosikal dan keadaan bilik yang sempit. Mungkin *design* ini ataupun pelan ini sesuai pada zaman 80-an.

Akan tetapi saya minta pihak kementerian mesti kaji semulalah supaya lebih selesa dan lebih manfaat kepada rakyat. Paling tidak selepas sepuluh tahun rakyat rasa selesa dan boleh membuat penambahan dan sebagainya. Bentuk rumah yang perlu dikaji semula supaya tidak membebankan rakyat dan rakyat terpaksa menerima sebagai sumbangan daripada pihak kerajaan. Cuma kita pemerintah mesti berfikir dan merancang untuk manfaat rakyat itu berkekalan tidaklah sampai 100 tahun tetapi paling tidaknya sama dengan rumah-rumah yang dibina sendiri oleh rakyat.

Kemudian saya melihat dari sudut cintai sungai. Sebanyak RM3.5 juta untuk mengindahkan Sungai Klang. Tahniah dan terima kasih tetapi di mana Terusan Wan Mat Saman yang berada di Parlimen Jerai sampai ke Alor Setar yang dikatakan buatan tangan yang

terpanjang oleh Menteri Besar Kedah pada zaman yang lampau. Mana peruntukan ini dan saya sebut kali yang ketiga pada Dewan ini. Tidak ada usaha bersama dengan pihak tertentu, pihak berwajib yang menjaga sungai ini yang tidak ada bajet atau belanja khas untuk menjaga Terusan Wan Mat Saman ini yang merupakan sejarah yang dibaca bukunya oleh anak-anak kita dalam negara ini.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dari sudut perbelanjaan prasekolah yang diberi peruntukan sebanyak RM1.2 bilion kepada ini dan saya melihat tidak ada bantuan kepada sekolah rendah. Sekolah rendah atau sekolah agama, SRA dan juga pondok. Industri pengajian pondok yang berada di seluruh negara. Seluruh negeri ada institut pengajian pondok yang dipelopori oleh tuan-tuan guru kita. Saya difahamkan di semua negeri ada. Hatta di Sarawak dan Sabah pun ada yang diusahakan oleh tuan-tuan guru yang belajar di Universiti Al-Azhar, belajar di Madinah, belajar di India yang balik dengan penuh kreativiti dan semangat untuk membuka sebuah pondok pengajian tradisi. Baca kitab talaqi yang saya yakin perlu kerajaan melihat di mana peruntukan ini. Apakah guru-guru ini ataupun waris-waris ataupun dari sudut mudirnya terpaksa mengutip derma merata tempat untuk membiayai dan membangunkan sekolah termasuk maahad tahfiz yang Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berikan kepada yang menghafaz Al-Quran.

Kita di Kedah, kerajaan negeri sentiasa peka dan telah memberi sumbangan kepada pengajian-pengajian pondok termasuk sekolah agama rakyat yang hari ini kementerian minta supaya SABK buat penyerahan barulah layak menerima bantuan tersebut.

Jadi saya minta. Ini pandangan kami sebagai mewakili warga guru-guru pondok sudah semestinya rasa kesal dan rasa seolah-olah segolongan ulama' ini sudah tidak diguna untuk pembangunan sekolah agama dalam negara ini.

Kemudian saya melihat projek rumah mampu milik yang juga tidak disebut sampai ke negeri Kedah. Namun begitu saya berharap kementerian perlu melihat. Sebenarnya kemiskinan bukan sekadar di ibu kota, di bandar-bandar besar sahaja tetapi terdapat juga di pedalaman.

■1650

Projek Tebatan Banjir yang kita tahu, utara telah dilanda banjir begitu besar dan bagaimana peruntukan itu? Saya sering kali dalam mesyuarat daerah disebut oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyebut puncanya daripada Sungai Ibor, Gurun, Sungai Tok Pawang, Sungai Kepala Bukit, Sungai Malai. JPS sebut kajian telah dibuat tetapi dananya belum sampai daripada Pusat untuk mengurus hal ehwal banjir kilat, banjir yang berlaku di Kedah khususnya Jerai dan kawasan Parlimen sekitarnya. Jadi, kita minta pihak kementerian masukkan belanjawan ini, dan pastikan sampai ke sasaran kerana yang tenggelam ini tidak kira parti mana, tidak kira kaya miskin, dia tidak terkecuali, bahkan semua terlibat di kalangan rakyat kita sendiri.

Kemudian saya melihat satu projek titi yang menghubungkan Kampung Choras Dalam, dan luar, di Kedah dan di Pendang. Saya melihat ia terlalu uzur, terlalu lama yang tidak boleh

ada laluan ataupun dua hala, sehalu sahaja. Ini juga projek zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman katanya. Dan minta pihak kementerian dan JPS kaji semula dan beri kemudahan kepada rakyat sebab selalu kita sebut duit untuk rakyat, demi rakyat. Jadi, kita minta perlu dikaji dan perlu ada peruntukan khas.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua dari sudut kenaikan harga gula, ini satu benda yang disebut oleh rakan-rakan bagaimana isu ini sebenarnya, kenaikan harga gula tidak boleh mengurangkan penyakit kencing manis. Akan tetapi sebagai hujah dalam Parlimen yang agak dangkal dan tidak sepatutnya kita melafazkan kalimah itu, kalau ia demi untuk mengurangkan kencing manis, lebih baik kita naikkan RM10 sekilogram. Sebab adakah ia benar-benar boleh dengan alasan itu, dapat mengurangkan penyakit kencing manis.

Kita dapati bagaimana keadaan di hospital hari ini, ramai warga emas khususnya ibu bapa kita yang dihidapi penyakit ini yang berakhir dengan potong kaki, potong jari dan sebagainya. Kita dapat ziarah. Wakil rakyat semua boleh ziarahlah penghuni-penghuni kita. Sepuluh kita ziarah, empat daripadanya strok, lima adalah kalangan penyakit kencing manis, dan selebihnya lain-lain itu adalah penyakit-penyakit lain, seperti 'penat' dan sebagainya. Maka sebab itu Kementerian Kesihatan perlu buat kajian, perlu beri ilmu kepada pengguna supaya pengguna lebih memahami, lebih bertanggungjawab dan bagaimana kita hendak elak daripada terkena penyakit ini.

Nasihat mesti diberi secara serius supaya dapat kita menjadikan rakyat kita sihat. Termasuk juga dengan peruntukan Klinik 1Malaysia yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan. Saya hendak sebut di sini dalam Dewan yang mulia ini, kalau kita amati betul-betullah sekarang ini, kalau kita cuba lihat satu persatu klinik kesihatan ibu dan anak (KKIA) ataupun klinik desa, cuba kita amati betul-betul keadaannya. Kita amati betul-betul dari segi *staff*nya, anggotanya, doktor pakarnya termasuk klinik-klinik ibu khususnya kita melihat bagaimana ada hari-hari tertentu sahaja diberi tarikh untuk berjumpa doktor.

Kalau kes kritikal, kena pergi hospital pula jumpa doktor pakar. Jadi, apakah kerajaan hendak biarkan ini. Sepatutnya selesaikan dahulu isu klinik kesihatan ibu dan anak, selesaikan dahulu isu klinik desa. Tidak cukup pakar, tambah doktor pakar. Tidak perlu tunggu tiga, empat hari. Tidak perlu tunggu satu minggu sekali. Rakyat boleh pergi *check* hari yang perlu. Kalau rakyat ada kes, rakyat pedalaman terpaksa sewa kereta, teksi pergi ke hospital. Kalau saya di tempat saya, Klinik Kesihatan Bidong, ada hari tertentu sahaja sebab isteri saya, isteri kawan-kawan yang boleh melahirkan anak, kita melihat bagaimana tempoh, tarikh janji temu doktor itu terlalu lama. Kita minta peruntukan yang begitu besar untuk mengadakan Klinik 1Malaysia ini, saya difahamkan RM20 juta dan hendak membina 70 klinik desa.

Sepatutnya selesaikan dahulu, tambahkan dahulu kakitangan, tambahkan dahulu doktor-doktor di setiap klinik desa, klinik kesihatan ibu dan anak. Pastikan ibu-ibu kita yang adalah mereka di kalangan isteri kita, di kalangan anak-anak kita, bakal-bakal menantu kita, mendapat

rawatan terbaik sebenarnya daripada klinik desa, klinik kesihatan ibu dan anak. Ini kerana kita dapati kementerian sedia maklum kurang staf, doktor pakar, penolong pegawai perubatan, jururawat terlatih. Ini sedia maklum. Selesai ini dahulu barulah ada cadangan lain. Jangan ini juga tertinggal ke belakang dan kesihatan, 'barang' asasi rakyat bukan mekanisme politik.

Ini perlu ditegaskan oleh Kementerian Kesihatan. Kita tidak mahu lah klinik kesihatan ibu dan anak ini menjadi tempat himpunan golongan ibu-ibu yang datang dalam keadaan uzur, yang kurang sihat. Ada yang berpenyakit kencing manis, ada darah tinggi terpaksa menanti setengah jam, dua jam, tiga jam. Sama juga dengan hospital kerajaan. Rawatan sebelah malam kita diminta pergi ke wad kecemasan. Bayangkan hendak menanti sudah tiga, empat jam, dua jam.

Saya pernah bersama-sama dengan rakan-rakan, daftar pukul 8, pukul 10 baru masuk jumpa doktor. Kalau orang sihat, orang tidak pergi Tuan Yang di-Pertua. Orang yang ada keuzuran, yang sakit yang amat sangat, terpaksa menanti dalam keadaan begitu dua jam, tiga jam baru dapat jumpa doktor. Hendak sebutnya, tidak cukup kakitangan. Hendak sebut tidak cukup doktor pakar, tidak cukup semua ini. Kenapa perlu dipolitikkan kesihatan rakyat kemudian hendak dibuka, hendak dibina Klinik 1Malaysia, sedangkan di hospital sendiri terutama di sebelah malam, klinik kesihatan ibu dan anak, klinik desa pun masih bermasalah pada rakyat untuk rakyat mendapat manfaat yang terbaik. Terpaksa pergi ke klinik swasta dan sebagainya hanya boleh dibuat oleh rakyat yang berkemampuan, mempunyai pendapatan yang tinggi. Rakyat kampung, pedalaman, petani, penoreh getah dan sebagainya, bagaimana hal ini dapat dilakukan oleh mereka? Mahu tidak mahu, menantilah mereka dua, tiga, empat jam menanti rawatan yang diberi di hospital kerajaan khususnya, dan juga klinik desa, dan klinik kesihatan ibu dan anak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu saya cadangkan supaya perhatian ini perlu diberi kerana kesihatan rakyat merupakan jaminan. Kita hendak rakyat kita sihat supaya rakyat akan menghasilkan produktiviti yang baik kepada negara.

Kemudian keselamatan. Keselamatan - Polis Diraja Malaysia. Keselamatan negara saya sebut dan antara lain pandangan dan cadangan belanjawan ini untuk menambah anggota polis, menambah rondaan motosikal. Yang dicadangkan di sini ialah untuk 100 buah motosikal dengan peruntukan RM20 juta. Kalau dikali, dibahagi RM20,000 sebuah motosikal. Motosikal jenis mana ini, berapa cc nya? Pada saya, cadangan saya kita belilah motor Modenas itu. Modenas produk tempatan, berada di Gurun, Parlimen Jerai. Kita belilah motor Modenas itu. Kita tengok motor posmen EX5, Modenas. Pusing kampung, boleh pun. Kita tidak mahu projek ini projek mega. Beli motosikal yang berkuasa tinggi tetapi kurang manfaatnya ataupun belanja kos yang tinggi.

Kalau dengan harga RM3,000 membeli Modenas, bukan setakat 1,000 buah motosikal, boleh dapat 10,000, bahkan lebih. Ini untuk keselamatan rakyat. Polis pihak berkuasa boleh buat rondaan setiap masa, setiap ketika. Sebab begini, baru-baru ini ada kes curi kabel TM. Berlaku di kawasan saya. Perhatian untuk Kementerian Dalam Negeri, saya ada bukti. Orang taman

perumahan tersebut telefon balai polis. Kebetulan lokasi tersebut di sempadan antara Daerah Yan-Daerah Kuala Muda. Parlimen Jerai ada dua daerah. Daerah Yan dua Kawasan Parlimen, Daerah Kuala Muda satu DUN. Ketiga-tiga DUN itu di bawah Kawasan Parlimen Jerai.

Apabila sahabat ini menelefon Balai Polis Guar Cempedak yang kebetulan hampir 3km dengan tempat kejadian tetapi daerahnya Daerah Yan, jawab Balai Polis Guar Cempedak, "Kamu kena telefon Daerah Kuala Muda, itu Pejabat Polis Gurun, sebab ini kawasan Gurun." Sedangkan operasi curi kabel ini berlaku terang-terangan. Lalu dia kata, "Patut polislah telefon polis, baru cepat bertindak." "Tidak, nanti encik telefonlah Balai Polis Gurun, minta perhatian." Tuan Yang di-Pertua, kalau inilah kerjasama yang diberi oleh pihak rakyat, jawapan begitu kepada rakyat, bagaimana hendak mengatasi masalah jenayah yang sedang berlaku ini. Jadi perhatianlah, perhatian sungguh-sungguh. Ini keselamatan rakyat. TM telah beri, ini *black area*, kabel kena curi siang malam. Jadi, kerjasama diminta oleh pihak TM, pihak polis.

Bila kerjasama dibuat, jawapannya telefon sendirilah. Keselamatan rakyat juga diambil kira zon ataupun wilayah, daerah, Parlimen juga diambil kira. Ini adalah satu benda yang tidak betullah pada saya, dan saya minta pihak PDRM, polis, kita hendak anggota kita cekap, prihatin. Itu tugas mereka. Rakyat tidak ada hak untuk tangkap mana-mana individu. Tiada kuasa, bidang tugas yang diberi oleh mana-mana parti politik untuk membenarkan pihak-pihak tertentu pada rakyat, orang biasa tangkap penjenayah, tidak boleh.

■1700

Jadi, saya harap Kementerian Dalam Negeri ambil perhatian. Sebenarnya kita banyak isu pada anggota polis ini. Saya dapat di tangan saya adalah Persatuan Bekas Polis Malaysia. Persatuan Bekas Polis Malaysia ini anggota penasihatnya hebat-hebat. Menteri Dalam Negeri, Ketua Polis Negara, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Saya difahamkan bekas Perdana Menteri tetapi apa berlaku? Repot polis dibuat oleh anggota tersebut kerana berlaku pecah amanah. Pecah amanah berlaku kerana duit yang diberi, dana yang diberi daripada pihak kerajaan kepada Persatuan Bekas Polis Malaysia bagi menyelesaikan pemutihan yang tertunggak akhirnya pihak yang berwajib pecah amanah, tidak selesai dengan peruntukan yang diberi oleh pihak kerajaan.

Ini saya sebut, bukan kita marah polis. Polis itu saudara kita. Polis rakyat yang diberi amanah yang memilih menjadi anggota polis yang sedang bertugas. Yang ada pada tangan saya ini adalah surat repot polis yang dibuat oleh Yusuf Hamdain Diego. Tidak puas hati berlaku pecah amanah kepada pihak persatuan polis yang tidak menyelesaikan setelah mana pihak kerajaan memberi geran RM600,000 kepada Persatuan Bekas Polis Malaysia ini. Ini juga adalah sebagaimana dianiaya. Persatuan dapat duit, duit diberi oleh kerajaan, pihak persatuan pula tidak amanah. Ini kebocoran sedangkan lembaga penasihatnya orang-orang kanan dalam negara ini. Ada pada saya Tuan Yang di-Pertua, surat repot polis yang dibuat oleh Yusuf Hamdain Diego (Yusuf Diego). Dikatakan mertua kepada Tan Sri Speaker dalam Parlimen ini. Bayangkan ini. Kita

bela! Kita sebut kenapa ini berlaku dalam negara kita. Di mana silapnya? Kita kena ambil perhatian supaya anggota polis yang bertugas boleh bertugas dan yang sudah pencen, ada persatuan boleh aktif berkebajikan kepada rakyat dalam negara kita ini.

Kemudian saya sebut tambahan saya dari sudut Kementerian Belia dan Sukan yang ingin membina velodrom, bina projek ke Rio, yang buat persiapan awal Olimpik di Rio dan sebagainya. Mungkin itu satu pandangan yang baik. Cuma kita melihat hasil yang rakyat akan terima. Hasil yang diterima oleh negara. Apakah sekadar kita yakin dan kita begitu gembira, suka dengan pembinaan projek-projek besar, stadium besar, velodrom besar tetapi hasilnya tidak seberapa. Kementerian Belia dan Sukan mesti buat kajian sepenuhnya. Bagaimana peruntukan untuk anak muda, anak belia yang baik di kampung, anak muda nelayan, anak muda desa, anak muda petani. Apakah peruntukan ini sekadar RM200 dan BR1M 2.0? Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu kita minta velodrom di Ipoh, kenapa tidak dibaik pulih dan digunakan sebagai tempat latihan basikal yang terbaik di negara kita ini? Tidak perlu kita pergi ke Seremban dengan jumlah RM80 juta. Walhal kita ada dan tengok pula kajian apakah ia memberi kesan baik buruk kepada ekonomi negara.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi sama berkaitan dengan media, penerangan. Kita bertukar pemimpin. Perdana Menteri sampai ke hari ini kita masih mengekalkan trend yang sama, budaya yang sama. Kita tidak boleh menceritakan yang terbaik. Sebab apa kita suka sangat menjadikan media ini? Kita buat penyebaran yang tidak sama rata. Kami anak muda, saya daripada belum masuk ke Parlimen sampai menjadi Ahli Parlimen, benda yang sama. Kenapa pihak kerajaan tidak ubah sikap? Melaporkan benda yang berat sebelah? Apakah benar, apakah baik pada negara, pada rakyat? Kenapa dijadikan media ini serangan kepada parti-parti khususnya pembangkang dalam Parlimen ini? Kenapa tidak menyiarkan benda yang betul yang dibuat oleh pihak Kerajaan Pakatan Rakyat? Benda ini sebab media. Kita hendak lahirkan anak-anak dan rakyat berpendidikan tinggi. Bukan sekadar berpendapatan tinggi, maklumat yang terkini yang mesti disediakan kepada rakyat sebab rakyat yang menentukan hala tuju dan kuasa dalam negara ini. Kita tidak boleh paksa rakyat.

Semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut dalam selepas sehari dalam belanjawan ini, dia sebut, "*Belanjawan bajet bukan bajet beli undi rakyat*". Maknanya, kalau rakyat tidak undi Barisan Nasional pun tidak boleh kata apa! Termasuk di negeri Pakatan Rakyat, kalau tidak mahu undi pun tidak boleh kata apa sebab rakyat kita bukan rakyat 1960-an. Rakyat kita rakyat yang bermaklumat. Rakyat kita kanan kiri, hari-hari maklumat di hujung jari. Cuma yang rakyat hendak adalah pemimpinnya bersih. Pemimpin yang integritinya tinggi. Pemimpin yang mampu mengubah keadaan rakyat. Contoh saya sebut, RM1,000 pendapatan di Kedah. Boleh hidup? RM1,000 juga duduk di ibu kota. RM1,000 duduk di Johor. Kita melihat cukup perit anak muda hidup. Pendapatan RM1,000 di Kedah mungkin mampu sewa rumah RM80, itu pun sudah susah hendak cari Tuan Yang di-Pertua. RM150 anak dua, kereta Kancil, Viva. Lebihan

RM100. RM1,000 yang sama berada di ibu kota Kuala Lumpur ini saya ingat dia lari malam. Terpaksa minta ayah dan keluarga dia bantu dia sambil menanti kenaikan gaji. Ini penderitaan anak muda sebenarnya.

RM1,000 di Johor, lagilah, kos cukup tinggi. Rumah sewa RM400, dapat anak, nurseri sahaja RM400, RM800. RM200 buat apa? Ini perlu lihat dan kaji. Kita bagi rebat *hand phone*. Betul kita bagi. Rakyat pun saya kata terimalah, ambillah. Itu keputusan Parlimen kita kata. Cuma masa depannya macam mana? Pendapatannya cukup perit untuk hidup. Bayangkan golongan yang hendak hidup, hendak mengurus pendidikan anak-anak, hendak hidup lebih lama kalau diizinkan oleh Allah usianya panjang, mengurus! Apakah mampu membekalkan harta kepada anak-anak mereka ini? Jadi, ini benda yang perlu difikirkan dan buat kajian.

Oleh sebab itu saya minta Kementerian Belia dan Sukan yang dikatakan 12 kementerian bergabung, hendak berfikir, menentu hala tuju anak muda, saya hendak jawapan apa yang telah kita capai sehingga tahun 2012 ini. Penentuan jalan ekonomi anak muda Malaysia ini, berbilang kaum, Melayu, India, Cina, Kadazan dan sebagainya. Mana mampu? Bolehkah mereka hidup? Maka, sebab itu kami Pakatan Rakyat menekankan gaji minimum sebab kita melihat realiti hidup. Kita tidak mengapalah. Kita dapat projek, kawan kita bagi projek tetapi anak muda kampung yang tidak kenal kita. Tidak semua anak muda faham politik. Tidak semua anak muda dapat habuan politik. Tidak semua anak muda tahu semua ini.

Jadi, saya harap Kerajaan Barisan Nasional prihatin dan Kementerian Belia dan Sukan, tolong buat kajian. Keluarkan kebimbangan ini. Keluarkan kesusahan ini. Oleh sebab itulah kita di negeri Pakatan Rakyat, di Kedah kalau dapat tawaran IPTA untuk ijazah RM400, diploma RM200, berlaku kematian ahli keluarga bawah *kafalah* RM500, kita bagi. Media tidak ada! TV jangan harap. TV3 lagilah. *Utusan* lagilah. Jadi, ini laporan media yang berat sebelah. Kami orang muda tidak boleh terima semua ini. Untuk apa kita hidup dalam negara kita yang cuma tipu kita. TV yang kita beli, letak dalam rumah kita. Warta berita hendak tipu kita. Mana boleh! Mana boleh TV yang kita beli, akhbar yang kita beli, hendak putar belit dasar dan perjuangan kita. Cuba cerita betul-betul .

Tahniah kepada *Sinar Harian*. Ada melapor aktiviti-aktiviti kami yang secara menyeluruh. Tidak ada pindaan apa. Walaupun *Sinar Harian* tidak ada saham kami pada mereka tetapi ini lahir sebuah akhbar yang kecil yang hendak menyatakan kebenaran yang sebenar. Saya sebut tahniahlah sebab ia mampu mengeluarkan berita-berita berkaitan dengan pemimpin Pakatan Rakyat dan pemimpin-pemimpin kecil Pakatan Rakyat, termasuk pemimpin Barisan Nasional yang membawa cerita. Tidak kisahlah. Pada kita rakyat dengar. Jadi, kita minta permit *Sinar Harian*, jangan potong lagi. Teruslah lagi. Selagi mana ia tidak melakukan kesilapan, kita boleh terima. Ini keterbukaan kami anak muda dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bersama-sama rakan tadi dari Konvoi Mega Tuntutan Royalti. Sebenarnya royalti yang di Kelantan ini bila kita kaji semula dan kita amati betul-betul,

saya cukup simpati dan cukup rasa bangga dengan Almarhum Tun Abdul Razak yang telah disebut dalam Parlimen yang mulia ini yang telah meletakkan tiap-tiap negeri akan menerima 5% daripada nilai petroleum yang dijumpai dan diperolehi dalam kawasan perairan atau di luar perairan negeri tersebut atau sekalian ini. Ini ucapan beliau Almarhum. Kita sebagai anak ini oleh kerana takdir Allah taala anak beliau menjadi pemimpin. Kita terima, kita redalah tetapi kita sebagai anak, hadis Nabi sebut...

■1710

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Okey, sedikit sahaja lagi. Penutup Tuan Yang di-Pertua. *[Membaca sepotong hadis]* Yang bermaksud, *"Berbaktilah kamu kepada ibu bapa kamu sudah pasti akan diikuti oleh anak-anak kamu."* Ini hadis Nabi. Tidak adakah kebajikan yang ayah kita kekalkan berpanjangan untuk khairat, kita sebagai anak yang soleh apa salahnya kita melangsungkan hak itu, kita beri kepada rakyat Kelantan. Rakyat Kelantan rakyat Malaysia. UMNO Kelantan ada, PAS ada, semua ada. Pakatan Rakyat ada, BN ada, apa salahnya kita berikan semangat rakyat Malaysia, sudah kita kata 'Janji Ditepati', kita bagi sahajalah.

Kita ada hadis Nabi, kita ada al-Quran sebut - *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Yang bermaksud, *"Kenapa kamu kata kamu tidak buat, berat azab di sisi Allah Taala jika bahawa kamu kata kamu tidak buat."* Jadi takutlah kita dengan ayat ini. Saranan saya supaya perjuangan rakyat Kelantan saya minta diteruskan dan kerajaan mesti dengar, faham, menilai kebajikan rakyat.

Bayangkan satu sen rakyat guna royalti minyak laksanakan projek-projek khairat, ganjaran berpanjangan kita dapat dan perolehi. Kenapa politik mengatasi segala-galanya, kenapa politik biarkan dan hancurkan masa depan kita? Sedangkan kebajikan berpanjangan akan dikira oleh Allah SWT. Saya faham ada masjid dibina, saya faham ada surau dibina tetapi ada hak yang kita nafikan - *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Yang bermaksud, *"Aku kata Allah, haramkan kezaliman maka jangan kamu zalim."* Jangan zalimi mana-mana pihak kerana ia merupakan perkara yang dikutuk oleh Allah SWT dan saya yakin dan percaya bajet ini walaupun Perdana Menteri sebut bukan bajet untuk beli rakyat tetapi bagi saya ianya bajet minta nyawa. Rakyat faham segala-gala yang berlaku dan rakyat akan buat keputusan dengan baik untuk mencari dan memilih pemimpin yang berjiwa, yang sudah tentu menyediakan masa depan untuk rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sibuti.

5.12 ptg.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang untuk terlibat dalam perbincangan Bajet 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Jumaat yang lepas dengan jayanya. 'Makmur Negara, Mensejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati,' merupakan tema Belanjawan 2013 yang dirasakan bersesuaian dengan keadaan semasa negara kita pada waktu ini.

Selepas Belanjawan 2013 dibentangkan pada 28 September 2012 yang lepas saya telah meneliti inti pati belanjawan dan mendapat *response* daripada rakyat di kawasan Parlimen Sibuti. Mengenai menaikkan perbelanjaan ini yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia, saya akan cuba sampaikan pesanan rakyat Sibuti pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana meneruskan bantuan RM100 kepada pelajar sekolah dari Darjah Satu hingga Tingkatan Lima bagi sesi persekolahan 2013 kelak. Bagi masyarakat di luar bandar terutamanya pemberian RM100 ini amat bermakna bagi membolehkan ibu bapa menyediakan persiapan persekolahan anak-anak dan merasakan beban yang ditanggung dapat dikurangkan sedikit. Malah saya melihat bagi ibu bapa di kawasan bandar besar juga merasai pemberian RM100 ini membolehkan mereka berbelanja lebih untuk anak-anak dan sesetengahnya juga menjadi RM100 ini sebagai belanja poket anak-anak untuk belanja berapa bulan. Ini jelas bahawa pemula kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memandang serius untuk mengurangkan beban harian ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya amat prihatin kepada pendidikan, pembelajaran dan kebajikan pelajar di seluruh Malaysia setelah diperkenalkan pada tahun lepas kupon RM200 kepada mahasiswa, sekali lagi diteruskan dan terima kasih tidak terhingga kerana peruntukan ditambah sebanyak RM250. Diharapkan mahasiswa menggunakan kupon ini dengan baik.

Pada perbelanjaan kali ini juga saya melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin telah meneliti dan bekerjasama dan berunding dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pelajaran berkenaan soal pendidikan negara. Belanjawan kali ini, kerajaan mengumumkan sekali lagi peruntukan sebanyak RM100 juta kepada sekolah mubaligh dan sekolah jenis Cina dan juga Tamil. Apa yang ingin saya cadangkan adalah bagi belanjawan mengurus untuk Kementerian Pelajaran kelak, saya merayu agar pendekatan diberi kepada baik pulih sekolah serta menaik taraf kemudahan sekolah-sekolah terutama sekali di luar bandar agar setanding dengan sekolah di bandar.

Perkara ini telah banyak kali saya kemukakan pada sidang-sidang lepas dan soalan-soalan yang dikemukakan berkaitan isu ini. Antara yang perlu diambil berat, keadaan kerusi meja sekolah luar bandar yang juga masih lagi menggunakan kerusi meja yang daif. Selain daripada itu, saya mencadangkan pembinaan rumah guru di kawasan luar bandar yang terpencil agar guru-guru merasa selesa. Kerajaan harus tahu dan sedar bahawa masih ada guru-guru di

luar bandar terpaksa berhimpit tinggal sebumbung dengan keadaan rumah yang tidak menyenangkan. Rasa hormat saya kepada guru-guru ini yang bertaburan di kawasan luar bandar di Sarawak mungkin juga ada di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen Sibuti merupakan kawasan yang mempunyai potensi dalam sektor pelancongan. Terdapat rumah-rumah panjang yang terlibat dalam program *homestay* dan juga dengan kampung masyarakat Kadayan yang kaya dengan budaya yang dapat dipromosikan dalam kalendar pelancongan. Seperti yang kita ketahui, Parlimen Sibuti memiliki khazanah seperti Gua Niah, Hutan Simpan Lambir, *coral, blue ridge*, Hutan Bakau Sibuti dan pantai-pantai yang indah. Saya melihat potensi ini dapat dimajukan jika mendapat peruntukan daripada pihak kerajaan.

Dengan ini saya mencadangkan agar peruntukan RM350 juta untuk sektor pelancongan dapat disalurkan sedikit kepada Parlimen Sibuti. Masyarakat Sibuti mengeluh dan merasakan kerajaan melalui Kementerian Pelancongan tidak memandang serius kelebihan yang ada, mempunyai destinasi pelancongan seperti di Sibuti.

Selaras dengan cadangan membangunkan sektor pelancongan Sibuti, satu lagi inisiatif kerajaan yang diperkatakan oleh ramai anak Sibuti, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat mempertimbangkan supaya salah satu kawasan di Parlimen Sibuti disenaraikan dalam projek RTC. Program RTC dilihat dapat memberi impak yang besar kepada pembangunan luar bandar khususnya di kawasan Parlimen Sibuti terutama sekali di Bekenu.

Beberapa cadangan saya adalah seperti Kampung Ranche-ranche, Kelulut, Kuala Sibuti atau kawasan Saih. Memandangkan jalan raya hasil dari janji lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Bekenu pada tahun 2010 telah semua siap dibina, kawasan yang dinyatakan maka program RTC amat sesuai. Ini membolehkan para generasi baru di kawasan Parlimen Sibuti yang berbangsa Melayu, Kadayan, Melanau, Iban, orang ulu, Cina dan sebagainya mampu dimajukan.

■1720

Rakyat kini semakin bijak dan cadangan bijak dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh diterima oleh mereka dan jika boleh dibawa ke kawasan Sibuti. Ini adalah pelawaan ikhlas dari saya dan rakyat Sibuti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pertambahan sebanyak 150 mesin dialisis akan diberi ke pusat-pusat dialisis seluruh Malaysia. Saya selama ini konsisten mengenai isu ini mengingatkan untuk meningkat tahap di kawasan luar bandar antara yang pernah saya kemukakan adalah berkenaan keperluan mesin dialisis di kawasan Bekenu atau Niah. Kemudahan ini amat diperlukan di kawasan tersebut kerana pesakit-pesakit terpaksa berulang-alik ke bandar raya Miri untuk mendapat kemudahan dialisis buah pinggang. Jika kerajaan tidak keberatan adalah sesuai sekali jika ditempatkan sebuah mesin dialisis di salah sebuah klinik kerajaan di Parlimen Sibuti,

ianya sebagai permulaan Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan tersebut untuk rakyat yang kurang bernasib baik.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, melalui belanjawan ini saya berharap agar pihak kerajaan juga dapat mengambil berat berkenaan keperluan kesihatan di kawasan luar bandar. Tahniah kepada kerajaan, pemeriksaan percuma *mammogram* kepada wanita berusia 40 tahun ke atas. Ini adalah langkah baik dari kerajaan dan penghargaan kepada golongan wanita. Kerajaan amat prihatin kepada wanita-wanita ini yang menjayakan institusi keluarga di Malaysia dan saya berharap Yang Berhormat Menteri Kesihatan menunaikan janjinya untuk menaik taraf klinik kesihatan di Niah dan juga di Bekenu menjadi klinik kesihatan ibu dan anak dan juga menjadi klinik yang bertaraf lebih baik daripada kawasan-kawasan yang tidak ada mempunyai kedoktoran seperti yang ada di kawasan saya.

Kawasan Parlimen Sibuti merupakan kawasan yang aktif dalam aktiviti pertanian persendirian. Selain itu juga sudah ada hasil dari Program Azam Tani yang meningkatkan pendapatan rakyat. Selain itu juga aktiviti pertanian utama kini adalah penanaman sawit. Menyebut hal pertanian sawit, saya menyambut baik cadangan belanjawan bajet sebanyak RM432 juta untuk penanaman sawit.

Melalui usaha ini saya merasakan komoditi sawit dapat melonjak di pasaran dunia semasa dan bersaing dengan minyak soya daripada Amerika Syarikat. Ramai di kalangan rakyat Sibuti terlibat dalam program penanaman sawit sekitar lewat tahun 80-an dan 90-an dan usia pokok sawit tersebut menghampiri tempoh tidak produktif lagi. Saya berharap melalui insentif tanaman semula ini dapat melibatkan pengusaha kecil dan sederhana sawit dalam meningkatkan ekonomi mereka di kawasan Sibuti.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengutarakan permasalahan serius pengusaha kecil sawit di Parlimen Sibuti iaitu kesukaran untuk menjual hasil sawit mereka ke kilang-kilang besar. Mereka terpaksa menjual sawit mereka kepada peraih-peraih sawit dari syarikat menimbang sawit persendirian, maka harganya akan tidaklah sampai RM400.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan mengenai Program Pembinaan Rumah Mampu Milik, satu pesanan ringkas terutama golongan keluarga muda di Sarawak agar peruntukan pembinaan tersebut diagihkan kepada SPNB di Sarawak seperti di Miri, Kuching, Bintulu yang mana keperluan rumah mampu milik amat diperlukan. Selain itu dengan peningkatan pendapatan RM3,000 ke RM5,000 bagi Program Rumah Pertama Ku mohon agar pihak bank memberi kerjasama kepada pembeli kerana apa yang saya dengar dan terima aduan dari rakyat adalah pihak bank seperti tidak menyambut baik program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan latihan kepada 300 pelatih bagi projek Pengerang, DILP Pengerang saya harap sekurang-kurangnya 50 orang pelatih tersebut adalah di kalangan anak-anak Sarawak dan anak-anak Sabah dan pada saya ini bukanlah permintaan yang melampau.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Bajet 2013 saya lihat terdapat kesinambungan dari bajet lepas. Kerajaan jelas serius dalam meneruskan projek pembinaan jaringan jalan raya di Malaysia. Sebanyak RM1.6 bilion untuk 400 kilometer jalan diperuntukkan bagi belanjawan kali ini. Saya menegaskan di sini bagi negeri Sarawak sering kali kita mendengar keperluan lebuhraya, jika kita renungkan lebih jauh Sarawak bukanlah hanya memerlukan sebuah lebuhraya tetapi lebih daripada itu bagi usaha kerajaan untuk mendapatkan jaringan jalan raya lebih sesuai.

Saya amat berharap agar setiap kampung dan rumah panjang dapat dihubungkan dan pembinaan jalan-jalan raya penting bagi menghubungkan bahagian-bahagian di Sarawak, di kawasan yang terpencil luar bandar. Saya juga menegaskan di sini agar pihak kerajaan menimbang secara serius untuk melebar laluan jalan raya sedia ada untuk dua laluan secara berperingkat dan memastikan jalan diturap dengan baik. Tuan Yang di-Pertua perkara ini juga, saya harap peruntukan RM1.6 bilion kelak dapat disalurkan ke kawasan Parlimen Sibuti terutama sekali bagi kawasan skim Sepupuk, Niah menurap penuh jalan raya Kuala Lajung, menaik taraf jalan batu dan tanah kepada jalan berturap ke rumah-rumah panjang.

Lanjutan daripada Bajet 2013 juga kita dapat melihat bahawa kerajaan turut menambah peruntukan untuk projek air dan elektrik di kawasan luar bandar yang memberi manfaat kepada puluhan ribu keluarga terutama di Sarawak mungkin juga di Sabah. Pemberian tangki air berjumlah 40,000 unit juga adalah lanjutan daripada pengumuman Bajet 2012 yang lalu. Usaha pemberian tangki air ini diperlukan sepanjang 2012 di kawasan Sibuti menerima anggaran 2,000 unit tangki air untuk diberikan kepada rakyat. Dengan adanya 40,000 ini ianya akan diagihkan kepada rumah-rumah panjang yang belum menerima dan benar-benar memerlukan tangki air.

Tuan Yang di-Pertua saya tertarik dengan pengumuman pembukaan sebuah Pusat Internet 1Malaysia dengan dana sebanyak RM150 juta. Saya mendapat respons dari laman sosial saya, bahawa selain daripada membuka pusat internet yang sudah banyak diperkenalkan oleh kementerian-kementerian berkaitan seperti MOSTI, Belia dan Sukan, saya tertarik dengan cadangan rakan *Facebook* dan *Twitter* saya agar peruntukan ini dapat digunakan untuk memasang perkhidmatan UniFi di kedai-kedai mamak ibu kota dan bandar-bandar utama serta melibatkan penyertaan kedai-kedai makan untuk pemasangan peralatan WiFi.

■1730

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya boleh biarkan Yang Berhormat berucap sampai 5.42 petang, dan habiskan ucapan Yang Berhormat, boleh?

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Sedikit sahaja lagi. Mungkin lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, okey. Sila Yang Berhormat, sila.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak panjang, pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Orang Sibuti memang tidak panjang Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, "Janji Ditepati", itulah ungkapan saya dengari dari rakyat bila balik ke kawasan selepas pembentangan bajet. Mereka dapat merasakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunaikan janji-janji yang beliau katakan. Hampir kesemua projek beliau yang telah dikotakan janjinya.

BR1M di Parlimen Sibuti lepas berjalan dengan lancar. Kini dengan rasminya BR1M 2.0 akan diadakan sekali lagi. Ini adalah usaha kerajaan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah. Turut mendapat BR1M akan datang adalah golongan bujang baik lelaki atau perempuan akan mendapat BR1M tahun 2013.

Kepada graduan yang meminjam PTPTN, diskaun 20% dan 10% adalah satu peluang yang harus diambil. Jangan mengharap PTPTN ini akan dilupakan seperti janji kawan-kawan kita di sebelah sana.

Kerajaan menghargai jasa Relawan Malaysia dengan pemberian uniform seragam kelak. Saya berharap pasukan RELA akan lebih yakin dalam melaksanakan tugas mereka. Begitu juga dengan pemberian *one-off* kepada bekas tentera.

Tidak lupa kepada penjawat awam, mungkin bonus penjawat awam tidaklah sehebat pekerja Petronas ataupun GLC lain. Dengan bonus 1.5 bulan gaji, saya merasakan pekerja-pekerja berjawatan kecil dapat berbelanja lebih untuk anak-anak mereka terutama sekali dalam simpanan SSPN. Para pesara juga turut menikmati dengan bayaran kepada pesara sebanyak RM500 dan pelarasan pencen minimum kepada RM820.

Akhir kata saya Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pembentangan Belanjawan 2013 ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Semoga Malaysia dirahmati oleh Allah SWT. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

5.34 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim*. Pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya bersama-sama menyertai perbincangan mengenai Belanjawan Tahun 2013 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Saya rasa belanjawan ini perlu diteliti dari segi strukturnya dan keinginan untuk mencapai satu tujuan bahawa ianya ingin membawa satu pembaharuan kepada negara Malaysia. Saya juga mendapati belanjawan ini tidak pada mulanya menceritakan tentang isu-isu yang saya rasa penting sebelum belanjawan itu digubal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya kira hendak pergi *airport* sudah Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Okey, okey...
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sambung hari Isninlah ya.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Isnin, 8 Oktober 2012.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang]